

**KEMELUT  
BARU  
PEMUDA UMNO!**

**SUBKY ABDUL LATIF**

# KEMELUT BARU PEMUDA UMNO!

SUBKY ABDUL LATIF

5 MAR 1957  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

847422

Cetakan Pertama - Mei 1996

© Penerbitan Pemuda

© Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Rekabentuk oleh  
*Aris Design*

**PENERBITAN PEMUDA**  
2B Jalan 13C Selayang Baru  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-6162367

Dicetak oleh: Victory Enterprise *M*

847455

*M*  
32A.25954  
SUB  
5 MAR 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

# KANDUNGAN

Muqadimah Penerbit: Antara Zahid, Annuar Dan Isa Siapa Pilihan Pemuda	9
Dari Penulis	43
Bertuahnya Pemuda Kerana Berketuakan Orang Yang Paling Bersih!	49
Dilema Nazri: Seriknya Bertempur Dengan Mahathir	95
Misi Utama Rahim: Membawa Presiden Umno Ke Pusara Politik	103
Media Sebagai Penentu Agenda Politik Umno, Mengapa Nazri Melenting?	119
Apabila Akhbar Isytiharkan Perang	131
Antara Rahim Dan Datuk Harun: Perbezaan Dalam Persamaan	137
Siapa Mampu Betulkan Agenda Pemuda?	165
Kisah Peguam Negara Dan Pendeta Kristian: Menunggu Filem Terbaru Yusuf Haslam	175
Siapa Ketua Baru Pemuda?	183



“

Pemuda harus berani menolak pemimpinnya yang kaki perempuan, kaki botol, kaki rasuah, suka berfoya-foya, gemar mengumpul harta dan tidak ada idea baru. Pemuda harus berani menentukan Ketua Pemuda mereka sendiri.

”

## MUQADIMAH PENERBIT

---

# ANTARA ZAHID, ANNUAR DAN ISA SIAPA PILIHAN PEMUDA

---

OLEH AHMAD LUTFI OTHMAN

**B**ukan senang memujuk Haji Subky Abdul Latif menulis kembali buku politik setelah sekian lama ditinggalkannya. Menulis buku tentulah tidak sama dengan rutin menulis kolum mingguan, namun ternyata sen-tuhan Subky tetap menarik, penuh gaya dan mampu me-maku pembaca untuk terus mengikuti lenggok penu-lisannya yang cukup mengasyikkan itu.

Dengan bantuan dan jasa baik Sdr Ahmad Tarmizi Mohd Jam, cita-cita saya untuk menerbitkan buku politik Subky, Alhamdulillah, tidak dikecewakan. Bagi saya, Subky perlu memperkayakan semula khazanah buku-buku politik tanahair, walaupun beliau sendiri kini menjadi aktivis pembangkang yang penting.

Tradisi yang mula dirintis Subky, diteruskan oleh rangkaian penulis-penulis politik popular, seperti Syed Hussein Alatas, Yahaya Ismail, Zakry Abadi, Yusof Harun, dan semakin dirancarkan oleh rakan-rakan seperti Sayuti Omar, Daud Ibrahim, Tarmizi Mohd Jam, serta tidak terkecuali penulis-wartawan media arus perdana, Chamil Wariya dan Hambali Abdul Latif.

Secara peribadi, saya tetap mengkagumi gaya penulisan Subky sehingga saya selalu juga membayangkan, sekiranya Subky masih giat aktif menulis buku, tanpa terbabit dengan dunia politik, mungkin percaturan politik Umno menjadi lebih berwarna-warni.

Sentuhan Subky mempunyai keunikan tersendiri. Pembaca mungkin didedahkan dengan analisis yang nampak mudah dan indah, tetapi cukup bersahaja dan bisa mengejutkan. Pembaca tidak dipaksa menerima hanya satu aliran pandangan kerana tradisi penulisan Subky cukup kuat terikat dengan disiplin kewartawanan.

Subky tidak memerlukan data dan maklumat yang melemaskan sebelum memulakan analisisnya, berbekalkan cebisan kisah yang tidak pula menjadi rahsia, tulisannya tetap memaksa kita untuk menghabiskan pembacaannya. Sorotan dan kilasan pena Subky sentiasa ditunggu saban minggu, khususnya melalui akhbar *Harakah*. Ada saja idea bernas lagi menarik, dan kadangkadangkang membuatkan kita ketawa sendiri.

Percubaan pertama saya menerbitkan tulisan Subky mengenai rentetan episod dramatik dalam Umno pimpinan Dr Mahathir, mungkin tidak sehebat buku-bukunya di zaman Tun Razak dan Tun Hussein dahulu, tetapi ia adalah permulaan yang cukup menggembirakan saya.

Hanya satu harapan saya, kelahiran buku ini dapat mendorong Subky bersetuju dengan cadangan saya untuk lebih aktif menerbitkan buku-buku politiknya,

sebagai khazanah ilmu yang kaya dengan analisis yang cukup menyegarkan itu.

Akhirnya, jutaan terima kasih buat Haji Subky.

ii.

Apa ciri-ciri dan kelayakan asas bagi calon Ketua Pemuda Umno yang bakal menjadi pilihan para perwakilan, Oktober depan? Bagi kebanyakan orang, soalan seumpama ini cukup membosankan dan tidak relevan lagi.

"Itu macam soalan peperiksaan saja," kata seorang teman, sinis. "Orang tidak bercakap lagi soal idealisme sekarang. Siapa pun boleh bertanding kalau mendapat pencalonan secukupnya, banyak duit dan mempunyai tanah kosong untuk diagih-agihkan, serta dia rasa boleh mendapat sokongan."

Apakah ciri-ciri itu, seperti kedudukannya dalam kerajaan, dana kempen yang melimpah-ruah, kemurahan hati "menghulur" tanda ingatan, kejelasan visi dan ketepatan wawasan perjuangan, perhubungan awam yang mengkagumkan, imej sebagai pemimpin bertaraf serantau atau dunia, kualiti keperibadian dan mutu akhlak yang luhur, kemampuan mengurus krisis dan menyelesaikan masalah, ataupun mungkin bakat kepemimpinan semulajadi yang menyerlah serta memikat?

Mungkin juga semua faktor tersebut saling berangkaian dan berkaitan, tetapi soalnya, kriteria mana yang mendapat perhatian utama? Apakah kedudukan dalam kerajaan, misalnya sebagai Menteri Besar atau Menteri Persekutuan, dinilai dan disaring dari sudut pengalaman dan prestasi rekod kerja, atau kemampuan calon menawarkan habuan berupa kontrak dan tender yang lumayan, membantu menyelesaikan masalah kewangan perwakilan, atau jaminan dan janji manis mendapatkan projek-projek di bawah kementeriannya?

"Yang pasti, berdasarkan fenomena hari ini, tidak mungkin seorang calon Ketua Pemuda dipilih berdasarkan ketegasannya memerangi rasuah, kehebatannya menentang makan suap atau mengecam amalan tumbuk rusuk," kata seorang penerbit majalah bercorak politik.

"Selalu terjadi, tokoh politik yang amalkan politik wang dan tidak lagi menganggap rasuah suatu jenayah, dialah juga yang paling hebat mengkritik tindakan keji itu. Benar, mana ada orang yang mahu mengaku dia membeli undi," ujar seorang jurukempen yang aktif menjelang setiap kali pemilihan Umno.

Ketua Penerangan Parti Melayu Semangat 46, Shabery Chik pernah mengingatkan: "Kalau ada menteri yang bising mengatakan dialah orang yang paling bersungguh-sungguh nak hapuskan penyelewengan dan pembaziran, maka kita mesti berhati-hati terhadapnya."

Banyak pihak bersetuju dengan dakwaan umum bahawa perwakilan Umno tidak pernah menjadikan soal politik wang, janji-janji dan anugerah politik semasa berkempen sebagai isu besar. Ia fenomena biasa yang sudah diterima sebagai budaya baru Umno.

"Kami tidak menolak seorang Ketua Pemuda yang ideal mesti berketrampilan, berwawasan, cekap dan efektif menjalankan amanah, mampu memimpin dengan berkesan, tetapi kami juga melihat, apa yang kami dapat dengan sokongan itu. Menjadi Ketua Pemuda bermakna seseorang itu berada di barisan Naib Presiden, penggubal dasar parti, pengaruhnya besar, kedudukannya juga disegani, jawatannya bertambah tinggi dan dihormati. Tapi, kalau kami tetap macam ini juga... mana boleh jadi!" tambah seorang perwakilan yang mengundi Rahim pada tahun 1993.

"Menjelang tahun 2000, orang tak bercakap lagi pasal isu-isu abstrak atau nostalgia silam. Sekarang zaman memacu pertumbuhan ekonomi, zaman mengaut

kekayaan, zaman korporat, zaman perlumbaan sengit untuk menjadi manusia maju dan moden. Zaman globalisasi dan menguasai dunia luar, bukannya berbilang soal-soal emosi seperti kedudukan bahasa dan budaya. Jadi, kami akan pilih Ketua Pemuda yang boleh menyediakan peluang lebih baik bagi mengembangkan bisnes dan meningkatkan ekonomi kami, dan orang Melayu umumnya. Tapi jangan ingat kami ketepikan agama," luahan hati, yang saya kira ikhlas serta terbuka, daripada seorang pemimpin Pemuda di peringkat bahagian.

Kenyataan seumpama itu mengingatkan saya dengan pandangan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Zainuddin Maidin (Zam), yang mengulas tulisan Tun Daim Zainuddin bertajuk, "Orang Melayu Hilang Keberanian." Zam berpendapat perjuangan isu berteraskan emosi kini sudah tidak relevan. Katanya, manusia dalam kekenyangan menjadi malas dan sinis untuk tertarik dengan cabaran-cabaran yang bersifat emosi.

"Orang Melayu sudah keluar dari dunia emosi dan tradisi kepada dunia baru dengan penuh perhitungan-perhitungan yang realistik yang menjadikan mereka lebih rasional dan tidak lagi mudah dipermainkan perasaan mereka dengan slogan-slogan *Hidup Melayu, Bahasa Jiwa Bangsa* dan sebagainya. Hari ini masyarakat Melayu melihat ekonomi sebagai jiwa bangsa dan semuanya bergerak ke arah memantapkan lagi ekonomi sebagai payung keselamatan masa depan mereka di negara ini," tulisan Zam, pada 17 Mac 1996, dipetik.

Apa pun realiti jelik dan kenyataan sinis yang timbul dari fenomena politik wang, sewajarnya ahli-ahli tidak boleh berputus asa dan bersikap mengalah. Politik wang akhirnya akan memusnahkan keyakinan rakyat terhadap pemimpin-pemimpin politik, khususnya pe-

mimpin Umno, selepas rakyat dibebani secara langsung dengan kos politik wang tersebut. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat telah membuktikan hal ini.

Pensyarah Sains Politik UKM, Dr Wan Abdul Rahman Abdul Latif merumuskan kajian tersebut: "Sekiranya masyarakat demokrasi Barat menjadi ikutan atau model, maka gejala wang tidak akan terpisah dari sistem politik. Ia telah semacam diinstitusikan dalam masyarakat secara sistematis. Dalam kes Amerika Syarikat, politik wang telah meninggalkan kesan beban cukai yang relatifnya tinggi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berakhir dengan keyakinan masyarakat awam terhadap sistem politik menurun."

Berdasarkan kepada satu kajian di Amerika Syarikat, masyarakat awam lebih yakin dengan pekerja pemungut sampah berbanding pegawai-pegawai di Rumah Putih. Kajian yang dilakukan pada tahun 1973 ini menunjukkan keyakinan masyarakat awam terhadap pekerja pemungut sampah adalah 53 peratus berbandingkan pegawai Rumah Putih yang hanya mencapai 18 peratus.

Lebih memburukkan keadaan apabila sektor korporat telah menguasai arus politik. Di Amerika Syarikat, syarikat gergasi telah "melabur" dalam kedua-dua parti politik yang dominan. Strategi ini membolehkan syarikat gergasi mempengaruhi mana-mana parti yang menang. Salah satu keistimewaan yang mereka perolehi ialah "pelepasan" cukai. Sebagai contoh, lima syarikat gergasi minyak yang terdiri daripada, antara lain, syarikat seperti Gulf dan Mobil pernah hanya membayar cukai sebanyak US\$1 bilion atau 4.9 peratus daripada keseluruhan keuntungan yang mereka perolehi. (Rujuk Larry L. Berg dalam bukunya *Corruption in the American Political System*, 1976 dan Herbert E. Alexander menerusi bukunya, *Money in Politics*, 1972).

Bagaimanapun saya juga bersetuju dengan pan-

dangan bahawa korupsi mungkin menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan. Dalam hal ini saya tertarik dengan rumusan Rustam A Sani, seorang penganalisis sosial. Korupsi dengan sendiri tidak semestinya merupakan penghalang terhadap pertumbuhan ekonomi, malah dalam banyak situasi korupsi dapat menjadi pemangkin. Proses birokrasi dan membuat keputusan serta inisiatif boleh dipercepat oleh korupsi dan kepentingan diri si pemimpin. Namun korupsi membahayakan masyarakat hanya dari segi jangka panjangnya, yakni bila kita memperkatakan *the economic and moral costs of institution-alised corruption* (mudarat ekonomi dan moral korupsi yang telah terlembaga).

Presiden Umno, Dr Mahathir Mohamad, sewaktu majlis makan malam anjuran Kelab Harvard, Januari 1996 menggariskan ciri-ciri penting kepemimpinan yang baik. Antaranya ialah berwawasan atau berpandangan jauh berbanding orang lain. Pemimpin juga harus berupaya menentukan objektif dan sasaran, menilai kemampuan pengikutnya serta menggalak, menaikkan semangat dan memimpin mereka ke arah kejayaan yang lebih cemerlang.

"Ciri kepemimpinan ideal sangat banyak. Tiada pemimpin yang boleh memiliki semua ciri itu. Bagaimanapun adalah mencukupi jika mereka memiliki sebahagian ciri berkenaan. Pemimpin wajar mengelakkan kualiti yang buruk, sama ada secara sedar atau sebaliknya, sebagaimana pentingnya mereka memiliki kualiti yang baik," kata Dr Mahathir. Kepemimpinan yang baik harus meninggalkan inspirasi yang berkesan kepada pengikutnya supaya kualiti itu tetap diwarisi meskipun mereka sudah tiada.

"Kepemimpinan boleh dipelajari," tambah Dr Mahathir. "Latihan kepemimpinan sudah semakin biasa diadakan dan berjaya melahirkan ramai pemimpin yang



baik. Tiada misteri mengenai tugas memimpin dan ideal kepemimpinan."

Dr Shamsul Amri Baharuddin, seorang Profesor Antropologi Sosial, pernah melakarkan bakat dan kepandaian yang perlu dipamerkan oleh seorang ahli politik yang mahu berjaya. Mungkin calon-calon Ketua Pemuda boleh mengambil iktibar darinya.

Pertama-tamanya, beliau mesti mempamerkan segala ciri syakhsiyyahnya yang luar biasa. Kalau ciri-ciri ini tiada padanya beliau harus menciptanya dengan bantuan agensi *public relations* swasta, kalau ini gagal mesti cari bomoh. Usaha ini bertujuan untuk menunjukkan yang beliau adalah seorang tokoh yang serba boleh, serba tahu, serba guna, serba berguna, sanggup tanggung serba-serbi perbelanjaan, bersedia melayan semua, dan "semua hal boleh diurus".

Keduanya, beliau harus cukup sabar dan mudah mengorak senyum biar sepahit mana pengalaman dan cabaran. Berbekal tangkal besar, berbalut kain kuning, pastinya akan menjamin jadi kebal dan tak lut oleh segala bentuk tikaman dari belakang. Malah beliau juga akan terlindung dari segala "permainan berbisa", sama ada racun dan santau, yang kalau termakan akan menjadi ulam cuma tanpa apa-apa kesan parah ke atas dirinya. Persediaan ini mesti dirahsiakan daripada rakyat kerana tidak saintifik dan tahyul, tetapi sangat-sangat diperlukannya untuk survival.

Ketiganya, beliau juga mesti pandai buat ucapan kerana akan terpaksa berucap setiap hari, kadang-kadang dua tiga kali sehari. Atau, setidaknya-tidaknya pandai baca ucapan yang dikarang oleh penulisan upahan yang dibayar amat lumayan. Beliau tidak ada masa untuk menulis, biarpun dulunya dia adalah seorang penulis prolific, khususnya berbentuk surat layang. Apatah lagi untuk membaca buku kerana kesuntukan masa, biarpun

dulunya dia pernah mempengerusikan suatu jawatan-kuasa kempen membaca pada peringkat daerah.

Jika ditinjau kemenangan tipis Rahim Tamby Chik sebagai Ketua Pemuda, pada tahun 1993, dengan hanya majoriti 44 undi mengecewakan Isa Samad, yang memperoleh 220 undi, apakah Rahim menang kerana ciri-ciri kepemimpinan idealnya, atau mendapat dokongan padu Anwar Ibrahim ataupun memang berkat kemasihuran Rahim sebagai seorang Ketua Menteri Melaka yang sering mendapat pujian Mahathir?

Ini bermakna satu lagi faktor yang menjadi penentu, iaitu naungan politik tokoh-tokoh lebih besar, misalnya dalam kedudukan sekarang, Mahathir dan Anwar. Siapa yang mendapat kepercayaan Mahathir? Siapa pula yang diharapkan Anwar untuk menang?

Apakah Rahim boleh dan mampu menang jika pada tahun 1993 lalu dia berentap dengan Isa secara berseorangan, secara anak jantan, tanpa sokongan terbuka Anwar dan restu Mahathir? Ketika itu tiada tokoh utama Umno yang berani mengisytiharkan sokongan terbuka kepada Isa, semua mendokong Pasukan Wawasan yang diketuai Anwar. Anwar adalah seorang maharaja baru yang titahnya tidak berani dibantah.

Isa sendiri memberi jaminan, kalau menang beliau juga turut bersama Pasukan Wawasan. Malahan seorang lagi calon, Syed Hamid Albar, yang dilihat saingan terdekat Rahim, dan mempunyai peluang terbaik untuk menang, terpaksa menarik diri, dengar kata atas pujukan dan janji-janji manis Anwar. Bunyinya Syed Hamid dijanjikan jawatan Setiausaha Agung Umno. Menyanggah Pasukan Wawasan ketika itu bermakna menempah kegagalan, seperti nasib yang menimpa Sanusi Junid dan Pak Lah. Hasilnya semua calon Pasukan Wawasan terpilih, didahului Anwar yang menang tanpa bertanding.

Politik naungan ataupun *political patronage* adalah

permulaan kepada agenda politik yang bobrok dan hanyir. Natiyahnya ialah politik pilih kasih, politik ampu, politik yang mementingkan kaum kerabat sendiri, politik pak turut, politik cantas-mencantas, politik yang kontang dengan idea-idea baru dan tandus dengan akhlak luhur. Politik naungan tidak mementingkan kualiti kepimpinan, yang diambil kira ialah ikatan kekeluargaan atau sesiapa yang boleh sama-sama berkomplot, sanggup setia tanpa soal, atau yang boleh dipastikan tidak menderhaka satu hari nanti.

Itu tidak bermakna kita menolak sama sekali hubungan kekeluargaan dalam menentukan barisan kepimpinan. Sekiranya mereka memiliki kualiti kepimpinan unggul, walaupun tersimpul ikatan kekeluargaan yang erat, mereka tetap berhak untuk memikul amanah kepimpinan sama ada dalam parti ataupun kerajaan. Kalau anak Dr Mahathir memang berkemampuan memimpin negara, dipersilakan. Jika adik Anwar Ibrahim berkebolehan, sila masuk gelanggang.

Sejarah hidup Rasulullah (s.a.w.) menunjukkan, walaupun baginda mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan Saidina Abu Bakar as-Siddiq dan Ali Abu Talib, tetapi ia tidak melahirkan kesan yang negatif. Sungguhpun Abu Bakar adalah bapa mentua Nabi dan Ali adalah menantunya, kedua-duanya telah membuktikan bahawa mereka adalah pemimpin terunggul di zamannya dengan mempamerkan tahap ketaqwaan dan kepimpinan yang mengkagumkan.

Namun amanah kepimpinan tidak wajar diwarisi secara turun-temurun (dinasti) kepada anak dan saudara mara yang berbakat politik ataupun "anak didik", sedangkan masih ramai yang layak, dengan motif untuk memastikan kepentingan tidak terjejas walaupun selepas turun dari takhta.

Banyak pihak merasakan jawatan Menteri Besar

atau Ketua Menteri adalah kedudukan keramat yang boleh melonjakkan seseorang calon. Merujuk pertandingan 1993, Rahim adalah Ketua Menteri Melaka; Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan; Muhyiddin, Menteri Besar Johor; Muhammad Taib, Menteri Besar Selangor. Cuma Najib Tun Razak lebih mengharapkan kedudukannya sebagai bekas Ketua Pemuda Umno dan Menteri Pertahanan yang popular. Sedangkan Sanusi, Pak Lah dan Ghafar Baba sendiri, yang tidak disokong Kelab Menteri Besar sukar mencari platform untuk berkempen.

"Lebih baik menjadi Menteri Besar daripada menjadi menteri-menteri tidak berpengaruh, iaitu selain Menteri Kewangan, Perdagangan Antarabangsa dan Pendidikan. Lihatlah Ghafar, walaupun TPM, tidak dihiraukan orang akhirnya. Dari segi ini, untuk pertandingan 1996, ia lebih memihak kepada Isa Samad. Peluang menimbun kekayaan banyak di negeri. Zahid, walaupun kaya, tetapi ia berkat usaha kerasnya sendiri; Zahid tidak ada kementerian atau negeri yang boleh digadainya."

"Kemenangan tipis Rahim membuktikan persoalan moral dan idealisme masih mendapat tempat dalam agenda perjuangan Pemuda," dakwa seorang penyokong Zahid. "Imej Rahim yang buruk dengan palitan dakwaan kaki perempuan, sebelum kesnya dengan budak sekolah bawah umur didedahkan, menyebabkan Isa dapat undi bonus. Kalau Syed Hamid lawan satu sama satu dengan Rahim, nescaya Anwar kempunan."

"Jadi, kenapa pula Anwar sokong Rahim?" Saya bertanya soalan yang tidak menjadi misteri lagi, sekadar mahu menegaskan kesilapan Anwar memilih regu, atau mahu mendedahkan pendirian politik Anwar yang akan menggunakan siapa saja untuknya mendaki kerjaya politik lebih tinggi. "Anwar cukup dikenali dengan sikapnya yang suka menabur janji dan mempergunakan orang lain demi kepentingan dirinya. Tengoklah, kalau

Muhyiddin Yassin boleh membawa bala, nescaya Muhyiddin akan ditinggalkannya," kata seorang teman.

Saya pernah bertanya soalan yang hampir sama dengan Zahid Hamidi, mengapa beliau menyokong habis-habisan Rahim pada tahun 1993. Zahid terpaksa mengaku, sokongannya itu dibuat kerana ketaksuban kepada Anwar. "Moga-moga Allah menerima taubat saya kerana membuat pilihan yang salah," kata Zahid.

Anwar terpaksa memilih Rahim kerana tidak mahu undi di peringkat Naib Presiden berpecah dan tidak bulat kepada Pasukan Wawasan. Rahim khabarnya lebih berminat bertanding jawatan Naib Presiden daripada jawatan Ketua Pemuda, setelah mencuba nasib buat kali pertama pada tahun 1990, apabila beliau mendapat tempat paling bawah, dengan hanya 452 undi selepas memperolehi 10 pencalonan. Kalau Rahim bertanding juga Naib Presiden, ia boleh membuatkan undi untuk buat Pasukan Wawasan berpecah dan memberi peluang Pak Lah dan Sanusi menang. Sedangkan hasrat Anwar mahu pastikan dua seteru politiknya itu tersungkur sebelum bertarung, seperti apa yang dialami Encik Ghafar Baba.

"Rahim sudah bersumpah meninggalkan perangai buruknya di depan Anwar. Malang sekali, dia dimakan sumpah selepas itu, perangai lamanya sukar ditanggalkan," dakwa seorang penyokong Anwar yang setia.

Soal perilaku buruk adalah isu yang menarik, namun bagi sesetengah orang, ia seringkali tidak jelas pula maksudnya. Apakah ia bererti hanya suka berfoya-foya, mempunyai minat yang tinggi dengan perempuan (tidak kira berapa umurnya), masih minum arak atau berjudi? Bagaimana pula dengan tokoh yang melazimi diri dengan amalan rasuah, tidak amanah, khianat terhadap aspirasi perjuangan bangsa, menyalahgunakan kuasa demi pengukuhan jawatan politik, ego dan angkuh dengan kehebatan diri, sukar menerima pandangan golo-

ngan bawahan, lebih senang berdamping dengan masyarakat korporat dan mengetepikan kelas rendah, pilih kasih atau hidup mewah hingga lupa diri dan Tuhan?

Bekas penentang Mahathir yang kontroversi, Shahrir Samad, pada tahun 1992 memberitahu saya: "Seorang individu Islam, yang patut ditakuti hanya dua, iaitu dosa kerana melanggar perintah Allah dan menganiayai manusia. Dosa dengan Allah boleh bertaubat tetapi dosa dengan manusia, seperti menzalimi dan menganiayai manusia, kita dituntut memohon maaf kepada manusia. Tapi kalau orang itu menzalimi orang, ambil duit orang, rasuah, atau tipu orang, ia bukan dosa kecil. Dari segi kepimpinan, kalau pemimpin itu tidak menganiaya orang, tidak rasuah dan seumpamanya, ia adalah satu aspek kepimpinan Islam yang penting."

"Bagi aku, siapa pun terpilih tiada perbezaan besar, baik Zahid Hamidi, Annuar Musa, atau Isa Samad," kata seorang aktivis Pemuda, yang masih menimbang calon yang perlu disokongnya. Selalu dia mengajuk cakap Anwar: "Ada fulus, lulus." "Mereka tidak pernah berbasah isu-isu dasar yang membabitkan kepentingan Pemuda, apatah lagi isu-isu rakyat. Semuanya untuk kepentingan diri dan kelompok. Jika Zahid menang senanglah orang-orang di sekelilingnya. Ada peluanglah Zahid pegang jawatan penting dalam kerajaan. Macam itulah juga dengan Annuar Musa atau Isa. Jadi, aku rasa tidak salah kalau perwakilan mengundi calon yang banyak membantu mereka dan menjanjikan sesuatu yang terbaik buat mereka. Lainlah kalau ada calon yang cukup rendah mutu kepimpinannya, maka ia wajib ditolak. Begitu juga kalau ada calon yang cukup hebat kualiti kepimpinannya, terserlah kecemerlangannya, maka ia wajib disokong."

"Keadaan itu hanya benar untuk Zahid, bukan bagi Annuar. Annuar bertanding tidak mengharapkan jawatan lebih tinggi, dia sekarang seorang menteri. Berbeza

dengan Zahid, yang akan mempergunakan jawatannya sebagai Ketua Pemuda untuk memburu posisi penting dalam kerajaan. Annuar membawa misi parti, bukannya kepentingan peribadi. Kedudukan Annuar sebagai Ketua Pemuda lebih memudahkan Umno menawan semula Kelantan," penyokong Annuar Musa membela ketuanya.

"Mana ada orang politik yang berpuas hati dengan jawatannya sekarang," saya mencelah. "Dan rasanya tidak salah orang politik untuk bercita-cita besar. Jawatan yang tinggi adalah saluran memberikan khidmat lebih berkesan. Annuar Musa tentu mahukan jawatan politik lebih tinggi, begitu juga Isa Samad, dan pastinya tidak terkecuali Zahid Hamidi. Mereka mahu perkukuhkan kedudukan yang ada di samping mengimpikan posisi lebih dekat dengan Presiden."

Rustam A Sani menyifatkan perebutan jawatan dalam Umno sebagai *clashes of personalities* semata-mata. Jika yang berebut itu hanyalah tokoh-tokoh, maka yang akan mereka tawarkan kepada para pemilih sudah tentu bukanlah ideologi atau dasar, tetapi beberapa "manfaat" yang dapat mencirikan fenomena yang dikenali sebagai politik wang.

"Jika para tokoh yang bertanding itu tidak mewakili sebarang garis pemikiran dan pendekatan," kata Rustam, "maka yang menjadi asas pemilihannya tentulah bukan garis pemikiran yang diwakilinya. Oleh yang demikian, bila seseorang tokoh itu terpilih orang tidak akan berminat tentang sikapnya tentang beberapa isu negara, tetapi tentang siapakah pemimpin atasan yang menjadi sekutunya. Setiap pertandingan pada tahap bawahan akan senantiasa ditafsirkan sebagai pertandingan proksi di kalangan para pemimpin atasan itu."

"Isu dasar atau ideologi tidak relevan dalam proses pemilihan kepimpinan Umno. Semuanya mendokong ideologi dan pendekatan politik yang sama, itu pun kalau

boleh dikatakan Umno memperjuangkan sesuatu ideologi, tidak kira sama ada mereka faham ataupun tidak," ujar seorang pengamat politik.

Dalam wawancara *Massa* dengannya, Zahid meminta perwakilan Pemuda memberikan penilaian untuk memilih pemimpin dengan tidak melihat pulangan yang bakal mereka perolehi secara *instant* kerana sesuatu yang *instant* itu tidak lama.

Teori kepimpinan menyatakan seorang pemimpin itu harus dinilai dari tiga kategori. Pertama, pemimpin itu mesti mempunyai idealisme, kedua mempunyai hubungan peribadi yang baik dengan semua peringkat dan ketiga boleh memberi naungan dan pulangan dalam jangka panjang kepada mereka yang dipimpin.

"Saya tidak mahu keutamaan teori itu diberikan kepada yang ketiga iaitu pulangan ketika memilih pemimpin. Memang benar, ramai yang mahukan naungan dan pulangan sebab politik di Malaysia ini perlukan politik payungan tetapi biarlah pulangan jangka panjang itu mengubah generasi muda keseluruhannya dijadikan keutamaan, bukan pulangan peribadi. Janganlah mengkomersialkan sesuatu jawatan politik itu kerana ia bukan barangan dagangan. Manakala pemimpin itu harus pemimpin yang mempunyai akhlak yang mulia, imej yang bersih, ketaqwaan yang tinggi kepada Allah dan roh Islam yang kuat supaya mereka yang dipimpin itu boleh menterjemahkan visi pemimpin itu secara keseluruhannya," tegas Zahid.

Tapi yang lebih penting dari itu ialah kesediaan calon-calon Ketua Pemuda untuk *berani* berkempen secara bersih dan tidak menjanjikan habuan-habuan kebendaan yang memikat. Memang benar jawatan politik bukan barangan dagangan, namun realitinya pemimpin-pemimpin politik yang terbabit dalam perebutan kuasa begitu ghairah bergentayangan memperagakan diri membeli undi



dan pengaruh.

"Memang wang tidak boleh membeli segala-galanya, tapi apakah benda selain wang yang mampu membeli sesuatu melebihi kuasa beli yang ada pada wang," berbelit-belit juga seorang penyajak memberi pandangan.

Segala-galanya diperkudakan, apa yang lalu di hadapan mata dipergunakan, termasuk jentera kerajaan di bawah penguasaannya dan wang rakyat yang membiayai projek-projek segera anugerah politik, hanya untuk memastikan kemenangan berada di pihaknya. Manakala keaiban lawan, yang sebenarnya juga rakan-rakan seperjuangan dalam parti yang sama, didedahkan semahu-mahunya, tanpa segan silu lagi. Sebahagian dari keaiban itu sengaja diada-adakan, atau diperbesar-besarkan, tapi yang hairannya, habis kempen lenyaplah tohmah dan fitnah itu.

Mengapa saya tekankan soal "berani"? Mungkin ada calon yang mahu berkempen secara bersih dan menurut etika akhlak dan tuntutan agama, tetapi disebabkan realiti yang mendesaknya untuk turut bergelumang dengan najis hanyir politik wang, maka dia berasa tiada pilihan lain yang boleh dibuat. Maknanya mereka takut untuk menghampakan harapan penyokong dan menjadi tidak popular. Penyokong menjadi raja, sedangkan pemimpin adalah hamba.

Najib Tun Razak, semasa mempengerusikan forum ehwal semasa, Januari 1994, bertajuk Politik Malaysia: Cabaran Abad Ke-21, anjuran Malaysian Strategic Research Centre mengungkapkan hal ini: "Kadang-kadang (calon-calon) yang tidak mahu beri itu (politik wang) diminta, didesak, kadangkala diugut dan ini menjadi masalah. Jadi jangan fikir orang memberi sahaja salah, orang yang meminta, desak, dan ugut. Apatah lagi golongan korporat yang masuk dalam Umno ini, tolonglah menyelami dan menghayati budaya Umno yang hati.

Jangan bawa budaya korporat untuk merosakkan Umno."

"Najib apa kurangnya, politik wang juga senjata utamanya untuk menang pada tahun 1993 dulu. Walaupun Najib bukan MB atau menteri kanan ketika itu, tapi dana kempenya cukup lumayan," dakwa penyokong Muhyiddin.

Nasihat saya, bukan perwakilan saja harus menundukkan nafsu tetapi calon-calon yang bertanding mesti terlebih dahulu beristighfar banyak-banyak, merenung dalam-dalam hakikat diri seorang insan, dan bebanan yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti, sebelum mereka turun bertempur di tengah gelanggang. Kalau mereka tidak "menghulur" tiadalah tangan yang mengemis.

Ingatlah beberapa pesanan Rasulullah (s.a.w.):

"Akan datang sesudahku, pemimpin-pemimpin yang memerintahmu. Di atas mereka memberi petunjuk dan ajaran dengan bijaksana, tetapi bila telah turun mimbar mereka melakukan tipu daya dan pencurian. Hati mereka lebih busuk daripada bangkai." (riwayat at-Tabrani)

"Pangkat (kedudukan) pada permulaannya penyelesaian, pada pertengahannya kesengsaraan (kekesalan hati) dan pada akhirnya azab pada hari kiamat." (riwayat at-Tabrani)

"Khianat paling besar bila seorang pemimpin memperdagangkan rakyatnya." (riwayat at-Tabrani)

Pemimpin yang sebenar harus berkemampuan memimpin, mendidik rakyat, membawa mereka mencapai idealisme yang diperjuangkan, berani menegur dan membetulkan orang bawahan meskipun mengakibatkan diri tidak popular, bukannya terikut-ikut dengan gelagat penyokong dan balaci politik. Jika pemimpin harus tunduk dengan nafsu amarah dan karenah pengikut, mereka

tidak layak lagi berada pada kedudukan pemimpin. Mereka sebenarnya adalah haiwan politik pragmatis.

Soalnya, apakah niat sebenar mereka yang bertanding selama ini? Apa pula yang begitu dikejanya dengan jawatan Ketua Pemuda itu? Pengaruh, kedudukan, kekayaan, kuasa, atau ketamakan dan kerakusan jiwa yang kontang dari siraman ketaqwaan? Jika pemimpin hilang keberanian untuk menegakkan kebenaran dan keadilan, hanya mementingkan populariti dan *glamour*, segala-galanya tidak bermakna lagi.

"Masa berkempen bukannya masa untuk mengkritik orang bawahan. Inilah masanya memenuhkan tembolok mereka, melayani cita rasa mereka. Period ini cukup sensitif. Dengan hanya sedikit kesilapan bererti undi melayang kepada calon lain. Berani harus berpada-pada, beb," seorang pembantu kempen calon Ketua Pemuda memberi pandangan.

Beberapa orang penyokong Annuar Musa mendakwa boss mereka mempunyai sifat keberanian yang tidak ada pada Zahid dan Isa: "Annuar adalah *fighter* yang berani menanggung risiko. Dia rela kalah di kawasannya sendiri daripada bertanding di tempat yang lebih selamat. Annuar berani menentang istana, melawan arus perdana politik Kelantan, mencabar Tengku Razaleigh dan tidak segan silu memberikan pandangan berani dalam mesyuarat Majlis Tertinggi, di depan Mahathir."

"Annuar Musa," tambah mereka, "sedia menawarkan khidmat kepada Pemuda, atas kemampuan dan keupayaannya sendiri, bukan menumpang di atas tuah orang lain atau didesak oleh tokoh yang berkepentingan. Tidak timbul soal khadam sesiapa pada Annuar."

"Berani harus bertempat, dengan mengekalkan kesopanan budaya dan pegangan agama," jawab penyokong Zahid pula. "Untuk apa berani melulu, kalau Umno Kelantan terus ditolak rakyat. Untuk apa Annuar ber-

suara lantang mengecam Tok Guru Nik Aziz jika rakyat tetap merasakan MB Kelantan itu jauh lebih baik daripada Annuar sendiri."

Sahabat baik saya, juga penulis politik prolific, Sayuti Omar, dalam bukunya, *Agenda 1996: Anwar Lawan Mahathir*, memuatkan gambar Annuar Musa, bersebelahan potret Zahid Hamidi. Apa yang menarik perhatian saya ialah keterangan gambar (*caption*) Annuar: "Keberanian - Kelebihan yang ada pada Annuar Musa ialah keberanian. Beliau menegur sesiapa saja demi kebenaran dan kebaikan kepada parti dan negara. Tidak pandai untuk bergurau. Orang lebih mengenali kehebatannya dalam politik daripada peribadinya. Sebab itu banyak orang menganggap Annuar sombong dan ego."

Tulisan Daim Zainuddin yang kontroversi itu juga menekankan soal berani: "Kita sekarang menyokong dan menerima semuanya secara buta tuli. Tidak berani menyoal lagi. Tidak berani bersuara lagi. Takut dituduh anti itu, anti ini. Kita lebih suka jika tidak diganggu. Asalkan periuk nasi selamat, kita tidak sanggup menyoal apa-apa. Inikah Melayu yang kita mahu bariskan?"

"Kita mahu orang Melayu berani berterus terang seperti Dr Mahathir dalam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Musa Hitam dengan pendiriannya di era Tunku dan Anwar Ibrahim sanggup ditahan di bawah ISA. Tidak adakah lagi Melayu seperti Dr Mahathir dalam tahun 60-an dan 70-an? Kita mahu Melayu yang berani beri buah fikiran. Melayu mesti melahirkan pemimpin yang berani mengeluarkan fikiran bernas kalau mahu terus maju."

(Seorang teman berkata: "Tulisan Daim ini mengandungi pelbagai misteri. Apakah hubungannya dengan Dr Mahathir sudah renggang berikutan banyak projek besar dianugerahkan kepada anak-anak Dr Mahathir dan bukan lagi kepada Daim? Ataupun Daim mahu

menunjukkan tiada siapa berani kritik Dr Mahathir kecuali beliau sendiri? Atau Daim mahu menyindir Anwar yang sudah hilang sengat dan bisanya?")

Bagaimanapun Dr Mahathir tidak bersetuju dengan pandangan sahabat karibnya itu. Katanya, orang Melayu sekarang lebih berani daripada dulu: "Kita kena berani semua. Kita berani menghadapi rakyat. Kita berani ... bukan sahaja orang atasan, orang bawahan pun kita kena berani cakap ... menghadapi juga. Saya selalu kritik orang bawahan tetapi banyak orang tak berani kritik orang di bawah, takut tidak popular."

Dalam konteks Pemuda Umno, bagaimana sifat berani itu harus dijelmakan. Apakah dengan mengkritik pemimpin-pemimpin kerajaan yang menyeleweng, boros, rasuah dan rendah darjah keberkesannya? Ataupun sekadar berani menegur dan memberi idea baru dalam mesyuarat dan pertemuan tertutup, atas nama hikmah (kebijaksanaan)? Mungkin juga berani mengakui kelemahan dan kepincangan diri sendiri, kemandulan Pemuda dalam menangani agenda politik Melayu yang semakin mendesak, dan bersedia membuat perubahan di mana perlu?

"Pemuda harus berani menolak pemimpinnya yang kaki perempuan, kaki botol, kaki rasuah, suka berfoya-foya, gemar mengumpul harta dan tidak ada idea baru," kata perwakilan Pemuda 1993 yang begitu terkilan apabila Syed Hamid menarik diri. "Pemuda harus berani menentukan Ketua Pemuda mereka sendiri. Mereka tidak perlu takut dengan Mahathir ataupun Anwar. Kalau tugas awal ini pun tidak berjaya dilaksanakan dengan berani dan merdeka, jangan masuk politiklah."

Satu persoalan hangat yang selalu ditimbulkan ialah kewajaran Pemuda berperanan sebagai golongan pendesak, satu istilah yang sering dikaitkan dengan perjuangan Pemuda di zaman Harun Idris. Ketika menolak

pencalonan sebagai Ketua Pemuda 1993, Nazri Aziz, antara lain meletakkan dirinya yang belum mempunyai kedudukan dalam kerajaan sebagai alasan untuk tidak bertanding: "Bimbang dan takut saya ialah kerana saya bebas dan lantang, ada tekanan untuk menjadikan Pemuda ini kumpulan mendesak. Kalau tekanan dah jadi ombak yang besar supaya saya menjadikan Pemuda kumpulan mendesak, *I'm in trouble*. Pada saya, Ketua Pemuda mesti *complimentary* bukannya mendesak."

Almarhum Tun Dr Ismail, ketika merasmikan perhimpunan Pemuda, 1972, mengingatkan pemimpin Pemuda supaya tidak menjadikan Pergerakan Pemuda Umno sebagai *pressure group* secara terbuka kerana ia boleh dieksploitasi oleh parti-parti pembangkang.

"Mustahaklah kita membezakan soal-soal prinsip dari soal-soal detail. Soal-soal detail tidak harus diperbahaskan di khalayak ramai dan cara-cara bertindak patutlah mengikut saluran parti dan tidak meminjam tradisi-tradisi asing yang menyentuh pendirian dan keutuhan kepimpinan," tegas Dr Ismail, sambil meminta Pemuda sentiasa bersikap *action oriented* dan bukannya *publicity oriented*.

Anwar Ibrahim juga tidak bersetuju dengan konsep kumpulan pendesak dalam maknanya yang konvensional kerana, menurutnya, Pemuda Umno di bawah kepimpinan beliau mempunyai hubungan yang rapat dan *access* yang langsung kepada pucuk pimpinan parti sehingga semua perkara boleh dirujuk terus kepada pucuk pimpinan. (Inilah juga yang diujahkan Zahid Hamidi).

Namun begitu, dalam amalannya Anwar tetap membawa Pemuda Umno menjadi kumpulan pendesak, bukannya terhadap kerajaan pusat yang beliau menjadi salah seorang anggotanya tetapi sebaliknya kepada kerajaan-kerajaan negeri dan lain-lain kumpulan di luar

kerajaan. Mungkin Anwar menyedari, menjadi kumpulan pendesak dan mengawasi kerja-kerja orang lain sahaja kadang-kadang tidak memadai untuk menjadikan tugas organisasi jelas dan berstruktur. (Rujuk buku *Kepeimpinan Pemuda Umno*, tulisan Aminuddin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamarudin).

Seorang Exco kanan Pemuda memberitahu, Dr Mahathir cukup sensitif dengan teguran yang dibuat secara terbuka, khususnya melalui media, terutama apabila datang dari Pemuda. "Banyak agenda politik, sosial dan ekonomi Melayu gagal dilaksanakan oleh Pemuda di bawah kepimpinan Rahim. Begitu juga dengan pelbagai gagasan dan idea bernas PM, tinggal di awangan saja, tanpa *respons* sewajarnya dari Pemuda," kata exco berkenaan.

"Kepemimpinan harus telus," sambut saya, "sedia dikritik dan bertanggungjawab dengan amanah yang ditanggung. Khalifah Islam yang dijamin masuk syurga sedia ditegur dengan pedang, inikan Dr Mahathir yang banyak buat salah dan silap. Pengalaman membuktikan teguran terbuka, walaupun pedih rasanya, ada kalanya membawa banyak manfaat, dan dalam kadar yang lebih cepat."

"Siapa pun yang menang dalam pertandingan Ketua Pemuda tetap tertakluk kepada khadam masing-masing. Annuar Musa akan terikat dengan Mahathir, manakala Zahid sekadar berfungsi sebagai khadam Anwar untuk menjayakan cita-cita politiknya. Keduanya tidak mempunyai keberanian untuk menampilkan identiti tersendiri. Saya tidak pasti kedudukan Isa. Tapi mungkin Isa lebih condong kepada Dr Mahathir, walaupun bukan khadamnya," kata seorang ahli akademik.

"Masalah Isa ialah imejnya masih tersekat sebagai pemimpin negeri, dan bukan pemimpin pusat. Walaupun

Zahid tidak memegang jawatan dalam kerajaan namun kewibawannya di peringkat nasional tetap terserlah," tambahnya.

Isa Samad, dalam wawancara dengannya menjelang pemilihan 1993 berkata, sekiranya kita mahu bertanding, tidak perlulah kita menggunakan restu orang lain: "Saya tidak akan menggunakan sebagai kempen bahawa saya direstui oleh orang itu dan orang ini, kerana sistem itu tidak begitu baik. Dan saya tidak percaya kepada sistem meminta restu."

Zahid bagaimanapun menafikan tuduhan bahawa dia khadam Anwar: "Saya tidak menjadi khadam kepada mana-mana tokoh yang meminta saya bertanding. Tidak ada soal arahan, permintaan atau suruhan daripada orang-orang tertentu dalam perkara ini. Bagi saya, pemimpin saya ialah Dr Mahathir Mohamad, Presiden Umno dan Perdana Menteri kita. 'Baju' yang saya pakai ialah 'baju' Pemuda berwajahkan Dr Mahathir Mohamad dan tidak kurang daripada itu."

Dalam hal ini saya mengusiknya: "Kalaulah Dr Mahathir boleh mengundi dalam perhimpunan Pemuda, Dr Mahathir nescaya lebih senang menyokong Annuar Musa dan juga Isa Samad. Datuk (Zahid) menjadi pilihannya yang terakhir, atau mungkin tiada langsung dalam senarai pilihan Dr Mahathir." Nampaknya Zahid tidak cuba berusaha menolak gurauan saya itu.

"Sekarang umum melihat penafian orang politik sebagai mengesahkan dakwaan terhadapnya. Maknanya, sememangnya Zahid mengaku dia khadam Anwar," kata seorang kolumnis majalah Islam.

Pertandingan Ketua Pemuda 1996, khususnya jika membabitkan Annuar Musa dan Zahid Hamidi, pasti akan ditafsirkan sebagai pertandingan *proxy*, melebihi dari apa yang ditunjukkan dalam pertandingan antara Anwar Ibrahim dan Syed Hamid Albar dahulu. Ketika



itu Anwar dilihat mewakili Dr Mahathir, sementara Syed Hamid dikatakan membawa panji-panji Musa Hitam.

"Masing-masing menunggu siapa yang akan memulakannya dahulu," kata seorang aktivis Pemuda di Kuala Lumpur. "Jika penyokong Zahid berkempen mengatakan Anwar berada di belakang Zahid, sudah pasti penyokong Annuar Musa mendakwa Timbalan Pengerusi Umno Kelantan itu mendapat restu pengerusinya, iaitu Dr Mahathir."

Dalam keadaan sekarang, menjadi *proxy* Anwar, atau yang lebih tepat, bukan *proxy* Dr Mahathir, lebih cerah masa depan. Buktinya, sehari sebelum pemilihan Naib Presiden Umno 1993, Mahathir menasihati perwakilan supaya tidak memilih semua anggota Pasukan Wawasan. Keputusannya, perwakilan mengengkar titah Presiden, apabila semua calon Pasukan Wawasan yang didokong kuat Anwar berjaya. Apabila berlaku perebutan kuasa di bahagian Merbok, Dr Mahathir minta perwakilan tetap memilih Daim. Akhirnya Dr Mahathir dikecewakan apabila Daim mengundur diri, mungkin bimbang reputasinya terjejas jika memperolehi kemenangan tipis, walaupun tidak kalah di tangan Zainol Abidin Johari.

Begitu juga dengan apa yang berlaku di Langkawi. Calon Ketua Bahagian Langkawi, Sanusi Junid yang disokong kuat Dr Mahathir kalah 12 undi kepada Abu Bakar Taib. Dari New York, dalam sidang akhbarinya selepas menyampaikan ucapan di PBB, Dr Mahathir merakamkan rasa sedihnya dengan kekalahan Sanusi: "Ahli-ahli Umno di Langkawi nampaknya tidak menyokong pandangan saya. Saya juga memberikan pandangan bahawa Tun Daim tidak patut ditentang, tetapi mereka tak dengar pandangan saya. Cara penilaian sesetengah ahli Umno cetek."

Walaupun bukti-bukti itu tidak mencukupi untuk

mengesahkan dakwaan bahawa menjadi *proxy* Dr Mahathir tidak membawa banyak kelebihan, namun harapan Zahid - meskipun beliau menafikan dirinya khadam Anwar - akan lebih cerah lagi, jika dipandang dari sudut ini.

Menurut teman-temannya, Zahid akan meneruskan gaya kepemimpinan Pemuda zaman Anwar-Najib, tetapi penekanan Islam akan diberi keutamaan. Tiada perubahan besar yang boleh diharapkan. Walaupun Zahid adalah bekas seorang pemimpin pelajar sebelum pindaan Akta Universiti, berbeza dengan Annuar, iaitu Presiden gerakan pelajar selepas akta, tetapi ciri-ciri radikal tidak menjelma pada tindakan Zahid. Pemuda zaman Zahid hanya pelengkap dan penyempurna kepada program parti dan wawasan negara.

Apabila saya bertanyakan pandangan seorang pemimpin muda PAS terhadap Zahid, katanya: "Zahid orang baik, mudah mesra dengan siapa saja termasuk dari pembangkang, tidak mudah melatah, perhubungan awamnya agak cemerlang, pengetahuan agamanya mencukupi, cuma hidupnya agak mewah."

"Mewah yang macam mana?" saya bertanya.

"Kau sendiri yang tulis, Lutfi, keretanya hampir sepuluh buah, rumahnya berjuta ringgit, malah beliau bergelar jutawan baru, sedangkan Zahid baru saja terabit aktif dalam bisnes, iaitu awal 1994," sambutnya pantas.

Kebetulan sekali, kecurigaan teman saya itu hampir sama dengan apa yang saya luahkan kepada Zahid. Beliau menafikan jumlah kereta yang didakwa oleh *Asiaweek* itu miliknya. "Mungkin semasa mereka mengintip rumah saya," jawab Zahid, "banyak kereta di luar, sedangkan ia kepunyaan orang lain, yang kebetulan tuannya ada di dalam rumah saya. Mengenai rezeki, Alhamdulillah, setakat ini senang. Ramai juga orang yang

kaya raya tetapi tidak senang.”

“Menjadi tabiat saya,” kata Zahid, “pada akhir bulan Ramadhan, saya akan ke Makkah. Saya melakukannya sudah beberapa tahun. Khususnya menjelang pilihan raya 1990, saya memohon doa di tempat yang dimakbulkan Tuhan doa kita, mohon Allah berikan yang terbaik buat saya. Rupanya, walaupun tidak terpilih sebagai calon dalam pilihan raya itu, Allah mengurniakan rezeki dengan cara yang mudah. Melalui rakan-rakan dalam Kretam dan hubungan dengan CEO Motorola yang saya kenal, saya mula mengukuhkan tapak dalam dunia korporat. Nak kata kaya sangat tu, tidaklah. Tapi, Alhamdulillah senang.”

“Bagaimana pula dengan Annuar Musa,” tanya saya kepada pemimpin muda PAS itu lagi.

“Penyokong PAS tentu tidak mahu kedudukan Annuar Musa semakin kukuh. Ia akan menyukarkan Kelantan. Tapi sebagai rakyat biasa, saya melihat Annuar Musa juga mempunyai kebolehan tersendiri yang tidak boleh diremehkan. Mungkin Pemuda beroleh angin baru dengan kehadiran Annuar, tidak lagi terikat dengan gaya kepimpinan tradisi Pemuda. Umurnya pun masih muda, belum 40 tahun. Pengalaman politiknya, apatah lagi dalam pentadbiran kerajaan, jauh lebih matang daripada Zahid. Cuma, dari segi komitmen agama, akhlak dan pendekatan politik sederhana, saya lebih cenderung kepada Zahid,” katanya.

“Isa Samad?”

Temannya ini mengaku kurang maklumat tentang keperibadian Isa. Kejayaannya memimpin Negeri Sembilan pun tidak begitu menonjol. “Saya tak boleh mengundi, jadi apa pun pandangan saya terhadap Isa tidak akan membantunya. Tapi kalau betul Isa agak bebas daripada kawalan Mahathir ataupun Anwar, saya mahu juga melihat Pemuda Umno di bawah kepimpinannya. Lagi-

pun, dalam keadaan orang merasakan saingat sengit berlaku antara Annuar dan Zahid, mungkin calon alternatif seperti Isa boleh menang.”

Peter F Drucker membezakan di antara ciri-ciri seorang *leader* (pemimpin) dan *misleader* (penyesat). Yang namanya pemimpin, menurut Drucker ialah mereka yang mempunyai matlamat perjuangan unggul, tahu erti dan fungsi kepemimpinan serta tidak takut atau cemburu dengan kekuatan rakan dan orang bawahannya. Kejayaan mereka tidak dirasakan sebagai gugatan, sebaliknya dianggap sebagai kejayaannya juga. Misleader atau penyesat pula adalah sebaliknya, iaitu mereka berasa tergugat dengan kecemerlangan rakan dan orang bawahannya, lalu berusaha untuk menyingkirkan mereka.

Dalam hal ini Nazri Aziz mungkin boleh mendakwa kesediaannya memberi laluan kepada tokoh lain - dalam keadaan peluangnya untuk memenangi jawatan Ketua Pemuda cukup cerah - adalah ciri kepemimpinan sebenar. Kalau mahu dicari wakil Pemuda sebenarnya, ia adalah Nazri, bukannya Zahid. Malah beliau rela nama baiknya dicalarkan demi menyelamatkan maruah seorang kawan, Rahim Tamby Chik, dengan menyerahkan semula jawatan Ketua Pemuda selepas terbukti Rahim tidak bersalah.

Mengulas tindakannya itu, Nazri berkata, apa salahnya kita memperkenalkan budaya mengenang budi dan jasa kawan, tahu untuk membela kawan. “Di dalam Umno saya hairan, kalau kita tikam belakang, rebut dan rampas jawatan orang nampaknya ia disenangi tetapi kalau kita hendak bela kawan dan mengembalikan dia ke tempat asal nampak begitu tidak popular. Tetapi saya tidak peduli, apa yang saya fikir itu betul saya tetap akan melaksanakannya,” tegas Nazri.

“Bagi saya, walaupun saya seorang sedangkan sejuta ahli Umno tidak bersetuju dengan saya, saya tetap

akan teruskan kerana ia amanah, saya yang memikul, mata memandang," tambah Nazri lagi. Beliau menyifatkan kes Rahim membuktikan semangat setiakawan dalam Umno makin lama makin terhakis. "Perasaan kebencian lebih ternyata," katanya.

Rahim juga tidak ketinggalan mengulas nasib yang menimpa dirinya: "Apabila saya berada di dalam penderitaan dan kesengsaraan, kita melihat pelbagai perkara yang dahulunya kita tidak libat. ... bukan saja ada rakan-rakan yang meninggalkan saya tetapi sebahagiannya menikam balik. Kita berharap pemimpin akan datang benar-benar berjuang berasaskan kepada idealisme yang baik dan unggul serta bertawakal. Janganlah kita ingin naik ke atas dengan merancang perkara-perkara yang tidak elok, tidak berasaskan kepada kebenaran dan membuat konspirasi untuk naik di atas kejatuhan orang lain."

"Nazri sukar dikawal oleh sesiapa, baik Anwar mahupun Mahathir," seorang setiausaha politik menteri terkanan memberi ulasan ringkas. "Hubungan Nazri dengan Anwar makin renggang. Tak pasti apa pula sebabnya mengapa Nazri begitu berkecil hati dengan Anwar," kata seorang yang mengaku rapat dengan Nazri.

Ramai yang masih ingat, selepas tercetus pertelingkahan antara Nazri dengan Dr Mahathir, berikutan kenyataan Dr Mahathir yang dianggap mempertahankan Rahim dan menyindir Pemuda sebagai kumpulan di belakang komplot menjatuhkan Rahim, Nazri terpaksa memohon maaf kepada Dr Mahathir. Sebelum itu Nazri mempersoalkan kenyataan Dr Mahathir secara terbuka: "Apakah Umno mahu mempertahankan hanya seorang atau 500,000 Pemuda Umno? Mengapa Pemuda dituduh dalang sedangkan Rahim pula dipertahankan?"

Nazri kemudiannya membuat kenyataan kepada wartawan mengenai surat memohon maaf di pejabat

Anwar selepas mengadakan pertemuan dengan TPM selama sejam. Waktu itu Nazri dilihat tidak lebih daripada boneka Anwar. Malah keputusan mesyuarat khas, 6 September 1994, yang meminta Rahim mengundur diri buat sementara waktu adalah didalangi Anwar. Tetapi sekarang situasi sudah bertukar.

"Tidak syak lagi, tangan-tangan ghaib di belakang rentak Nazri memulangkan takhta Pemuda kepada Rahim ialah Dr Mahathir. Inilah caranya Dr Mahathir memecah-belahkan kesatuan Pemuda, yang selama ini tunduk kepada titah Anwar. Dr Mahathir tidak mahu bertaruh dengan sikap politik Pemuda. Nazri telah melakukan segala-galanya untuk menebus dosa dengan Dr Mahathir," kata bekas aktivis ABIM.

Baik juga kita ikuti rakaman wartawan *Asiaweek*, Roger Mitton, tentang isu kemasukan semula Rahim: *Says an Umno insider: "This is crucial. It is not Rahim per se. We talk about morality and money politicians and then we welcome Rahim back. No wonder we lack credibility." He adds: "This will separate the men from the boys. Those who support Mahathir and agree to Rahim's return will not be forgotten. They will not get Anwar's support in the party elections this year."*

Meskipun Nazri nampak rapat dengan Zahid, datang dari negeri yang sama, sebaya umurnya, dan pernah bersama-sama mengemudi Pemuda semasa ketiadaan Rahim, tetapi sudah pasti Nazri tidak akan memberi sokongan terbuka kepada Zahid. Malah, dalam majlis terbuka Aidil Fitri di rumah Annuar Musa, Nazri memberi sokongan kuat kepada Annuar, yang disifatkannya sebagai *fighter* yang berani, bertanding atas kemampuan diri sendiri, mempunyai idea mantap untuk perkembangan Pemuda dan masih dalam lingkungan Pemuda, iaitu di bawah 40 tahun. (Hujah Ketua Pemuda mesti di bawah umur 40 tahun dimulakan oleh Musa Hitam,

waktu itu Naib Ketua, apabila beliau menolak pencalonan bertanding Ketua Pemuda selepas Datuk Harun dipenjarakan). Nazri mungkin terkilan dengan bantahan majoriti Exco Pemuda, yang dipelopori Zahid, terhadap usaha awalnya mengembalikan jawatan Ketua Pemuda kepada Rahim.

Ramai beranggapan Nazri masih dihantui kealahannya sebagai ahli MT pada 1993. Nazri menerima anggapan umum bahawa kekalahan itu disebabkan sokongan bulatnya terhadap Rahim, yang bagi sesetengah pihak menyifatkannya sebagai sokongan yang agak keterlaluan. Difahamkan ramai perwakilan Umno tidak puas hati dengan pelbagai kenyataannya sebagai Pengerusi Mara, khususnya mengenai pembayaran balik hutang Mara.

"Pendirian politik Nazri seperti lalang ditiup angin. Hari ini dia sokong Annuar Musa, esok mungkin Isa Samad, dan kalau Rahim isytihar mahu mempertahankan jawatan, tidak pelik jika Nazri juga menyokongnya. Sedangkan sebelum ini Nazri, dalam mesyuarat Exco Pemuda, pernah menyatakan sokongan kepada Zahid, sebagai calon mewakili Pemuda. Mudah cerita, sokongan Nazri pada mana-mana calon bukan satu berita lagi," kata seorang Exco kanan Pemuda.

Nazri berbuat begitu mungkin untuk mendapat sokongan semua pihak, dari semua kem, apabila beliau bertanding jawatan MT nanti. "Tidak mustahil Nazri terjebak sekali lagi. Mungkin semua kem dalam Pemuda akan menolaknya. Nazri, sama ada bersikap berkecuali, dengan menjadi abang kepada Pemuda, ataupun memilih seorang calon untuk disokongnya, sekadar perlu sahaja," pesan seorang aktivis Pemuda.

Kita lupakan sebentar soal politiking Pemuda yang adegannya makin mendebarkan. Tumpukan perhatian terhadap kemelut baru masyarakat Melayu yang semakin

dilanda pelbagai masalah, kemelut dan krisis nilai. Bagaimana masalah penagihan dadah, isu bohsia-bohjan, remaja lari dari rumah, gejala perzinaan yang semakin membimbangkan, pembuangan bayi luar nikah, hilang identiti Muslim dan keyakinan diri, malas dan tiada tujuan hidup, tiada daya saing dan daya tahan menghadapi cabaran, leka dan khayal dengan budaya picisan/murahan?

Pemimpin-pemimpin Umno, yang kebanyakannya memegang jawatan penting dalam kerajaan, jarang lagi bersuara, malah malu berbicara bagi kepentingan orang Melayu, terutama yang tinggal di kampung-kampung tradisional, nelayan atau peneroka Felda, dan tidak terkecuali yang terhimpit di pinggir kota raya. Mungkin takut dilabelkan sebagai pencetus semangat perkauman sempit. Masing-masing bercakap soal masyarakat majmuk, globalisasi, dunia korporat, ledakan maklumat, negara industri (tanpa mengerti maksud sebenar istilah itu) dan dunia sejagat. Laungan *Hidup Melayu* pasti tidak lepas dari kerongkong kerana ia dianggap slogan asing dan kuno, serta tebal dengan faham perkauman yang merbahaya!

Manakala asakan faham kebendaan yang membentuk tanggapan hidup baru bagi pemimpin Melayu ini semakin deras menyentak warisan tradisi. Segala-galanya ditafsir dan dinilai dari segi keuntungan material yang bakal dibaham, seolah-olah kehidupan selepas mati tiada harganya. Perbahasan mengenai idealisme perjuangan hanya sandiwara silat lidah di pentas-pentas debat, seminar dan konvensyen, juga di perhimpunan agung setahun sekali, yang selalunya mendapat laporan media yang cukup meluas.

Dari beberapa aspek saya bersetuju dengan pandangan A. Kadir Jasin, Ketua Pengarang Kumpulan NST, bahawa perlu ada pemisahan kuasa yang lebih jelas



antara parti dan kerajaan kerana dibimbangi jika semua pemimpin parti turut dilantik memegang jawatan dalam kerajaan, sedikit sebanyak ia mungkin akan menumpulkan kemampuan mereka bersuara untuk orang Melayu.

Luahan hati Kadir wajar direnungi Pemuda: "Siapakah yang akan bersuara bagi pihak orang Melayu mengenai kebaikan dan keburukan teknologi maklumat canggih seperti Internet sedangkan masih banyak kampung dan caruk, sekolah desa dan ladang yang belum menerima bekalan elektrik dan tidak kenal komputer?"

"Siapa yang akan bersuara mengenai lepasan sekolah desa yang lemah bahasa Melayu dan buta bahasa Inggeris, yang gagal matematik dan tidak lulus sains, yang baca akhbar sekali seminggu tetapi fasih setiap lagu rock dan pop?"

"Mungkin lebih baik bagi Pemuda Umno menghabiskan lebih banyak masa dan tenaga mendengar keluh resah orang Melayu, daripada wak penjual sate yang duduk termenung di atas cakruk kepada belia yang melepak di kompleks beli-belah dan cendekiawan di menara gading yang berasa disisihkan. Ini mungkin jauh lebih baik daripada mengadakan *road show* untuk memperkenalkan semula pemimpin."

Namun begitu, Kadir tidak boleh memuntahkan segala kejangkilannya terhadap Pemuda Umno sahaja, kerana akhbar-akhbar di bawah kawalannya sendiri, juga tidak terkecuali dengan rakan-rakannya yang menguasai media lain, seperti Johan Jaaffar dan Nazri Abdullah, mempunyai agenda lebih besar, yang belum terisi sepenuhnya, malah telah diseleweng dan dinodai idealismenya, demi kepentingan kelompok tertentu.

"Kadir sendiri harus mulakan contoh sebagai seorang wartawan yang berani, bukannya pak angguk dan pak turut, yang seolah-olah tidak ada tulang bel-

kang, terhadap apa saja kemahuan Mahathir dan Anwar," kata seorang wartawan politik bebas.

Jika saranan Kadir boleh kita terima, tiada calon lebih sesuai memikul amanah ini melainkan Zahid Hamidi, tokoh muda yang masih berupaya bebas dari belenggu *establishment*. Itupun jika Zahid sanggup dan mampu berdepan dengan karenah dan gelagat Dr Mahathir, yang selama ini mengabaikan golongan petani, buhuh, nelayan, peneroka dan masyarakat bawahan.

Saya tidak menaruh keyakinan besar dengan Zahid, tetapi apa salahnya jika peluang diberikan kepadanya untuk membuktikan sama ada idealisme perjuangannya masih mekar, segar dan bugar atau sudah disepak ke tepi longkang, memandangkan kedudukannya sebagai tokoh korporat yang berjaya dan posisinya yang amat rapat dengan TPM.

"Tak payahlah kau buat analisis yang memeningkan kepala Lutfi. Kalau Anwar turun padang, minta mana-mana calon tarik diri, seperti yang dilakukannya terhadap Syed Hamid dulu, baru mudah kau menjangkakan siapa Ketua Pemuda 1996. Mungkin Anwar minta Zahid atau Isa berundur, akhirnya pertandingan dua penjujur juga. Sepanjang sejarah Pemuda, tidak pernah berlaku tiga tokoh terkemuka, yang mempunyai peluang sama rata, berentap," kata seorang teman karib, yang pada mulanya juru kempen untuk Anwar dan Muhammad Taib, tetapi kini tidak percaya lagi dengan janji-janji orang politik.

Bagaimanapun Zahid menegaskan, dia tidak mahu dilabelkan sebagai harimau kertas seperti yang pernah dilemparkan kepada Syed Hamid, harimau sarkas. "Kalau berumah di tepi pantai, mengapa pula bimbang dilambung ombak. Apa yang 'ndak ditakutkan, semuanya sudah ditentukan Allah. Takkan kita masuk gelanggang dengan mata tertutup pula," pintas Zahid penuh bermadah.

Memang benar, pertandingan Ketua Pemuda hanya menyaksikan saingan sengit dua calon. Datuk Harun ditentang Ali Haji Ahmad; Syed Jaafar Albar mencabar Mohamad Rahmat; Datuk Suhaimi Kamaruddin mengalahkan Syed Nahar Shahbuddin, seterusnya mengecewakan Datuk Harun; Anwar Ibrahim menundukkan Suhaimi dua penggal berturut-turut, walaupun turut disaingi seorang lagi calon, Hang Tuah Arshad tetapi beliau hanya memperolehi tiga undi sahaja; calon yang dianggap *proxy* Musa, Syed Hamid Albar mencabar Anwar; Najib dilantik ketua oleh Presiden Umno (Baru) - bukan dipilih - melalui perlembagaan baru Umno; Rahim menewaskan Isa Samad selepas Syed Hamid menarik diri.

---

## DARI PENULIS

**S**yukur Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah. Salam dan salawat ke atas Rasulullah s.a.w., sejahtera atas keluarga dan sahabat baginda. Maka dengan rasa rendah hati, saya bersyukur kerana dapat menyiapkan satu pandangan awal tentang dilema Pemuda Umno yang tentunya serba keliru dengan kedatangan semula Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik untuk memimpinya.

Mungkin Rahim bukan asing bagi Pemuda kerana beliau pernah menjadi Exconya di zaman Albar dulu. Albar membawanya ke tengah politik nasional dan dari situ dia dikenali oleh lain-lain pemimpin Umno hingga menjadi ahli politik yang *established*. Tetapi dia telah terpisah daripadanya untuk sekitar satu dasawarsa atau

lebih sebelum didatangkan untuk memimpin Pemuda. Belum sempat Pemuda melangkah jauh bersama-sama, maka dia telah memberi masalah kepada Pemuda dengan isu dia terbabit dengan nona anak sekolah - di bawah umur.

Masalah yang datang itu bukan kerana satu perjuangan atau salah langkah politik, tetapi adalah soal peribadi Rahim. Umno gawat dan Pemuda terumbang-ambing tanpa pemimpin yang jelas. Kerananya, program entah ke mana, perjuangan tidak terurus. Urusan remaja terbiar, ikut budi bicara kerajaan tanpa saranan dari golongan yang sepatutnya mempunyai hubungan terus dan prihatin terhadap masalah remaja.

Pemuda Umno bukanlah satu-satunya organ golongan remaja yang boleh menyuarakan saranan mereka, suara itu boleh diutarakan oleh lain-lain pihak tetapi kerana Pemuda Umno badan yang terlalu dekat dengan kerajaan sebagai sayap parti pemerintah, maka pandangannya penting, dikehendaki dan didengar. Tetapi dengan karenah peribadi individu yang terpenting terpalit dengan musibah, Pemuda tidak dapat berfungsi sewajarnya.

Jika kita menyentuh urusan dalamannya, bukan kerana ia suatu tindakan campur tangan atau mahu mengajarnya, tetapi kerana kedudukannya yang begitu dekat dengan kerajaan, ia mempengaruhi suasana. Jika langkahnya negatif, maka binasalah remaja dan nusa.

Justeru itu kita mahu memastikan agar ia tidak jadi agen pemusnah, maka perjalanannya wajar diperhati dan ditegur. Kita tidak menduga ia akan bekerja bagai yang kita kehendaki, tetapi dengan sentiasa memerhati dan menegurnya, sekurang-kurangnya ia tidak terlalu bebas untuk bersesuka hati.

Buku ini pada mulanya hendak diberi judul *Drama Hindi dalam Pemuda Umno* kerana cara ia dipimpin oleh

Rahim dan cara Umno serta kerajaan BN menangani kes Rahim hampir sama dengan tema kebanyakan cerita dalam filem Hindustan, tetapi ia kemudiannya ditukar menjadi *Kemelut Baru Pemuda Umno*. Ini kerana ia memusatkan kepada hal-hal yang tidak jelas dan tidak harus dalam perjuangan Pemuda. Rahim tidak stabil, Nazri tidak istiqamah dan lain-lainnya juga tidak jelas ke mana hendak dituju.

Dalam senarionya Pemuda Umno selalu dilanda isu rasuah. Zaman Datuk Harun Idris, ia adalah satu zaman penuh romantik tetapi banyak masa, tenaga dan harta Pemuda terbuang untuk menghadapi tohmah rasuah yang dihadapi oleh Datuk Harun. Demikian juga di zaman Rahim, masa dan fikiran Pemuda dan rakyat runsing kerana memikirkan tohmah skandal yang menimpa pemimpin. Segala gangguan itu mengganggu ketenangan rakyat untuk mengejar kemajuan. Jika segala-galanya jelas maka kelancaran daya maju mereka terus terus. Sudah tentu lebih banyak dapat dirancang dan lebih banyak dapat dibuat, maka lebih banyak pula yang dapat dicapai.

Kekeliruan tadi bertambah apabila pemimpin utama Umno menyelesaikan masalah Pemuda dengan membelakangkan prinsip keadilan demi membuktikan siapa kuat dan siapa besar. Tentulah tujuannya untuk menentukan siapa ketua dan siapa berkuasa? Ia bukan mencari kebenaran. Dalam suasana inilah Rahim diminta kembali dan Pemuda dipaksa menerimanya. Jauh benar dengan syariat keadilan junjungan kita, yang berpegang kepada: "Jika Fatimah yang mencuri nescaya kupotong tangannya." Tetapi sunnah itu tidak menjadi perhatian dalam menyelesaikan kes skandal dan kes rasuah sekarang.

Sedikit sebanyak cara keadilan ditangani memungkinkan ada terkubur di kalangan yang berkuasa. Tetapi

mungkinkah korban itu memerlukan orang dari kubur hidup semula untuk menjemput orang hidup pergi ke kubur?

Dunia politik tanahair perlu dipandu mengikuti pergelutan Pemuda Umno yang mencari pemimpin baru. Nazri tidak berminat, mengapa? Rahim berminat tetapi ragu? Dia sudah turun padang dengan membawa bendera Dr Mahathir. Adakah Pemuda terpukau dengan nama Perdana Menteri yang digunakan? Zahid ada tanggungjawab tetapi dengan menjadi bayang-bayang kepada Timbalan Perdana Menteri, apakah ia satu azimat atau ia bagaikan satu alamat keramat? Kini Annuar Musa datang untuk menawarkan khidmat dengan janji, hanya dengan menjadikannya Ketua Pemuda, maka ia akan mengembalikan Kelantan kepada Umno.

Umno pun percaya, kalau mahu menang di Kelantan, Pemuda Umno mesti memilih Annuar jadi Ketua Pemuda yang baru.

SUBKY ABDUL LATIF

Kuala Lumpur

27 Mac 1996

“

Soal selepas ini, adakah Umno dan kerajaannya ada maruah atau tidak, tidak berbangkit lagi. Yang penting Rahim dipulihkan.

”





# 1

---

## **BERTUAHNYA PEMUDA KERANA BERKETUAKAN ORANG YANG PALING BERSIH!**

**S**ekonyong-konyong Datuk Nazri Aziz hendak menyerahkan semula jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang dipangkunya kepada yang ampunnya dulu, Tan Sri Rahim Tamby Chik. Serta-merta ia menjadi isu utama yang pelik, memeranjatkan, tidak kurang juga menjadi teka-teki.

Ada yang berkata bahawa ia satu taktik Nazri untuk menarik perhatian ramai menjelang pemilihan Ketua Pemuda nanti. Nazri hendak menjadi calon, sementara calon utama yang dijangka menentangnya ialah Datuk Annuar Musa.

Sebelum Annuar menawarkan diri, Nazri berusaha mendapatkan sokongan pendapat umum supaya

jawatan itu diserahkan kepadanya saja kerana dia ter-tonjol kini sebagai seorang yang tidak mengejar kedudukan.

Pendapat lain pula mengira bahawa ini satu cara mendedahkan lagi kelemahan bekas Ketua Menteri Melaka itu jika ada. Sebelum ada suara mahukan Rahim kembali merebut jawatan itu semula, maka Nazri secara tidak langsung mencalonkannya supaya isu Rahim dipolemikkan lagi.

Sepatutnya sambutan ke atas Rahim dingin. Tetapi setakat ini Rahim bagai dialu-alukan, malah semacam kelihatan dia lebih mudah diterima berbanding dengan kedatangan semula Dr Mahathir 25 tahun dulu.

Setakat yang berlaku sekarang Nazri kelihatan serius dan sedia melepaskan jawatan itu kepada Rahim bila-bila masa. Nazri kelihatan sebagai seorang yang bermaruah dan berdisiplin. Dia memangku jawatan Rahim berdasarkan resolusi Pemuda untuk memberi laluan kepada Rahim menyelesaikan tohmah yang dihadapinya. Logiknya, bila masalah itu beres, maka tamatlah tugas Nazri.

Kini Nazri mengira bahawa Rahim sudah bebas dari tohmahnya apabila Peguam Negara menarik balik dakwaan rasuah ke atasnya atas sebab-sebab ada keterangan baru yang tidak diumumkan.

Mahkamah pun membebaskan Rahim. Maka Nazri berasa bertanggungjawab untuk menghormati tempoh tanggungjawab itu. Hanya Ketua Menteri Melaka yang ada sekarang saja tidak dapat membaca isi hati Nazri itu. Jika hati Nazri dimasukkan ke perut Ketua Menteri Melaka, maka Rahim akan jadi Ketua Menteri semula.

Bagaimanapun Nazri mungkin terlupa dua perkara. Pertama, tentang reaksinya terhadap kenyataan Dr Mahathir supaya Rahim diberikan keadilan dalam menghadapi tohmah ke atasnya. Kedua, atas isu apakah

Rahim meletakkan jawatan atau dipaksa meletakkan jawatan?

Mengenai yang pertama Nazri melenting dan bersedia untuk berdepan dengan Presiden Umno itu. Ia diselesaikan dengan Nazri minta maaf atas reaksi yang gempar itu.

Tetapi ketika itu Nazri mengira pemergian Rahim melalui Majlis Tertinggi itu tidak wajar atau terburu-buru. Malah dia tidak menyesali Rahim pergi dalam apa keadaan dan sebab. Jika dia benar-benar peka dia tidak sepatutnya sensitif atas komen biasa Dr Mahathir tadi.

Orang mengira Nazri ketika itu ada prinsip, maklumlah orang undang-undang. Ada pun langkahnya minta maaf kepada Dr Mahathir adalah satu taktik yang terpaksa dibuat demikian. Dia sudah tentu tidak terdaya untuk bertegang dengan seorang yang berkuasa dan bertaraf pembesar.

Nazri boleh difahami dan boleh dimaafkan. Dia tahu apa yang dia buat. Dia dikira berani berbandingkan dengan yang lain-lain. Tetapi bila dia mengetahui segala yang tersirat dari kes dan tohmah Rahim itu, maka dia menyerahkan pula jawatan yang telah dilucutkan oleh Rahim, lalu tidakkah ada keganjilan dengan kelantangan mulanya dulu.

Adakah Nazri kenal pasti isu yang menyebabkan Rahim meninggalkan pimpinan Ketua Pemuda? Adakah kerana kes rasuah yang baru terlepas dari perbicaraan? Ataupun tohmah yang membabitkan namanya dengan gadis sekolah bawah umur?

Adalah benar bahawa kes rasuah itu diutarakan lebih awal tetapi Rahim tidak diapa-apakan dengan perkara itu. Mungkin dia telah disiasat sebelumnya, tetapi ia tidak pernah menjadi agenda politik, baik Umno mahupun Pemuda Umno.

Rahim menjadi sasaran politik Umno apabila dia

ditohmah bermukah dengan gadis bawah umur. Mungkin kalau bermukah dengan orang biasa tidak mengapa, tapi dengan gadis bawah umur adalah satu kegemparan?

Bila Nazri menyebut bahawa Rahim telah menyelesaikan masalahnya, adakah dia merujuk kepada kes rasuah Rahim atau kes gelumbang dengan budak-budak?

Sekaliannya tahu bahawa dalam hal ini kes rasuah yang baru dibebaskan itu adalah suatu yang datang kemudian. Walaupun dia sudah diburuk-burukkan dengan isu rasuah, tapi dia tersingkir dari politik oleh kes dara sunti. Umno tidak mengambil apa-apa tindakan lain berhubung dengan kes itu. Rahim bebas ke mana-mana dan dia tidak pernah ditangkap atau didakwa atas kes itu.

Sebaliknya budak yang dikatakan terbabit tadi pula yang dikurung dan tidak boleh pergi ke mana-mana. Umno memang kecoh dengan isu Rahim dan budak se-kolah tadi.

Sehingga ini perkara itu didiamkan. Ada siasatan oleh polis, tetapi tidak berpanjangan. Peguam Negara pun tidak bising atas tohmah itu. Kalaupun Jabatan Peguam Negara bersuara atasnya ialah tohmah baru iaitu penglibatan lain-lain jantan dengan budak perempuan tadi.

Ramai budak-budak jantan didakwa. Hanya Rahim saja yang tidak muncul dan tidak disebut-sebut.

Sesudah dia tidak lagi jadi Ketua Menteri Melaka dan tidak lagi jadi Ketua Pemuda Umno, barulah timbul kisah dia ditahan dan diseret ke mahkamah atas tuduhan rasuah. Kisahnya dengan anak sekolah tadi mati, dan yang timbul ialah tuduhan rasuahnya. Dia diseret ke mahkamah tetapi dia tidak pernah dibicarakan.

Belum sempat dia memberi keterangan di mahkamah, Rahim sudah menang kerana Peguam Negara menarik dakwaan terhadapnya kerana ada maklumat

baru yang kini jadi rahsia dan misteri. Adalah benar masalah Rahim sudah selesai. Tetapi selesainya ialah kerana kesnya yang menyebabkan dia terpelanting dari politik tidak pernah diwujudkan.

Sekarang Nazri mahu menjadi orang yang berbudi tinggi dengan memulihkan politik Rahim. Tetapi ia tidak menjelaskan kedudukan Rahim dengan budak perempuan itu. Nazri tidak menjelaskan kedudukan budak yang terkurung dan terpisah dari keluarganya. Apa jadi dengan budak itu?

Adakah budak itu tidak layak mendapat pembealaan Pemuda Umno dan Umno? Setiap orang dibela oleh Umno tetapi budak itu dan keluarganya tidak diperhatikan oleh Umno.

Nazri seorang peguam. Adakah dia sedang menggunakan kepakaran ilmu guamannya mengalih isu Rahim yang asal kepada yang baru? Tidakkah mungkin isu rasuah dan penangkapan atasnya satu silap mata saja.

Akhirnya orang melihat pemangku Ketua Pemuda Umno sebaris dan senasib dengan Peguam Negara atau mahu jadi macam Peguam Negara. Rahim tenggelam, mereka berdua yang timbul.

25 Disember 1995

ii.

Dr Mahathir memang tertarik untuk memulihkan Rahim sebagai satu senjata politik bagi memperkukuh kedudukannya dalam menghadapi musuh dalam selimutnya dalam Umno.

Justeru itu, kali kedua dalam masa 25 tahun Pemuda Umno menghadapi isu memulihkan maruah dan politik pemimpinnya. Dalam kes pertama, Pemuda Umno berdepan dengan tohmah terhadap Datuk Harun Idris atas tuduhan rasuah. Tuduhan itu dibuat terhadap-

nya setelah beliau enggan mengosongkan jawatan Menteri Besar Selangor bagi menjadi Duta Besar ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sekalian bersetuju bahawa tohmah tadi mungkin digugurkan sekiranya dia bersetuju ke PBB. Dia sanggup merengkok di penjara dari menjadi duta ke PBB dengan tohmah rasuah terhadapnya tidak dibersihkan.

Pemuda Umno berusaha keras pada mulanya untuk memulihkan ketuanya. Umno tidak bersedia mendengar tuntutan Pemuda. Dan tugas besar diberikan kepada pemangku Ketua Pemuda, Haji Suhaimi Kamaruddin untuk memulihkan Datuk Harun. Akhirnya didapati oleh banyak pihak bahawa Haji Suhaimi yang lantang sebelumnya tiba-tiba kurang bertenaga. Padahal dia dijadikan gandingan kepada Syed Jaafar Albar sebagai pimpinan Pemuda Umno adalah kerana kelantangannya.

Di peringkat akhir Haji Suhaimi dirasakan oleh Pemuda Umno berada di bawah pengaruh pimpinan Umno yang sukakan Datuk Harun didera hingga dia tidak lagi dikira ahli khemah Datuk Harun. Apakah Datuk Harun honar atau teraniaya soal lain, tetapi usaha memulihkannya dari tohmah rasuah dan disabitkan rasuah menjadi sejarah kronik kepada Umno.

Hari ini Pemuda Umno menghadapi satu kes lagi, juga terhadap ketuanya, Rahim Tamby Chik. Dia menghadapi tohmah dikatakan terbabit dalam skandal dengan budak sekolah dan pernah didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah. Pemuda Umno tidak mempertahankan beliau. Entah kenapa dia meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Menteri Melaka. Pemuda menerima perletakan jawatannya dan Gabenor Melaka menerima perletakan jawatan itu. Majlis Tertinggi Umno mengesahkan atau menerima perkembangan itu.

Dalam kes Datuk Harun Pemuda mempertahankan ketuanya, manakala kepimpinan Umno mahu meletakkan peraturan kepadanya. Dalam kes Rahim, Pemuda mahu meletakkan peraturan dan disiplin, sementara kepimpinan Umno pula mahu dia "diadili" dulu.

Pemuda membela Datuk Harun dari Kuala Lumpur hingga ke London, tetapi tidak berjaya. Dia kemudian diampunkan tetapi mengorbankan kepimpinan. Bertukar kepimpinan dari Tun Hussein Onn kepada Mahathir.

Rahim tidak didakwa atas isu skandal seks dengan murid. Dia melepaskan semua jawatan kerananya. Bila dia sudah tidak lagi menjadi Ketua Menteri dan Ketua Pemuda Umno, maka dia pun ditahan dan didakwa oleh BPR hinggakan dokumen perjalanannya dirampas.

Rahim pun tidaklah diingat lagi oleh sesiapa. Bila Nazri sudah menjadi timbalan menteri, dan Rahim tidak terus didakwa kerana Peguam Negara ada maklumat baru yang tidak dijelaskan, maka timbul keinginan Nazri untuk menyerahkan jawatan itu kepada Rahim semula.

Berbelah bagi Pemuda Umno atas hal itu. Tetapi kepimpinan Umno semacam nekad untuk memulihkannya. Keadaannya adalah kebalikan dari kes Datuk Harun dulu.

Tetapi yang berulang lagi ialah kisah pemangku Ketua Pemuda. Dinamik dan kontroversi Nazri tiba-tiba dirasakan berpusing sikap. Lebih kurang sama keadaannya dengan Haji Suhaimi yang Pemuda dan pemerhati kira berpusing sikap.

Jika dulu ada yang celaru dengan pendirian Haji Suhaimi, maka kini pun ada juga yang celaru dan keliru dengan Nazri. Ada pun kedudukan kedua-duanya ketika jadi pemangku dan ketika orang terkeliru itu adalah sebagai timbalan menteri.



Isu sekarang, jika Rahim dipulihkan dan boleh memegang jawatan semula, bukan sekadar mencelarukan Pemuda Umno, tetapi Ketua Menteri Melaka sekarang pun ikut pusing kepala.

Nazri naik sebagai Naib Ketua Pemuda atas ketokohnya sendiri. Bukan Rahim yang membawanya ke situ, sebaliknya Rahim dibawa Nazri ke situ. Berbeza dengan Ketua Menteri Melaka yang berada di situ kerana Rahim membawanya menjadi anggota exco kanan. Jika Rahim memilih orang lain menjadi ahli exco kanan, mungkin orang itu yang jadi Ketua Menteri.

Sekarang Nazri mahu memberi peluang kepada Rahim jadi ketuanya. Rahim tidak dibuang oleh Pemuda. Pemuda cuma menerima perletakan jawatannya. Ada taklik Pemuda bahawa penerimaan itu sehingga Rahim menyelesaikan kesnya. Adakah kes skandal yang tidak didakwa itu dianggap selesai?

Atas gerun taring Dr Mahathir, Rahim mungkin dibolehkan kembali sebagai Ketua Pemuda Umno. Tetapi bagaimana dengan Ketua Menteri Melaka? Bolehlah dikira sikap Nazri itu kerana dia berhati perut. Adakah Ketua Menteri Melaka tidak berhati perut? Jika dia berhati perut, maka dia mesti mengikut langkah Nazri menawarkan semula jawatan Rahim. Soal Rahim tidak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri boleh diatasi dengan meminta sesiapa meletakkan jawatan dan diberi jawatan lain. Pokoknya Rahim juga layak menjadi Ketua Menteri Melaka semula.

Soal selepas ini, adakah Umno dan kerajaannya ada maruah atau tidak, tidak berbangkit lagi. Yang penting Rahim dipulihkan. Ketika Rahim meletakkan jawatan dulu, dia ditohmah. Tohmah itu tidak pernah selesai. Cuma ia senyap. Rahim meletakkan jawatan ketika itu, maka sesudah banyak perkembangan selepas itu maka Rahim hendak kembali memegang jawatannya semula.

Ia bukan tidak boleh tetapi ia memulakan satu sejarah.

Orang yang meletakkan jawatan, boleh beberapa tahun kemudian kembali memegang jawatan. Jika Datuk Musa Hitam yang meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, sesudah perletakan jawatannya diterima, maka dia hendak balik memegang jawatannya, bagaimana?

Mengikut contoh Rahim yang boleh dipulihkan, maka bolehlah Datuk Musa kembali. Ataupun ditakdirkan Tun Hussein Onn masih hidup. Entah mengapa maka dia mahu kembali sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno ketika jawatan itu dipangku oleh Dr Mahathir dahulu. Maka bagaimana kalau Majlis Tertinggi Umno bersidang untuk memutuskan perkara itu.

Adakah Dr Mahathir mahu jadi macam Nazri? Jika Dr Mahathir mahu jadi macam Nazri, maka dia boleh menyerahkan jawatannya kepada ketuanya dulu. Tetapi yang jelas, Dr Mahathir tidak pernah berfikir untuk jadi macam Nazri.

*8 Januari 1996*

iii.

Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik sudah rasmi menjadi Ketua Pemuda Umno semula dalam suasana sangkaan dia adalah orang bersih. Rahim sendiri dalam keterangan awalnya sebagai ketua semula itu menyebut bahawa sesudah dia disiasat dari hujung kaki ke hujung rambut, dia didapati bersih.

Tetapi Rahim menyambung lagi, orang lain belum tentu bersih. Apabila dia seterusnya membidas, apa yang disebutnya, ada dalang dari kalangan media yang bertindak lebih politik daripada parti politik untuk menjatuhkannya, maka media pun menyindir dengan kalimah "Rahim saja yang bersih".

Jika dilihat secara kasar, memang Rahim adalah orang yang bersih apabila Peguam Negara menarik balik dakwaan atasnya di mahkamah. Dibandingkan dengan ketika beliau hendak merebut jawatan itu dalam rangkaian calon Pasukan Wawasan dulu, maka kini dia lebih bersih.

Jika dulu berbagai-bagai tohmah dilemparkan terhadapnya, maka orang tertanya-tanya, adakah dia benar bagai yang dikata atau hanya sekadar mainan musuhnya. Sekarang dia sudah dibebaskan dari segala-galanya. Ini bererti dia lebih elok dari ketika mula-mula memegang jawatan Ketua Pemuda Umno dulu.

Dia kini, kerana telah selesai dari siasatan dan dakwaan, dan dari saat dia mula melangkah keluar mahkamah, maka logiknya dia bagai boleh diibaratkan seperti anak yang baru lahir - bersih melepak. Mungkin juga dia boleh disamakan seperti orang yang beriman - tiada sebarang dosa lagi.

Begitulah biasanya seseorang yang dibebaskan oleh mahkamah. Apakah mahkamah itu membuat keputusan tepat atau sebaliknya, tidak berbangkit lagi kecualilah ada lain-lain perkembangan secara undang-undang juga bagi membatalkan keputusan awal tadi.

Apa jua Rahim sebelum ini adalah suatu yang lain, tetapi apabila dia disiasat oleh pihak yang berwajib, dan pihak yang diamanahkan itu sudah membuat keputusan yang memihak kepadanya, maka dia adalah benar - sama ada baik ataupun bersih.

Demikianlah dunia termasuk kita diajar melalui sivik dan sebagainya iaitu menerima keputusan yang dibuat oleh institusi yang diberi wibawa dan kepercayaan.

Dalam sesetengah agama, ada kuasa yang diberi kepada para rahib untuk mengampunkan dosa seseorang. Bila rahib atau paderi memutuskan untuk

mengampunkan apa jua dosa seseorang, maka bersihlah orang itu bak kapas yang putih atau seperti bayi yang baru lahir. Kerana penganut agama itu telah diajar begitu, maka begitulah kepercayaan mereka terhadap pengampunan oleh rahib itu.

Dalam peradaban kita, amanah telah diberi kepada pihak tertentu - Peguam Negara atau mahkamah - untuk membuat keputusan, maka logiknya semua pihak kena terima keputusan. Jika sesiapa tidak terima, maka dia tidak bersama dengan tamadun itu.

Tan Sri Rahim dikatakan banyak skandal dulu. Lalu dia disiasat. Mula-mula Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasatnya. Lama juga dia disiasat. Mungkin sama lama dengan penyiasatan Datuk Samy Vellu. Siasatan BPR terhadap Samy Vellu tidak sampai ke mahkamah. Tidak ada yang sah mengatakan BPR mendapatinya ada kes. Mungkin BPR mendapati ada kes tetapi Jabatan Peguam Negara tidak dapat diyakinkan.

Ertinya, Samy Vellu yang bersih juga mungkin dibersihkan oleh BPR atau oleh Jabatan Peguam Negara. Tetapi Rahim telah dirasakan tidak bersih oleh BPR. Atas laporan itu Jabatan Peguam Negara membenarkan BPR menahan dan mendakwanya di mahkamah.

Mengikut tamadun kita, Peguam Negara boleh membatalkan dakwaan di mahkamah jika dia berpuas hati ada alasan untuk berbuat demikian. Peguam Negara kita, kata orang Melaka yang saya kenal, adalah asalnya jiran yang bertemu pancur atap rumah dengan Rahim, telah berpuas hati bahawa dakwaan atas Rahim patut ditarik balik. Demikian juga dengan tohmah skandal dengan budak sekolah, dia tidak didakwa.

Maka yang menjadikan Rahim orang yang bersih sekarang ialah keputusan Peguam Negara. Maka pada peringkat ini tamadun kita sekarang diajar menerima keputusan itu. Atas hakikat itulah maka Rahim diterima

sebagai orang yang bersih setelah dia melalui proses siasatan. Jika ada yang menyoal keputusan itu, maka dia kena membuat sesuatu yang dapat diterima bagi membuktikan keputusan Peguam Negara itu tidak tepat.

Penganut agama Eropah atau Barat tidak mencabar sangat mana-mana paderi yang membersihkan sekalian yang berdosa. Tetapi masing-masing penganutnya jarang ke gereja. Apakah kuasa paderi dan suasananya dapat disamakan dengan kuasa tamadun yang ada pada Peguam Negara, tidak pula mudah untuk dipastikan. Tetapi tentulah tidak wajar bagi pihak yang tidak puas hati atas keputusan Peguam Negara menjauhkan diri dari tamadun yang ada.

Sejauh mana rakyat Malaysia boleh mencabar keputusan Peguam Negara tidak pula dapat dipastikan. Tetapi dalam kes Samy Vellu ada berita menyebut failnya dibuka semula. Apa yang jadi tidak diketahui.

Dalam filem Barat banyak kisah penyiasatan. Penyiasatan persendirian yang diberi lesen membuat banyak penyiasatan atas perkara yang mereka tidak puas hati. Mereka berjaya mengetepikan mana-mana keputusan yang mereka rasa tidak betul. Bagaimanapun, adakah kisah dalam filem boleh diterjemahkan dalam dunia kita yang nyata ini khususnya di negara yang bernama Malaysia yang berperdana-menterikan Dr Mahathir?

Selagi tidak ada keupayaan bagi sesiapa untuk mencabar keputusan Peguam Negara, sama ada dia menjelaskan sebab-sebab tindakannya atau tidak terus membisu sebagai ulamak bisu, maka kita kena terima Rahim adalah benar-benar bersih.

Setakat ini benarlah bagai tajuk sesetengah akhbar, "Rahim saja yang bersih". Mungkin juga seorang lagi yang bersih ialah Samy Vellu kalau fail atasnya tidak dibuka semula. Yang lain yang belum disiasat tidak diketahui bersih atau tidak. Tetapi siapakah orang lain itu?

Orang yang tidak atau belum diasiat, ramai jumlahnya. Dari Perdana Menteri sampailah kepada saya sendiri. Maka kami sekalian tidaklah dipastikan bersih-kah atau tidak bersih.

Jika kita terima Rahim saja yang bersih, maka bertuahlah Pemuda Umno kerana beroleh seorang ketua yang bersih dari hujung rambut sampai ke hujung kaki.

Pemuda Umno mestilah menerima yang ketuanya bersih. Jika ada yang tidak percaya, dia kena meletakkan jawatan. Jadilah macam Nazri. Sudah tentulah bersih hatinya menerima Rahim sebagai ketua yang bersih.

Mana-mana yang bertaklid kepada keputusan Presiden dan Majlis Tertinggi Umno, maka tidak bersih penerimaannya terhadap Rahim. Penganut agama Barat lebih berani, bila mereka rasa tidak tepat keputusan paderi membersihkan dosa orang yang berdosa, maka mereka tidak ke gereja atau terus menjual gereja.

*12 Februari 1996*



J. 411801 101 (99)

PERCANTUMAN ASIAN  
KEPERTIWIHAN MELAYU LELAKI

MAJALAH

YANG


# PEMUDA SELEPAS RAHIM KEMBALI

Abrar Mantapkan Sistem  
Kewangan Islam



Lihatlah bagaimana Kumpulan Utusan Melayu (majalah *Massa*) melayan Rahim Tamby Chik selepas beliau kembali menjadi Ketua Pemuda, gambarnya pun dicari yang hodoh dan hitam. Pदानlah Rahim dan Nazri naik berang dengan media. Tunggalah kalau Rahim dan Nazri jadi menteri kanan nanti.






Dalam politik macam-macam boleh berlaku, tidak ada sahabat yang setia dan tiada lawan yang tetap. Tapi seperti kata Rahim, dia pemaaf orangnya. Soalnya siapa dalang di belakang mainan politik Nazri, yang tidak digemari Anwar itu? Cerita Brutus nampaknya timbul lagi.



**Kuasa media, khususnya akhbar dan TV semakin hebat. Siapa yang disokong media, peluangnya cerah. 1993, Rahim menjadi hero, Nazri panglimanya. 1996, Zahid pula diberikan publisiti meluas, Annuar Musa sesekali disindir, berita Rahim-Nazri digelapkan. Itulah putaran alam.**



Anwar bersama-sama kakitangan Kementerian Kewangan mendengar ceramah Mufti Selangor, Ishak Baharom. Baguslah begitu, kepimpinan melalui teladan. Tapi tengok-tengok sama akhlak dan perilaku pemimpin Umno, juga tidak lupa pemiagaan arak dan judi yang dikawal oleh Perbendaharaan. Jangan hanya tanya Yusuf Qardhawi tentang zakat dan pasaran modal, tanya juga tentang arak, riba dan judi.

Siapa sebenarnya berada di ambang senjata

# Pemuda UMNO atau Rahim?

DAN BERKEMUKALAN

**P**ERUSAHAAN KEMUDA PEMUDAAN PASUKAN (PKM) UMNO yang berumur hampir dua puluh tahun telah mencapai suatu titik peralihan yang penting. Sejak tahun 1970, PKM telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan dalam hal struktur, organisasi, dan program kerjanya. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik nasional dan internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.

Salah satu faktor yang paling penting adalah perubahan situasi politik nasional. Sejak tahun 1970, situasi politik di Indonesia telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.




Salah satu faktor yang paling penting adalah perubahan situasi politik nasional. Sejak tahun 1970, situasi politik di Indonesia telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.

Perubahan struktur organisasi PKM juga merupakan salah satu faktor yang penting. Sejak tahun 1970, PKM telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan dalam hal struktur, organisasi, dan program kerjanya. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik nasional dan internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.

Salah satu faktor yang paling penting adalah perubahan situasi politik nasional. Sejak tahun 1970, situasi politik di Indonesia telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.

Salah satu faktor yang paling penting adalah perubahan situasi politik nasional. Sejak tahun 1970, situasi politik di Indonesia telah mengalami perubahan-perubahan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh berbagai faktor, antara lain: perubahan situasi politik internasional, perkembangan organisasi politik lainnya, dan tuntutan masyarakat yang semakin tinggi terhadap kinerja organisasi.

Jawabnya, kedua-dua gelap: Pemuda dan Rahim. Mana tahu Zahid boleh cerahkannya?



Gelak orang politik tidak sama, tepuk belakang pun ada makna. Dua lawan satu belum tentu dua yang menang. Apa pun nasib dan kepentingan Melayu tidak boleh dicagar oleh mana-mana calon yang menang.



Anwar bersama putera Mahathir, Mukhriz semasa merasmikan kilang Opcom Cables. Khazanah kekayaan negara diagih-agihkan untuk kaum kerabat sendiri sudah jadi fenomena biasa. Segala projek yang dirancang bukannya untuk rakyat tetapi memperkayakan suku-sakat. Daim pun cemburu dengan anak-anak Mahathir.



**Nazri bersama Ketua Pemuda Negeri Sembilan, Ruslan Kassim dan Penolong Setiausaha, Arzmi Hamid. Selalunya masa senang semua mengaku sahabat, apabila susah, bukan setakat lari tetapi masih sempat tikam belakang kawan. Masing-masing cari makan!**



**Mahathir sudah ditabalkan menjadi maharaja baru? Segala-gala titahnya pantang dilanggar. Mahathir mahukan Rahim, membisu habis Pemuda, yang sebelumnya cakap berdegar-degar. Tapi mengapa Mahathir nampak terkejut dengan Muhd Taib, apa yang ditunjukkannya? Macam suruh turun saja ...**





**MARA tak habis-habis dengan masalah. Kalau dulu dengan Tamrin, digantikan dengan Nazri pun makin kelam-kabut. Apa yang Othman Abdul 'nak buat kita tahulah. Semuanya memalukan nama orang Melayu. Menteriinya, Mustapa Mohamed tentunya tak mahu masalah MARA menyekat peluangnya naik.**

Pengguguran kes Tan Sri Rahim Tamby Chik

# NYATAKAN MAKLUMAT TERKINI!



Dato' Rahim Tamby Chik

**KUALA LUMPUR**—Peguam besar, pengagihan kuasa dan pengagihan kuasa dalam kerajaan adalah satu perkara yang tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, saya sebagai peguam besar kerajaan akan berusaha untuk memastikan bahawa semua kuasa yang berkaitan dengan kerajaan akan berada di tangan orang-orang yang betul. Saya akan berusaha untuk memastikan bahawa semua kuasa yang berkaitan dengan kerajaan akan berada di tangan orang-orang yang betul. Saya akan berusaha untuk memastikan bahawa semua kuasa yang berkaitan dengan kerajaan akan berada di tangan orang-orang yang betul.

Atas permintaan Tan Sri Chik, Dato' Rahim Tamby Chik telah mengumumkan bahawa beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik.

Atas permintaan Tan Sri Chik, Dato' Rahim Tamby Chik telah mengumumkan bahawa beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik.

Atas permintaan Tan Sri Chik, Dato' Rahim Tamby Chik telah mengumumkan bahawa beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik.

Atas permintaan Tan Sri Chik, Dato' Rahim Tamby Chik telah mengumumkan bahawa beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik. Beliau akan mengumumkan maklumat mengenai pengguguran kes Tan Sri Chik.

Orang mungkin boleh lupa pengguguran kes rasuah Rahim, tetapi tuduhan hubungannya dengan gadis bawah umur akan dikenang sampai bila-bila. Walaupun orang Melayu cepat lupa, isu sensasi seperti ini mudah diingat. Sepatutnya Rahim sudah ucapkan selamat tinggal. Cuma misinya untuk membawa bersama Presiden Umno ke pusara politik belum tercapai.



Waktu kempen 1993 dan semasa kontroversi Rahim, Mahathir hilang kawalan terhadap akhbar. Anwar kuasai sepenuhnya, habis dihipitnya Mahathir. Kamarul Ariffin adalah wakil Mahathir dalam Utusan, ditugaskan untuk mengimbangi proxy Anwar, Johan. Sama-samalah kita nantikan siapa yang menang dalam pertempuran ini.

# Mohamed nafi minit mesyuarat MT diseleweng

KUALA LUMPUR 16 Jan. — Setiausaha 'A' yang UMNO, Datuk Mohamad Rahmat menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa minit mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti pada 8 September 1994 sengaja diselewengkan bagi membolehkan bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Fals Sh. Abdul Rahim Tamby Chik kembali memegang jawatan tertinggi.

Mohamad berkata, soal ini berhubung dengan minit mesyuarat MT pada 12



MOHAMED RAHMAT

12 pada minit mesyuarat 8 September 1994.

"Dalam minit mesyuarat itu, kita (MT) menafikan Rahim mengundur diri, walaupun kenyang dulu kerana dia pada masa itu. Dia ada masalah, biar dia menyelesaikan masalahnya. Kita setuju dia tarik diri, itu sahaja," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Menteri Penerangan Indonesia, H. Harsono serta para pegawai

tertinggi pemerintahan tersebut di Angkasapuri, di sini hari ini.

Keputusan mengenai Rahim itu dibuat oleh MT dalam mesyuaratnya pada malam 16 Januari lalu bersekarang minit mesyuarat 8 September 1994.

Minit mesyuarat itu mencatatkan, Rahim dibenarkan berundur serta bertukar sementara waktu hingga keputusan persidangan terhadap kes-kes yang melibatkan beliau diselesaikan.

Perdana Menteri pada 5

Oktober 1994 pula mengumumkan di Turki menaikan bahawa Rahim sudah menepuhkan surat perletakan jawatan bagi semua kerusi yang dipenganginya di peringkat parti dan juga kerajaan.

Kerani itu, pada 12 Oktober 1994, MT UMNO pada mesyuaratnya memutuskan untuk memertikan perletakan jawatan Rahim bagi semua kerusi yang dipenganginya pada peringkat parti dan kerajaan, berkuat kuasa serta merta.

**Selalunya berita yang dinafikan itu ada kebenarannya. Bukan semua orang tak tahu, pokoknya terletak pada kehendak Mahathir. Kalau Mahathir memang tak mahukan Rahim, apa pun minit mesyuarat yang ada tidak boleh membantunya. Ke mana mahu Pemuda letak muka bila MT sebulat suara terima Rahim semula? Mana idealisme perjuangan Pemuda? Siapa yang berani angkat muka pandang Mahathir, semuanya tunduk mengangguk. Jika nak tentukan ketua sendiri Pemuda tak ada tulang belakang, macam mana mahu perjuangan nasib agama, bangsa dan tanahair? Siapa lagi jurubicara masyarakat bawah Melayu yang semakin tertekan dan terpinggir dari arus perdana kemajuan negara?**

# Rahim dakwa orang tertentu dalangi media

itu.

Semalam, Rahim dalam satu perjumpaan dengan perkumpulan Pemuda Negeri Sembilan, berkata, ada pihak tertentu dalam media massa yang mempunyai agenda mereka sendiri untuk menentukan bentuk kepimpinan dalam UMNO.

Dalam ucapannya hari ini, Ketua Pemuda UMNO itu juga kesal terhadap media massa kerana tidak meminta maaf walaupun secara tertutup terhadap tuduhan palsu ke atas dirinya sekalipun mahkamah mendapati beliau tidak bersalah.

"Kira-kira dia (media massa) lanyak saya bagai nak mati. Dah mati langsung. Mintalah maaf sedikit secara Islam. Tidak ada langsung sifat keislaman. Orang punya hal saya mati sendiri," keluh Rahim.

Rahim juga menyatakan seluruh keluarganya menghadapi tekanan emosi kerana dimalukan berikutan pendedahan media kononnya beliau mempunyai hubungan sulit dengan gadis 16 tahun.

"Anak saya di sekolah dicaci dan dikeji. Begitulah nasib keluarga saya apabila saya dihukum oleh media. Saya tidak sangka media boleh buat begini kerana asas kita orang Islam berdiri atas landasan yang benar.

"Tetapi nasib saya tidak baik, walaupun sebagai Ketua Pemuda, dihina begitu teruk, seperti seekor anjing di tepi jalan, 51 hari digeledah, didedahkan, dimalukan semalam-malunya. Tidak ada lagi bad yang lebih malu daripada itu," ujarnya.

Rahim juga memberitahu, ketika kes mengenainya bebob, dia kehilangan banyak kawan.

"Saya amat teruk sehingga saya tidak boleh berjumpa kawan-kawan lagi. Kawan-kawan yang ada sekeliling dah lari lintang-pukang. Kalau setakat lari tak apa, ada yang datang tikam lagi.

"Kalaupun saya tidak beriman, kalaulah tidak bertakwa kepada Allah, mungkin saya akan masuk Tanjung Rambutan (pusat rawatan pesakit mental di Perak)," ujarnya.


Bercakap kepada para pemberita sebelum itu, Rahim menegaskan, beliau akan mengambil tindakan undang-undang terhadap DAP jika mendapati tuduhan parti itu terhadapnya merupakan satu fitnah.

Beliau mengulas tindakan Timbalan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng semalam membuat aduan baru kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap Rahim berkaitan dakwaan rasuah dan penyelewengan wang.


**Siapa lebih berkuasa, media atau orang politik? Media yang nampak berkuasa itu pun sebenarnya didalangi tokoh politik, iaitu PM dan TPM. Yang pasti Rahim dan Nazri tidak akan serang PM, kerana atas jasa PMlah mereka berada sekarang.**



**Inilah wajah Presiden CAP dan SAM, S M Mohamed Idris, seorang tokoh NGO yang disegani. Mungkin lebih wajar tumpuan diberikan kepada tokoh-tokoh bukan politik sepertinya, yang kadang-kadang lebih banyak jasanya kepada negara.**



Anwar adalah manusia paling kecewa bila Rahim kembali. Tapi dari satu segi, kes Rahim membuktikan telah tiba masanya Mahathir berundur. Mahathir tidak pedulikan pandangan orang lagi. Akhirnya yang untung tetap Anwar.



**Gelaklah semahu-mahunya, Annuar Musa tentu telah bersiap sedia. Jika Nazri dan Rahim bersama-samanya, sudah pasti pertandingan Zahid-Annuar adalah proxy Anwar-Mahathir.**





**Inilah peluang Umno tawan semula Kelantan. Jawatan Ketua Pemuda bukan barang dagangan tetapi memudahkan misi parti, bukan visi diri sendiri. Ramai kata Annuar lebih berani, matang, berpengalaman, serius dan komited dengan kerja.**



**Jangan pandang kecil kebolehan Isa, kecil-kecil cili padi. Isa harus buktikan undi yang diperolehinya pada 1993 bukan undi simpati. Kata seorang kawan, kali ini mungkin Isa tarik diri, juga atas nasihat Anwar.**



Sanusi masih mampu tersenyum, harapannya menjadi MB Kedah tetap menggunung, halangnya cuma Anwar. Kalau Rahim pun Mahathir selamatkan, masakan Sanusi dilupakan begitu saja.



Almarhum Syed Jaafar Albar lebih dikenali sebagai Singa Umno. Tapi anaknya, Syed Hamid Albar menjadi singa sarkas pada 1993. Meskipun sudah berumur ketika menjadi Ketua Pemuda, Syed Jaafar lebih bertenaga daripada Najib, Rahim dan Nazri.




**Almarhum Dato' Onn Jaafar, Presiden Umno yang pertama tetapi mati di luar Umno. Anaknyanya, Tun Hussein, juga meninggal dunia dalam keadaan berkecil hati dengan Umno. Cucunya, Hishamuddin sedang mencuba pengaruh untuk jawatan Naib Ketua Pemuda.**



Cuba tengok baik-baik buku apa yang dipegang Mahathir kalau bukan buku mengenai Ayatullah Khomeini, tokoh Islam bertaraf dunia yang memalukan *super power* Amerika. Mungkin Khomeini adalah sumber inspirasi Mahathir.



**Dato' Harun Idris adalah legenda Pemuda. Imejnya sebagai wira Melayu selepas tragedi 13 Mei 1969 sukar dilupakan. Popularitinya menyebabkan Tun Razak dan Tun Hussein tidak selesa, Akhirnya beliau turun naik mahkamah membela diri dari dakwaan rasuah, tetapi gagal.**



**Haji Suhaimi tidak begitu diingati sebagai Ketua Pemuda. Musa Hitam berpotensi menjadi Ketua Pemuda, sebelum dan selepas Harun, tetapi menolak. Mungkin ingin Nazri meniru taktik Musa, yang mencipta nama melalui MT, seterusnya Naib dan Timbalan Presiden.**





Anwar bersama Musa dan Rafidah. Wawasan dan hala tuju Anwar semasa mengetuai Pemuda berkubur begitu saja. Najib, apatah lagi Rahim, tidak terikut dengan rentak Anwar. Mungkin Zahid akan meniupkan kembali roh Anwar kepada Pemuda.




**Pesta durian anjuran Najib di Pahang pada Oktober 1985. Di sebelah Najib ialah Pairin dan Isa Samad. Di belakang kelihatan Ramli Ngah Talib, antara calon Naib Presiden 1996. Siapa regu Najib? Mungkin bersama Muhd Taib dan Pak Lah atau kekalkan sama Pasukan Wawasan.**



**Gabenor Malayan Union, Edward Gent berucap di depan raja-raja Melayu selepas baginda terpaksa menandatangani perjanjian. Malayan Union mungkin berulang dalam bentuk yang lain. Apa persiapan Pemuda menghadapinya. Mungkin Dato' Annuar Musa ada jawabannya.**



**Bacalah kisah anak-anak Mahathir dalam pemiagaan ini. Baca dan bacalah kejayaan mereka, yang tentunya membanggakan ayahanda. Jangan tanya nasib anak bangsa yang lain, pandai-pandailah kamu bawa diri.**



**1996 tiada pertandingan Presiden dan Timbalan Presiden. Hampir pasti pertandingan Naib Presiden dan Ketua Pemuda menjadi pertandingan proxy. Semua tahu Mahathir sudah tentu tidak pilih Zahid. Bagi VP, siapa pilihan Mahathir selain Najib; mungkin Pak Lah dan Syed Hamid?**

“

Nazri tidak terdaya lagi untuk bertempur dengan Dr Mahathir. Jika dia, yang baru pulih hubungan dengan Dr Mahathir bertempur pula lagi, maka buat sementara ini dia mungkin hilang terus dalam politik.

”



# 2

---

## **DILEMA NAZRI: SERIKNYA BERTEMPUR DENGAN MAHATHIR**

**S**ejak dari mula Nazri Aziz, pemangku Ketua Pemuda Umno, menyuarakan hasrat untuk memberi laluan kepada Tan Sri Abdul Rahim memimpin semula Pemuda Umno, memandangkan nama Rahim telah dibersihkan oleh mahkamah, rata-rata aktivis Pemuda dari peringkat pusat hingga ke bahagian menolak.

Sekalipun Nazri menerangkan dari segi teknik bahawa perletakan jawatan Rahim dahulu diterima sementara memberinya kesempatan untuk membuat pembelaan terhadap tohmah yang dihadapinya, dan sekarang mahkamah telah membebaskannya, tetapi Pemuda tetap tidak dapat menerima cadangan Nazri itu.

Maka berkeras Nazri untuk memberi laluan juga,



tetapi kehendaknya tidak diterima. Hatta Nazri mengaku bahawa cadangannya boleh mencederakan politik dan kedudukannya, dia tetap hendak melepaskan jawatan yang dipangkunya dan tidak pula bersedia untuk dicalonkan sebagai Ketua Pemuda seperti yang dikehendaki oleh anggota Excoo Pemuda yang dipimpinya.

Pada umumnya Rahim sudah dianggap terkeluar dari gelanggang Pemuda. Jika dia mahu menjadi Ketua Pemuda semula maka dia tidak boleh datang bagi menyambung baki penggal yang dikosongkannya, tetapi bertanding semula dalam pemilihan akan datang. Bagaimana pun Rahim bukan calon pilihan Pemuda dalam pemilihan itu.

Pilihan Pemuda ialah Nazri sendiri. Alasan yang diberikan ialah Pemuda kali ini mahu calon dari kalangan mereka sendiri. Mungkin alasan itu sebagai mengelakkan dari menyentuh soal peribadi Rahim, namun ia adalah isyarat bahawa Rahim sudah ditolak.

Jika Nazri menolak dari dicalonkan, maka Datuk Zahid Hamidi mengumumkan dia sendiri akan menjadi calonnya. Tetap mereka tidak memilih Rahim.

Rahim datang menemui pemimpin Pemuda bagi menyatakan yang beliau kononnya tidak berhasrat untuk memimpin Pemuda lagi, tetapi kedatangannya kali ini sekadar mahu memimpin barang sekejap iaitu bagi menghabiskan baki tempoh penggalnya yang berakhir November 1996. Lepas itu dia kononnya tidak akan bertanding. Tetap alasan itu tidak menarik Pemuda.

Pemuda pun membincangkan hal itu dengan pimpinan Pemuda negeri. Zahid sendiri ke negeri-negeri menyatakan sikap Pemuda. Dan negeri juga tidak segera menerima Rahim.

Sabah menjadi pihak yang awal dan lantang menolak Rahim datang melalui cara yang dikehendaki oleh Nazri. Bagi mereka jika Rahim mahu menjadi Ketua Pe-

muda semula, dia hendaklah bertanding semula dalam pemilihan nanti. Malah inilah juga pandangan awal Setiausaha Agung Umno, Datuk Muhamad Rahmat.

Beberapa negeri lain menyatakan pandangan yang sama dengan Sabah. Rahim mesti bertanding dulu. Sikap Pemuda itu dinyatakan dalam keadaan mereka sedar dan tahu keinginan Presiden Umno yang mahukan Rahim dikembalikan sebagai Ketua Pemuda. Dr Mahathir dalam pandangannya, lebih suka perkara itu ditentukan oleh Pemuda sendiri. Beliau kononnya menghormati keputusan Pemuda.

Orang yakin, apa juga yang Pemuda putuskan tetapi akhirnya ia mesti memberi laluan kepada kemahuan Dr Mahathir. Walaupun Pemuda menolak, tetapi akan ada kaedah yang Pemuda terpaksa memberi laluan juga kepada Dr Mahathir.

Ketika Pemuda menolak cadangan Nazri yang dipercayai lebih memahami kemahuan Dr Mahathir, Pemuda bersatu mahukan Nazri memimpin terus dan menjadi calon Ketua Pemuda baru yang disahkan melalui pemilihan. Tetapi Nazri yang sudah ada sekali pengalaman bertempur dengan pandangan Dr Mahathir mengenai isu itu ketika Rahim mula-mula dilucutkan, mungkin sudah dapat membaca apa yang akan terjadi dalam menangani politik Rahim ini.

Dia mungkin sudah nampak yang Rahim akan dikembalikan, sama ada Pemuda setuju atau tidak setuju. Selepas saja dia keluar dari menemui Dr Mahathir untuk minta maaf atas keberanian sekejapnya menyanggah kenyataan Dr Mahathir, Nazri mula-mula menyatakan mahu meninggalkan politik yang aktif selepas tugasnya sebagai Pemangku Ketua Pemuda selesai atau tamat. Entah bagaimana, ada penjelasan lagi yang dia tidak jadi untuk tidak aktif dalam politik, tetapi hanya tidak bersedia menjadi pemimpin Pemuda lagi. Biarlah ia dijawab

oleh orang lain. Dia cuma berminat untuk jawatan ahli Majlis Tertinggi saja. Inilah pendiriannya hingga sesudah Rahim dipulihkan.

Adalah dipercayai Nazri seperti tahu yang Rahim akan datang semula untuk mengambil jawatan yang Nazri pangku itu. Dan Nazri tidak ada daya untuk menghalangnya. Dan mungkin Nazri tidak terdaya untuk menghadapi segala kemungkinan dan risiko politik jika menghalangnya. Yang baik untuknya pada masa ini ialah menerima jawatan ahli Majlis Tertinggi Umno sambil memberi laluan kepada Rahim. Dengan ini dia terselamat dari bertempur dengan orang-orang yang setia dengan Dr Mahathir.

Perubahan mengejut Nazri dan bersedia pula menjadi pencadang aktif untuk kedatangan semula Rahim tidak difahami oleh rakan-rakannya dalam kepimpinan Pemuda Umno. Apabila Rahim dipulihkan, sama ada pulih sepenuhnya atau separuh pulih, dan Nazri enggan bertanding, Pemuda membuat keputusan bahawa Pemuda hanya menerima calon ketua dari kalangan Pemuda yang aktif sekarang saja.

Maka yang bersedia menjadi calon di kalangan Pemuda itu ialah Datuk Zahid Hamidi, Ketua Penerangan Pemuda semasa Datuk Najib, Rahim dan Nazri.

Bila Rahim datang dan mengambil semula jawatannya dari Nazri, dia kononnya tidak mahu menjadi ketua lagi. Dia datang sekadar untuk menghabiskan baki tempohnya yang berakhir pada November 1996 atau bila-bila saja pemilihan semula diadakan.

Itulah kononnya yang Rahim fahamkan kepada Presiden, Timbalannya dan anggota Exco Pemuda. Nazri mungkin nampak yang Rahim tidak sekadar mahu jadi ketua sementara, tetapi mahu jadi ketua lagi dan akan bertanding mempertahankan jawatan itu. Nazri mengelak dari bertempur dengan Rahim dan penyokong utama

Rahim iaitu Presiden Umno. Tetapi Zahid mengumumkan yang dia akan bertanding sebagai calon Ketua Pemuda tidak kira sama ada Rahim bertanding atau tidak bertanding. Dia hanya menarik diri jika calonnya Nazri.

Nazri sudah rehat, macam rehatnya Datuk Musa Hitam yang tidak sedia menggantikan Datuk Harun ketika Datuk Harun sedia memberi laluan kepadanya. Tetapi yang berada dalam serba kepayahan ialah Zahid. Rahim cuba mencuri orang-orang Zahid harap menyokongnya. Bertempurlah Pemuda sama sendiri tetapi Nazri sudah terlepas dari sebarang masalah. Dia menumpukan masa untuk kerusi Majlis Tertinggi dengan mengharap sokongan penuh dari Pemuda.

Nazri mengambil sikap sekarang kononnya kerana dia berpegang pada prinsip iaitu sekadar memangku jawatan Rahim semasa dia berusaha membersihkan dirinya dari tohmah. Bila Rahim dibebaskan, maka dia terpaksa tunduk kepada prinsipnya dengan menyerahkan kembali jawatan itu kepada Rahim.

Kedua, Nazri sudah dapat memahami yang Rahim akan datang juga kerana itulah yang dirasakan dikehendaki oleh pucuk pimpinan Umno. Nazri tidak terdaya lagi untuk bertempur dengan Dr Mahathir. Jika dia, yang baru pulih hubungan dengan Dr Mahathir bertempur pula lagi, maka buat sementara ini dia mungkin hilang terus dalam politik. Orang tidak dapat menduga sesiapa akan selamat jika bermasalah dengan Dr Mahathir.

Tengku Razaleigh, Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba habis lenyap bila berdepan dengan Dr Mahathir. Maka apa ada pada Nazri yang baru berputik, sudah tentu hilang jika terdapat tanda-tanda bantahan kepada Dr Mahathir atau menjadi panglima kepada orang-orang yang dicurigai oleh Dr Mahathir.

Nazri berpegang pada prinsipnya tetapi sedia bekerja untuk menjadikan Rahim sebagai ketua semula

walaupun dia kenal siapa Rahim. Mana lebih mulia antara menghormati prinsip tetapi prinsip apa pula yang dipakainya bila bersungguh-sungguh mengangkat semula orang yang tidak difahami prinsipnya bagi memimpin sebuah pertubuhan yang disayanginya?

Atas daya dan kebijaksanaan Nazri, Pemuda melunakkan sikap mereka atas kedatangan Rahim. Mereka menolaknya menjadi ketua tanpa bertanding, tetapi sedia menerimanya jika itulah yang dikehendaki oleh Majlis Tertinggi Umno.

Dr Mahathir yang kononnya menghormati apa jua keputusan Pemuda, mengira keputusan Pemuda dalam bentuk yang demikian adalah bersedia menerima Rahim. Rahim pun menjadi Ketua Pemuda semula.

Yang memudahkan Dr Mahathir melaksanakan apa yang dia mahu ialah sikap Nazri mengaku ada prinsip tadi. Dia telah cuba membuktikannya, tetapi dia juga boleh disifatkan sebagai orang yang tidak terdaya menghalang kedatangan Rahim lalu bekerjasama untuk menyambut kedatangan itu. Jika kita tidak terdaya menentang seseorang, maka kita wajar bersamanya? Ini pun satu prinsip juga?

“

Rahim keluar dari kubur untuk mengambil seseorang untuk dibawa ke kubur. Mungkin ada orang payah dimatikan dan tidak mahu mati-mati. Dia hanya mungkin boleh terkubur dengan penghuni kubur sendiri keluar dari kubur dan mengambilnya bawa masuk kubur.

”



# 3

---

## **MISI UTAMA RAHIM: MEMBAWA PRESIDEN UMNO KE PUSARA POLITIK**

**M**ungkin Tan Sri Abdul Rahim mencatat rekod sejarah sebagai orang yang pertama meletakkan jawatan, yang sesudah diterima perletakan jawatannya, beberapa ketika kemudian, diterima semula memegang jawatan yang diletak tadi.

Apa juga alasan yang diberi oleh Rahim, dia sudah mengosongkan jawatan Ketua Pemuda Umno. Anggota Exco Pemuda Umno telah menerimanya dan jawatan itu telah dipangku oleh seorang yang lain. Tidak ada apa-apa masalah dan kekurangan pada badan yang ditinggalkannya itu, malah ia berjalan lancar dan telah membekalkan khidmat yang padu kepada Barisan Nasional sehingga memenangi pilihan raya umum April, 1995.



Tiba-tiba pemangku Ketua Pemuda, Nazri mahu Rahim kembali ke pangkuan Pemuda sebagai pemimpinnya. Ada pro dan kontra. Atas kemahuan Presidennya Dr Mahathir, Rahim kembali menerajui Ketua Pemuda.

Jika seorang yang sudah melepaskan jawatan dan kemudian boleh kembali kerana sebab-sebab teknik, dia mahu semula jawatannya dan diterima semula, maka Datuk Onn Jaafar juga boleh kembali memimpin Umno sekiranya dia mahu kalau penggalnya masih belum tamat. Bagaimana kalau Tunku Abdul Rahman Putra yang ditakdirkan meletakkan jawatan dulu sebagai Yang Dipertua Agung Umno dan Perdana Menteri yang tidak dibantah oleh sesiapa, dan tiba-tiba sebelum penggal kepimpinannya tadi tamat, dia mahu semula memegang jawatan yang dikosongkan itu dengan alasan yang semua orang tidak membantahnya? Adakah Tun Razak ketika itu boleh secara senang hati mengosongkan juga jawatan itu?

Kalau ia boleh dibuat, maka mungkin itu satu cara yang boleh mengatasi krisis kepimpinan Umno dan negara menjelang pengharaman Umno tahun 1987 dulu. Sekalian ahli Umno buntu dengan kepimpinan Dr Mahathir baik dalam parti mahu pun dalam kerajaan. Suasana itu mendorong Tengku Razalaegh dan Datuk Musa Hitam bersama dalam satu *team* menentang *team* Dr Mahathir. Kekalahan Tengku Razaleigh dan Musa tidak mengakhiri krisis itu. Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn yang jadi veteran biasa Umno tidak dapat menasihatkan mereka, hingga akhirnya parti itu diharamkan oleh mahkamah.

Bagaimana kalau sebelum pengharaman itu Tun Hussein Onn atas kemahuan ramai menarik semula perletakan jawatannya sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri. Orang tua itu dulu tidak pernah dikalahkan, hanya atas sebab dia tidak senang hati dengan

langkah Dr Mahathir, tanpa memaklumkan sedikit pun kepadanya, ketika memangku jawatan Perdana Menteri mengampun Datuk Harun Idris dari meneruskan hukuman yang dijatuhkan ke atasnya. Datuk Harun bebas. Sepulangnya dari rawatan pembedahan jantung di Amerika, Tun Hussein mendapati Datuk Harun bebas, maka kerana itu dia dikatakan meletakkan jawatan. Dr Mahathir pun menggantikannya.

Bagaimana atas persetujuan ramai khusus orang-orang Umno, teknik yang digunakan oleh Rahim Tamby Chik itu digunakan oleh Tun Hussein. Dia menarik semula perletakannya dan dicari tekniknya, maka dia pun dijadikan semula pemimpin? Ini bererti Dr Mahathir pun kembali semula seperti sebelumnya iaitu Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri.

Tentulah hal itu tidak mungkin dan menjadi cerita yang diketawakan. Maka kisah Rahim itu juga satu kisah yang mentertaawakan, tetapi ia telah berlaku.

Ada orang bertanya, bukankah Rahim sudah dikuburkan? Bagaimana dia boleh hidup semula?

Orang sudah mati dan hidup semula di dunia yang sama iaitu dunia bumi, sekalipun tidak mustahil tetapi hanya satu atau dua kali saja berlaku, itu pun di zaman nabi-nabi tertentu. Ada sebab-sebab yang Allah benarkan ia berlaku. Seperti kisah orang zaman Nabi Isa yang sudah mati dihidupkan bagi menunjukkan mukjizat nabi itu. Anggota rombongan Nabi Musa ke Bukit Tursina yang engkar kerana tidak dapat bersama Nabi Musa bermunajat di Bukit Tursina. Sekaliannya mati. Mereka dihidupkan kembali sebagai menunjukkan betapa makbulnya doa seorang nabi. Tetapi semua yang hidup semula itu hanya untuk seketika yang singkat saja. Lepas itu mati semula. Semuanya penuh hikmat dan pengajaran bagi menandakan Allah maha berkuasa. Politik Rahim sudah mati dan sudah terkubur. Tetapi kini dia bangun

semula dari kuburnya.

Tajam sindiran politik itu. Apa jawabnya. Saya hanya boleh mengilai atas pertanyaan yang besar itu. Sindiran seperti itu kena jawab secara sindiran juga.

Rahim keluar dari kubur untuk mengambil seseorang untuk dibawa ke kubur. Mungkin ada orang payah dimatikan dan tidak mahu mati-mati. Dia hanya mungkin boleh terkubur dengan penghuni kubur sendiri keluar dari kubur dan mengambilnya bawa masuk kubur.

Giliran orang yang bertanya itu pula ketawa. Siapa yang Rahim akan bawa pulang ke kubur?

Setakat ini hanya Nazri Aziz dan Dr Mahathir yang bertanggungjawab untuk menghidupkan semula Rahim. Merekalah lojiknya yang membawa Rahim keluar dari kubur.

Mungkin mereka membawanya keluar kubur untuk menguburkan orang lain. Dalam beberapa minggu setelah Rahim menjadi Ketua Pemuda semula, dia sudah menjelajah semua negeri. Dia membidas pihak yang menggulingkannya dulu. Dalam sindirannya sekaliannya faham bahawa dia menyerang Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Perdana Menteri. Dalam serangannya itu Rahim menyebut bahawa Dr Mahathir-lah yang mahukan dia kembali memimpin Pemuda.

Ertinya, Nazri bertindak untuk menyerahkan jawatan itu semula kepada Rahim sesudah mendapat isyarat dari Dr Mahathir. Sekaliannya tahu bahawa orang yang jelas bertindak tegas terhadap Rahim ialah Timbalan Presiden Umno. Apa juga teknik yang digunakannya ternyata bahawa persetujuan untuk menerima perletakan jawatan Rahim dulu dipengerusikan oleh Dr Mahathir. Ada yang menyebut bahawa Dr Mahathir tidak begitu peka ketika itu.

Tetapi sesudah itu baru dia terfikir, atau mungkin atas hasutan mana-mana pihak, bahawa penyingkiran

Rahim itu tidak sekadar terhadap Rahim, sebaliknya telah ditafsirkan sebagai satu gerakan mengambil alih kuasa sepenuhnya dalam Umno dan dalam kerajaan. Ada yang mentafsirkan bahawa ia adalah permulaan untuk menyempitkan kuasa dan pengaruh Dr Mahathir sendiri.

Apabila Rahim melepaskan pimpinan Pemuda, maka Pemuda seluruhnya terletak dalam pengaruh Timbalan Presiden. Kesemua anggota Exco Pemuda dipercayai orang-orang Timbalan Presiden. Dan barisan Pemuda di negeri-negeri dan bahagian pun dikira orang-orangnya juga. Dan apabila Rahim melepaskan jawatan Ketua Menteri Melaka, usaha dibuat oleh beliau untuk menjadikan Datuk Ali Rustam sebagai Ketua Menteri yang baru.

Penentang Timbalan Presiden berjaya mendekati Dr Mahathir dan mentafsirkan jika Ali Rustam menjadi Ketua Menteri Melaka, maka seluruh tenaga dan jentera kerajaan akan terletak sepenuhnya di bawah daerah pengaruh Timbalan Perdana Menteri. Ini akan diikuti dengan langkah mengemukakan orang-orangnya sebagai calon dalam pilihan raya umum yang ketika itu sudah dekat. Ia akan meletakkan Perdana Menteri hilang pengaruh.

Sebelumnya dikatakan bahawa Dr Mahathir tidak akan percaya akan sebarang pandangan yang mengatakan bahawa dia akan disingkirkan oleh timbalannya. Tetapi mulai dari saat itu dia dikatakan percaya andaian itu, sekalipun terhadap apa yang tidak dibuat oleh sang timbalan tadi.

Serta merta Dr Mahathir memastikan pengganti Rahim di Melaka adalah orang yang setia kepadanya iaitu Datuk Abdul Ghani Zain. Dr Mahathir segera mengeluarkan kenyataan bahawa Tan Sri Rahim perlu diberi keadilan dengan membenarkannya membela diri dan disiasat. Serta merta seperti berlaku pertentangan

antaranya dengan Pemuda yang dipimpin oleh Nazri. Ternampak yang Nazri bersikap begitu keras terhadap Perdana Menteri. Nazri mulai diserang. Paling lantang ialah Menteri Besar Selangor. Nazri disifatkannya "kurang ajar." Suasana ditenangkan atas usaha Timbalan Presiden. Nazri ditemukan dengan Dr Mahathir dan berakhir dengan Nazri minta maaf secara terbuka.

Selama-lamanya Nazri dikira panglima Timbalan Presiden. Apabila dia menjawab sungutan Dr Mahathir, dia diserang dan mulanya dia berkeras tetapi kemudiannya minta maaf, maka sedikit sebanyak ia bagaikan satu pengisytiharan konfrontasi terbuka kepada Dr Mahathir. Suara Nazri dikira suara tuannya iaitu Timbalan Presiden.

Walaupun kemelut itu dirasakan sudah berakhir, ia menyebabkan Presiden bagai terkejut dari tidur. Dia mungkin dan mulai terfikir perlunya mendengar ingatan orang-orang kepercayaannya, seperti wajarnya Ceaser mendengar ingatan rakan-rakan setianya tentang kesetiaan pura-pura Brutus, bahawa dia juga akan diperangkap oleh orang kanannya. Sudah tentu Dr Mahathir mahu belajar dari drama Shakespeare itu dan tidak mahu menerima nasib seperti Ceaser.

Sekali gus drama pendek antara Dr Mahathir dan Nazri, walaupun diselesaikan oleh Timbalan Presiden, secepat kilat dapat difahami oleh setiap ahli Umno. Presiden dan timbalannya bagaikan sekelambu tapi tidak setilam. Sebantal tapi mimpi lain-lain. Ia dikira sebagai permulaan hari-hari payah bagi sang timbalan dan orang-orang yang berkampung di bawah ketiakanya. Pemuda di kampung-kampung yang sebelumnya menepuk dada bahawa merekalah teras Umno kerana dikira orang Timbalan Presiden, serta merta kelihatan hilang seri. Layu bagaikan daun yang lama tidak tersiram.

Sebelum itu ketua-ketua Pemuda terasa bahawa

harapan mereka menjadi calon adalah cerah. Dan orang pun menduga bahawa barisan calon BN dalam pilihan raya yang sudah dekat itu terdiri dari kerabat Pemuda. Tetapi sesudah peristiwa itu begitu ramai orang yang berharap menjadi calon melalui pengaruh Timbalan Presiden menjilat liur. Yang sudah meletak jawatan pun terpaksa kembali ke pejabat lama.

Jatuhnya Rahim menjadi saat bermulanya syak wasangka antara Dr Mahathir dan timbalannya. Ia juga dikira sebagai berakhirnya keghairahan Pasukan Wawasan. Jika Rahim dikuburkan, maka dikubur bersama Rahim ialah Pasukan Wawasan. Timbalan Presiden tidak lagi diiktiraf sebagai pimpinan Pasukan Wawasan. Kalaupun ada yang setia ialah Tan Sri Muhyiddin Yassin. Datuk Najib dan Tan Sri Muhamad Muhd Taib juga dirasakan telah tidak sekhemah dengan ketua Pasukan Wawasan. Semua analisis mengira Datuk Najib adalah calon utama yang akan menyaingi atau mencabar Timbalan Presiden.

Kemuncak dari konfrantasi senyap itu ialah Nazri tiba-tiba muncul bersuara untuk menyerahkan semula pimpinan Pemuda kepada Rahim. Suara itu dikira sumbang kerana ia keluar dari mulut Nazri. Suara Nazri tidak popular di kalangan Pemuda tetapi segera disambut oleh Dr Mahathir. Sekalipun Pemuda menyanggah Nazri, tetapi Nazri bersungguh-sungguh.

Ramai yang tidak faham, tetapi Nazri rupanya sudah bertukar tuan. Jika di zaman Datuk Harun dulu ramai orang kuatnya seperti Mufti Shuib, Saidin Tamby malah Ahmad Razali Ali bertukar tuan, maka sempat juga di zaman wawasan, ada panglima bertukar tuan. Nasib Datuk Harun sudah kita ketahui dan apakah pula nasib Timbalan Presiden Umno itu akan menjadi seperti Datuk Harun juga?

Krisis yang dicituskan oleh penyingkiran Rahim

dipercayai memberi kesempatan kepada golongan anti-Timbangan Presiden untuk menguatkan tentangan. Sudah tentu tokoh seperti Datuk Najib dan Muhamad Muhd Taib yang dikira seromantis Rahim tidak lena. Mana tahu mereka juga nanti tidak akan dikecualikan dalam pembersihan yang dipercayai akan dibuat oleh Timbalan Presiden.

Banyak pendapat menyebut bahawa orang yang paling tidak gembira dengan kemunculan kuasa Timbalan Presiden ialah Tun Daim Zainuddin, Bendahari Agung Umno yang juga bekas Menteri Kewangan. Tun Daim dikatakan terasa sukar untuk merebut *ghanimah*. Sebagai Menteri Kewangan, Timbalan Presiden mempunyai pengaruh untuk menyekat dan meluluskan *ghanimah*. Bagaikan ada persaingan antara kedua-duanya dalam menentukan siapa patut mendapat hak ekonomi di negara ini.

Ada pandangan bahawa Tun Daim cuba mengurangkan pengaruh Timbalan Presiden dengan cuba membawa Tun Ghafar ke gelanggang semula. Tetapi tidak banyak yang boleh dibuat. Ada percubaan untuk membawa Datuk Seri Sanusi Joned menjadi Menteri Besar Kedah. Dengan demikian kuasa dan pengaruh politik Timbalan Presiden akan dapat dikurang malah dilenyapkan jika Menteri Besar terdiri dari orang yang tidak senang dengan Timbalan Presiden.

Apa yang berlaku, usaha menggantikan Menteri Besar Kedah juga tidak berjaya. Akhirnya Datuk Seri Sanusi kalah sebagai Ketua Umno Bahagian Langkawi.

Bunyinya yang mengatur kerja-kerja mengangkat Sanusi sebagai MB Kedah itu ialah Tun Daim. Yang ironinya ialah Tun Daim sendiri tersingkir dari menjadi Ketua Umno Bahagian Merbuk. Yang menggulingkan Tun Daim ialah Datuk Zainol Johari, bekas tokoh Semangat 46 Kedah.

Dalam percaturan awal kelihatan Tun Daim tewas walaupun beliau dikira sebagai penasihat dan rakan karib Dr Mahathir. Daim bagi Dr Mahathir samalah dengan Datuk Abdullah Ahmad dengan Tun Razak. Tetapi dalam kes Rahim ini, Tun Daim dikira mulai berjaya. Ada pendapat bahawa kecekapan Tun Daimlah yang menyebabkan Nazri mencari tuan lain.

Memang orang suka kalau boleh menjadi orang Daim. Jika ada duit sedikit dan tahu sedikit berniaga, dengan berbaik-baik dengan Daim orang itu akan menjadi orang yang kaya raya. Kononnya, ramai orang muda yang jadi hartawan atas tajaan Daim. Betul atau tidak, inilah yang orang kata. Dan bagi orang politik pula, berjaya mendekati Daim, mempunyai harapan untuk jadi orang politik yang kaya. Mungkin juga Nazri mahu berkuasa dan mahu kaya macam Daim juga. Maka dia dikatakan rapat dengan Daim.

Daim adalah antara yang bekerja untuk mengembalikannya Rahim. Dr Mahathir juga mempunyai minat yang sama. Malah ada yang menyebut jika Rahim tidak berjaya menjadi Ketua Pemuda lagi maka dia dikatakan mungkin dijadikan Bendahari Agung Umno bagi menggantikan Daim.

Rahim belum cukup pulih selagi dia tidak dijadikan menteri. Untuknya menjadi Ketua Menteri Melaka semula boleh dibuat, tetapi akan melibatkan Ketua Menteri yang menggantikannya terpaksa mencari kerja lain sedang Melaka sudah pun dapat mengatasi beberapa masalah yang ditinggalkan Rahim seperti kes pengambilan tanah rakyat di Pantai Kundur.

Jika Rahim hendak dikembalikan ke Melaka, satu pilihan raya kecil terpaksa diadakan. Jika ini dilakukan, ia akan menjadi peluang untuk membangkitkan semula soal pribadinya, yang kesannya juga lebih banyak negatif. Ia bukan sekadar menyusahkan Rahim, malah ia akan



membicarakan secara terbuka kelemahan pimpinan Perdana Menteri yang bersungguh-sungguh sangat membela Rahim sedang orang sudah pun menyoal wibawanya kerana kes Rahim itu.

Jalan mudahnya ialah melantik Rahim sebagai senator dan lepas itu menjadikannya seorang menteri kerajaan pusat. Atas perkiraan itu Rahim dibangunkan dari alam perkuburan politik.

Dalam percaturan politik yang membabitkan konfrontasi senyap antara Dr Mahathir dan timbalannya, yang pernah dibayangkan dalam satu ucapan dasarnya di perhimpunan agung Umno, bagaikan Ceaser dan Brutus, maka dapat dilihat Presiden Umno telah berjaya mendedahkan siapa sebenarnya pemimpin Umno itu sekarang. Tanpa kelemahan itu diceritakan oleh orang lain, tetapi apa yang dibuat oleh Dr Mahathir dalam menangani kes Rahim menceritakan segala sifat dan wataknya terutama dalam menegakkan keadilan.

Sama ada Rahim dibicarakan atau tidak dibicarakan, tidak banyak rahsia dalam hidup dan pribadi Rahim. Kisah pribadinya banyak diketahui orang. Orang Umno tahu, pegawai-pegawai kerajaan tahu dan orang lain juga tahu. Semua orang bercakap dan hinggakan bekas setiausaha akhbaranya, yang kemudian menjadi Ketua Pemuda di Melaka, pun ikut mendedahkan apa yang dia disuruh buat oleh Rahim. Pendedahan orang bawahnya itu tidak dinafikan oleh Rahim dan tidak pula ada apa-apa tindakan terhadapnya sedang pendedahannya menjatuhkan maruah dan nama baiknya. Bila ia tidak dinafikan, maka ia seolah-olah benar.

Dalam hikayat Rahim yang demikian Dr Mahathir telah membuat sebanyak mungkin untuk membebaskannya. Dr Mahathir tahu bahawa polis tidak menjalankan penyiasatan atasnya dalam tohmah hubungannya dengan budak sekolah atau budak perempuan di bawah

umur. Polis sendiri mengakui hal ini di mahkamah dan alasannya budak itu tidak membuat aduan kepada polis. Polis di bawah kementerian yang Dr Mahathir menjadi menteri.

Sebagai Perdana Menteri dia patut membuka ruang kepada rakyat yang dipimpinnya - gadis berkenaan, bapa dan ibunya serta neneknya - mendapat keadilan, sama ada mengadukan kepada polis, meminta khidmat nasihat undang-undang secara bebas dari mana-mana peguam yang mereka pilih dan percaya. Sebagai menteri yang bertanggungjawab, Dr Mahathir boleh menasihatkan polis membuat penyiasatan. Kalau aduan diperlukan, maka benarkanlah aduan dibuat.

Sebagai pemimpin Umno beliau mesti menjalankan penyiasatan atas nama Umno. Sewajarnya dibentuk komiti khas untuk menyiasat perkara itu supaya rakyat dapat dibela oleh Umno, bukan dibala oleh Umno.

Dalam perkara ini telah terdedah secara otomatis bahawa rakyat tidak mendapat pembelaan dari undang-undang, dari polis, dari kerajaan, dari pemimpinnya dan dari Umno yang mendakwa membela kepentingan mereka. Mangsa dan keluarganya bagaikan rakyat yang tidak berdaulat. Adakah sebenarnya rakyat di negara ini berdaulat?

Pendedahan itu boleh dilihat bahawa ada pihak dalam Umno peka atas masalah itu. Tentunya dalam kes ini Timbalan Presiden Umno sendiri yang mengambil daya dan risiko untuk bertindak dan ia tidak dibantah oleh ahli-ahli Umno. Tetapi perkara itu telah dihalang oleh Presiden. Ketika Umno dan Pemuda Umno sudah menolak Rahim, tetapi Presiden Umno memulihkannya semata-mata kerana mahkamah tidak dapat membicarakannya.

Ketika yang sama Rahim telah disiasat oleh Biro Pencegah Rasuah (BPR) dan dia telah dibawa ke mahkamah. Tetapi Peguam Negara menarik balik dakwaan ke atasnya atas alasan yang tiada siapa pun tahu.

Di bawah kerajaan yang ada, itulah rupa pentadbiran Jabatan Peguam Negara. Jika wibawa Peguam Negara dan jabatannya gelap, maka Perdana Menteri lah yang menjadikan demikian.

BPR, polis, Jabatan Peguam Negara, mahkamah dan undang-undang hanya boleh mengadili orang yang Perdana Menteri dan Presiden Umno benarkan dan tidak boleh dikenakan apa-apa kepada orang yang Perdana Menteri tidak beri laluan. Sedang Rasulullah sendiri meletakkan prinsip keadilan itu dalam bentuk yang berikut: "Jika Fatimah sendiri mencuri, nescaya aku kerat tangannya."

Segala tindakan yang dibuat oleh Timbalan Presiden Umno terhadap Rahim yang dirasakan atas sebab-sebab mahu membanteras satu dari banyak penyelewengan dan budaya negatif telah dihalang oleh pemimpin Umno. Ia akan dibaca orang hari ini dan akan menjadi bahan sejarah turun temurun masa akan datang. Betapa buruknya sejarah itu dalam kes ini saja terdedah kerana Perdana Menteri sendiri mahu jadi begitu.

Pendedahan ini cukup untuk menyamakan Dr Mahathir sebaris dengan Raja Melaka yang meminang Puteri Gunung Ledang dan kisah Almarhum Mangkat di Julang.

Keburukan itu tidak akan timbul jika tindakan tidak dikenakan terhadap Rahim dari mula.

Sekarang orang sudah membaca kisah itu. Orang mulai membaca dan bercakap tentang sikapnya terhadap Rahim. Dengan kes ini cukup untuk memulakan kerja

Rahim bagi membawa Presiden Umno itu ke kubur politik. Ertinya Rahim bangun dari kubur untuk menjemputnya ke situ. Mungkin akan mengambil masa lagi, tetapi itulah fungsi kedatangan semula Rahim dari kuburnya.



“

Dalam hal ini yang diserang oleh  
Rahim dan Nazri ialah Timbalan  
Presiden yang kini lebih suka  
mendiamkan diri atau pura-pura  
menjadi singa tidur.

”



# 4

---

## **MEDIA SEBAGAI PENENTU AGENDA POLITIK UMNO, MENGAPA NAZRI MELENTING?**

**D**alam *road-show* pertamanya ke sekeliling negara, setelah kembali memegang tampuk pimpinan Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik telah membangkitkan dan menyelar apa yang disebutnya sebagai dalang dalam media massa yang berperanan menyingkirkannya dari kepimpinan Pemuda.

Ia segera diikuti oleh serangan dari bekas Pemangku Ketua Pemuda Umno yang kembali menjadi Naib Ketua Pemuda Umno, Datuk Nazri Aziz yang menyifatkan bahawa media, khususnya akhbar tertentu, seolah-olah sudah menjadi kuasa penting menentukan agenda politik Umno dibandingkan dengan Umno sendiri.



Berdasarkan dua kenyataan tokoh Pemuda Umno ini, seolah-olah Nazri lebih ke hadapan daripada Rahim dalam menyerang media. Rahim sekadar menyebut bahawa dia menjadi mangsa dalang akhbar yang memburukkan peribadinya dan setelah dikatakan disiasat dari hujung kaki sampai ke hujung rambut, maka dia dikatakan bersih, sedang orang-orang lain yang tidak disiasat belum tahu atau belum tentu bersih atau tidak.

Tetapi Nazri agak lebih laju, bukan menyerang dalang seperti yang dilakukan oleh ketuanya, tetapi menyerang akhbar-akhbar sendiri kerana mengambil alih peranan Umno dalam menentukan agenda politik Umno.

Mengapa Nazri lebih lantang dari Rahim? Mungkin Rahim tidak boleh berlumba lebih jauh dan lebih laju mengenai kebersihannya kerana Rahim hanya dikatakan disiasat dan hanya dikatakan bersih sedang Rahim ada rekod peribadi yang belum dibersihkan sebelum ini. Jika Rahim mahu memanjangkan isu itu, maka dia tidak terdaya untuk berlumba dengan media yang banyak modal tentang perkara itu.

Rahim sendiri pun sedar dan memahami bahawa dalam sebuah negara seperti Malaysia yang monopoli maklumat terkumpul dalam segelintir agensi media yang diserangnya itu, tidak banyak yang boleh dan dapat dibuatnya untuk menyalurkan penjelasan yang tepat, sekali pun berada di pihak yang hak, maka apalah yang boleh dibuatnya jika dia berperang secara total dan apabila dia sendiri pun tidak berapa pasti adakah dia sebenarnya bersih.

Pada masa ini dia hanya dikatakan bersih. Boleh jadi dia betul-betul bersih dalam kes-kes yang dibangkitkan, tetapi biodatanya dan politiknya yang lama ada dalam rekod arkib media, maka kalau Rahim benar-benar mahu berperang dengan media atau dalang media, belum tahu Rahim dan pembelanya cukup stamina untuk bertahan lama.

Rahim adalah menyedari bahawa kuasa media cukup besar untuk mempengaruhi suasana. Contoh terbaik ialah apabila salah sebuah akhbar yang diserangnya itu pernah berhadapan dengan Perdana Menteri Dr Mahathir dan timbalannya sekarang dalam isu bahasa Melayu dan penggunaannya beberapa tahun yang lalu.

Dalam isu tersebut jelas Perdana Menteri tidak mampu untuk berhujah saja. Pengaruh dan kuasa politik yang ada telah digunakan ke atas akhbar yang sahamnya dikuasai oleh nomini Umno itu untuk menyingkirkan khidmat Ketua Pengarang dan Timbalan Ketua Pengarang akhbar tadi. Kedua, mereka digantikan oleh orang lain walaupun Timbalan Ketua Pengarang yang tersingkir tadi Samad Mahadi adalah anak saudara Dr Mahathir sendiri - Mahadi adalah abang Dr Mahathir.

Jika Dr Mahathir dan timbalannya yang terkenal kaki tengkar dan petah berdebat agak kelam kabut berdepan dengan akhbar, hingga akhirnya menggunakan kuasa politik untuk meredakan keadaan, maka sudah tentu Rahim yang diselimuti kelemahan dan ketempangan tidak boleh berjaya menghadapi akhbar jika akhbar mengambil sikap membela diri terhadap serangan Rahim itu.

Setakat ini akhbar-akhbar yang dimaksudkan oleh Rahim mengambil sikap menyindirnya saja, kerana mereka terasa bahawa Rahim mungkin dilindungi oleh Dr Mahathir. Akhbar tentunya tidak akan kehabisan modal untuk berlawan dengan Rahim, tetapi akhbar juga ingat akan pengalaman dua orang pengarang yang entah kerana apa berani mengkritik Dr Mahathir telah tersingkir, maka mana tahu kalau ada lagi pengarang yang terpaksa mencari kerja lain selepas ini.

Tetapi Dr Mahathir juga akan terjerumus dalam risiko yang tinggi jika beliau bertindak lagi terhadap

pengarang semata-mata untuk mempertahankan Rahim yang sekadar dikatakan bersih tadi. Modal Dr Mahathir kini hanyalah sekadar kuasa politik Perdana Menteri, tetapi modal itu tidak lebih dari sebidang nyiru yang ganal, tidak mampu menutup dan menyekat harum sekawah atar.

Justeru itu Rahim kini sekali lagi cuba diselamatkan oleh Datuk Nazri yang beroleh gelaran dari Melaka semasa Rahim jadi Ketua Menteri dulu. Nazri ada hujah betapa agenda Umno mestilah ditentukan oleh Umno sendiri, tetapi bukannya akhbar. Tetapi kalau Umno sendiri tidak ada agenda yang jelas, maka terpaksa agenda itu ditentukan oleh pihak lain. Oleh kerana akhbar juga telah diagendakan sebagai satu kuasa dalam politik, lalu ia ada agenda politiknya. Bila parti politik yang memberikan agenda politik tidak ada agenda maka agenda akhbarlah yang dilaksanakan.

Nazri sendiri pun berjaya dan agak terkemuka sebelum ini adalah atas agenda politik akhbar juga. Sama ada akhbar ada dalang atau tidak, adalah suatu yang lain, tetapi Nazri telah diprojekkan oleh akhbar dalam suasana yang agak menarik hingga beliau begitu mudah untuk mengambil alih jawatan Pengerusi Mara yang sebelumnya dipegang oleh Tamrin Ghafar, sedang ayahnya adalah Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Sekalipun Tamrin dilantik menjadi Pengerusi Mara kerana dia adalah orang Umno, tetapi tidak boleh ditolak langsung akan adanya pengaruh Encik Ghafar ikut mempengaruhi perlantikan tadi. Tidak juga boleh ditolak perlantikan itu ada hubungan juga dengan program memperkukuhkan kedudukan Encik Ghafar dalam kerajaan dan politik Umno. Tetapi Umno juga ada programnya. Melalui dalang yang ditentukan oleh kuasa tertentu dalam Umno juga akhbar telah mempolitikkan kedudukan Tamrin dalam Mara hingga menyebabkan dia tidak

layak lagi untuk terus menjadi Pengerusi Mara.

Jika akhbar ada dalang, maka mungkin juga dalang inilah yang mengilhamkan akhbar menonjolkan kedatangan Nazri ke Mara dan peranannya begitu menarik hingga nama Tamrin terbasuh terus di Mara. Kedudukan Nazri yang begitu baik dalam pandangan masyarakat hasil pembinaan imej yang akhbar atau media paparkan menjadikan Nazri tokoh Pemuda Umno yang begitu disegani dan dihormati.

Apabila Datuk Najib berminat untuk memegang jawatan lain dalam Umno dan terpaksa menyerahkan pimpinan Ketua Pemuda Umno kepada orang lain, maka Nazri melalui imej yang dibina oleh media telah dapat menentukan calon mana yang patut disokong oleh Pemuda sebagai ketua yang baru.

Antara tokoh awal yang menawarkan diri untuk menjadi Ketua Pemuda Umno ketika itu ialah Datuk Syed Hamid Albar. Dari awal lagi Syed Hamid membangkitkan isu peribadi yang baik bagi calon ketua Pemuda Umno. Jelas isu yang Syed Hamid bawa itu menyindir pencalonan terhadap Tan Sri Rahim yang Pemuda dan Nazri sokong. Syed Hamid disokong oleh Pemuda Kubang Pasu yang dirasakan begitu dekat dengan Dr Mahahir.

Nazri memberikan pandangan bahawa Pemuda Umno hanya mahu Syed Hamid menjadi ahli Majlis Tertinggi, bukan Ketua Pemuda Umno. Suara Nazri itu mendapat liputan luar biasa dan istimewa dari akhbar. Pilihan Pemuda mengikut Nazri ialah Rahim. Pilihan Nazri itu juga disambut oleh akhbar. Pengaruh dan program akhbar tadi, jika benar ada, ikut menyebabkan Syed Hamid akur walaupun dia mendapat sokongan dari Pemuda Umno Kubang Pasu yang boleh ditafsirkan sebagai mencerminkan fikiran Dr Mahathir. Akhirnya Syed Hamid bertanding kerusi Majlis Tertinggi saja.

Tidak ditolak betapa Nazri juga ada politik dan gayanya yang tersendiri. Tetapi sokongan yang diprogramkan oleh media menjadikan dia seorang tokoh yang disegani apabila dia mengambil alih jawatan pemangku Ketua Pemuda Umno dari Rahim.

Sekalipun Nazri sekejap mencabar kenyataan Dr Mahathir dan sekejap minta ampun beribu-ribu ampun, sekejap tidak mahu terus dalam politik dan sekejap mahu berpolitik semula, sekejap mencemas dan mencemarkan Rahim dan sekejap menjunjung Rahim, dia tetap diberi perhatian oleh akhbar sebagai calon utama untuk Ketua Pemuda Umno sekarang walaupun terpaksa bertanding bersama Rahim. Ertinya Nazri sendiri telah bangun dan jatuh mengikut program akhbar, sama ada program itu direncana oleh dalang atau oleh akhbar-akhbar sendiri. Jika akhbar menjadi satu kuasa penting menentukan agenda politik Umno akhir-akhir ini, ia tidak terlepas dari kesediaan Nazri sendiri untuk menjadikannya demikian. Nazri pernah memberi laluan.

Tidak dinafikan bahawa akhbar-akhbar utama telah membesarkan isu, apa yang dikatakan, skandal seks Rahim dengan murid sekolah dan sebaran yang berani itulah yang menyebabkan Rahim terpelanting sekejap dari politik.

Bila kes Rahim itu tersebar, bukan sekadar penglibatan Rahim itu saja yang menjadi berita, keberanian akhbar yang dengan tiba-tiba menyiarkan apa yang disebut skandal pemimpin Umno juga menjadi berita. Bukanlah sekadar Rahim saja yang ada cerita menarik di kalangan para menteri dan pemimpin Umno, lain-lain pemimpin juga ada kes dan kisah tersendiri yang layak didedahkan oleh akhbar, tetapi tidak ada keberanian akhbar untuk mendedahkannya. Jangankan untuk mendedah, menyelitkan beritanya barang sebaris dua pun tidak berani.

Bila dengan tiba-tiba akhbar berani mendedahkan kes Rahim, maka yang orang fikirkan ialah bukan kebebasan dan keberanian akhbar-akhbar telah wujud di negara kita tetapi ialah adanya restu dari pucuk pimpinan Umno yang mahu perkara itu diketengahkan.

Akhbar-akhbar utama dan para pengarang di Malaysia tidak mempunyai apa-apa wibawa untuk mendedahkan sesuatu yang besar dan benar tanpa diperkenankan terlebih dahulu oleh dalang-dalang yang ditentukan oleh pihak tertentu dalam Umno. Rahim dan Nazri tidak boleh menempelak dalang itu kerana ia suatu persetujuan "ya yang tidak bertitik" oleh pemimpin-pemimpin bawahan Umno.

Ketika Datuk Abdullah Ahmad menjadi orang kuat Perdana Menteri Tun Razak, dia juga pernah menjadi pengarah akhbar mewakili Umno atau mewakili Tun Razak. Bila dia mahu melangkah terus dalam politik Umno yang lebih tinggi, dia datang ke akhbar yang dia ada pengaruh tadi untuk menyampaikan mesej Umno kepada para wartawan.

Katanya, akhbar dan wartawan diberi kebebasan untuk menyokong sesiapa, kerana ia adalah satu prinsip dalam amalan demokrasi yang Malaysia anuti, tetapi pada waktu itu jika dia ditanya, siapa yang patut disokong, maka jawapannya ialah menyokong Tun Razak.

Demikianlah kira-kira etika tidak bersurat bagi akhbar-akhbar besar negara. Bila Tun Razak tidak ada, Datuk Abdullah pun tidak berapa dikenal orang lagi.

Maka peri adanya satu kuasa ghaib di belakang akhbar bukan suatu yang pelik, tetapi bila ini dibangkitkan oleh dua tokoh Pemuda Umno, bererti sudah ada golongan tertentu dalam Umno tidak sanggup menerima apa yang kuasa ghaib tadi lakukan terhadap mereka walaupun mereka sangat senang bila kuasa tadi mengendalikan orang lain dengan cara yang lebih keras.

Media yang dikecam oleh dua tokoh Pemuda Umno - regu Rahim dan Nazri itu - adalah akhbar yang seratus peratus menyokong Umno yang dimiliki oleh orang-orang Umno yang ternama dan berkuasa. Orang-orang kecil Umno tidak mimpi menjadi pengarah dalam akhbar.

Lazimnya orang yang berkuasa penuh yang menjadi rujukan terhadap kuasa media tadi ialah Presiden dan Timbalan Presiden Umno. Jika ada dalang yang hendak diserang, maka dalang itu sama ada salah seorang dari kedua-dua mereka, atau pun kedua-duanya sekali atau pun orang yang menjadi perantara kedua-duanya atau salah seorang dari mereka.

Jika Rahim yang dipulihkan oleh Dr Mahathir sanggup menyerang dalang dalam akhbar, maka adakah menasabah dia boleh menyerang pihak yang menyelamatkannya? Sudah tentu Rahim tahu siapa dalang dan bila dia serang dalang, maka dalang itu mestilah dipastikannya bukan mewakili Dr Mahathir.

Dalam hal ini yang diserang oleh Rahim dan Nazri ialah Timbalan Presiden yang kini lebih suka mendiamkan diri atau pura-pura menjadi singa tidur. Akhbar-akhbar sendiri pun ada menyiarkan sedikit sebanyak akan agenda politik Pemuda. Jelasnya agenda Pemuda yang disiarkan ibarat bukan agenda.

Tetapi apakah politik menyerang akhbar dan dalangnya oleh pemimpin sementara Pemuda itu adalah program yang dipersetujui oleh pimpinan Umno yang memulihkan Rahim sekarang? Bukanlah suatu yang mustahil pucuk pimpinan Umno menggunakan proksinya untuk mendapatkan kuasa penuh atas media massa. Untuk sementara waktu pucuk pimpinan Umno disetujui bersama tidak dipertandingkan, tetapi proksi mereka bersaing.

Akhbar menjadi salah satu harta Umno yang dire-

but dan nasib para pengarang terserah kepada pihak mana yang menang dalam pertandingan Pemuda Umno nanti. Walaupun ada di antara pengarang akhbar menjadi tuan punya kepada akhbar-akhbar itu tetapi ia tidak menjamin keagungan masing-masing.





“

Pemimpin yang bersih bukan  
sekadar terlepas daripada  
hukuman, tetapi hatinya juga  
mestilah bersih daripada  
perasaan dendam kesumat.

”



# 5

## APABILA AKHBAR ISYTIHARKAN PERANG

**K**ita ucapkan selamat bertugas kepada Ketua Pemuda Umno Tan Sri Rahim Tamby Chik. Keputusan sudah dibuat dan nasib Rahim sudah terbela. Apa yang lepas tidak perlu diungkitkan lagi dan semua pihak mestilah melihat ke hadapan bagi mencari ketenangan dan kekuatan untuk parti dan bangsa Melayu.

Dalam perjuangan Pemuda, yang penting bukanlah Rahim atau siapa saja yang menjadi ketuanya, tetapi kesatuan seluruh anggota Pemuda untuk memperjuangkan matlamat bangsa dan negara. Kita harap Rahim akan

---

Tulisan ini dipetik dari ruangan Komentari A Nazri Abdullah, *Berita Minggu*, Ahad 28 Januari 1996. Nazri adalah Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian.

menggunakan tempoh kira-kira 10 bulan akan datang bagi melaksanakan cita-cita dan program Pemuda yang tergendala. Kita juga berharap semua Exco Pemuda memberi sokongan kepada Rahim untuk melaksanakan mandatnya sebagai Ketua Pemuda. Hormatilah keputusan Majlis Tertinggi Umno dan berkorbanlah untuk parti kerana Umno bukan hak peribadi.

Cuma kita ingin mengingatkan Rahim supaya tidak dibuai kegembiraan sehingga sanggup menyakiti hati orang lain. Selalunya orang yang bebas daripada hukuman akan berkenduri kesyukuran, banyak-banyak istighfar sementalahan pula sekarang ini bulan Ramadhan.

Tapi Rahim memilih cara yang lain. Tidak sabar-sabar untuk menunggu hari raya, Rahim sudah beraya di sana sini mendabik dada mengatakan dirinya bersih dan orang lain yang salah.

Rahim perlu ingat beliau pernah mengucapkan terima kasih kepada media kerana memberi liputan besar-besaran ketika beliau bertanding jawatan Ketua Pemuda pada tahun 1993. Itu pun beliau cuma menang tipis. Media tidak pernah menzalimi atau menganiayai beliau tetapi sekadar melaporkan beritanya berdasarkan maklumat.

Sebenarnya media menerima maklumat yang banyak berkenaan Rahim tetapi bukan tugas media untuk menyiarkan maklumat yang tidak rasmi. Sehingga kini pengarang masih menerima panggilan dan surat mengenai Rahim yang membabitkan soal-soal peribadi beliau. Tidak kurang juga mereka yang mencaci dan menuduh pengarang cuba menyembunyikan kebenaran. Kita menerima cacian dan kutukan ini sebagai sebahagian daripada nasib pengarang.

Menyalahkan akhbar adalah cara yang paling mudah untuk orang politik mencari kambing hitam. Tetapi adalah tidak wajar sama sekali untuk Rahim menuduh

orang akhbar mempunyai agenda sendiri untuk menentukan bentuk kepemimpinan dalam Umno. Tuduhan ini sudah keterlaluan dan sarat dengan prasangka buruk yang boleh menjejaskan imej Rahim.

Kita difahamkan Rahim akan melawat ke seluruh negara untuk membersihkan dirinya. Beliau mengecam akhbar di Shah Alam dan mengulangi kecaman yang sama di Seremban dan Ipoh. Kalau beliau berterusan dengan sikap seperti ini bermakna beliau sendiri tidak yakin dirinya benar-benar bersih dengan keputusan Majlis Tertinggi dan penarikan balik kesnya oleh Peguam Negara.

Kita harap Rahim tidak akan menghabiskan masanya mencaci akhbar kerana cara ini samalah dengan memutar semula kesnya. Setiap kali beliau menyebut gadis bawah 15 tahun beliau akan membawa kembali ingatan orang ramai kepada kesnya. Sebagai pemimpin yang sudah lama berpolitik Rahim sepatutnya lebih memahami kemelut yang melingkari dirinya. Beliau tidak pernah dihadapkan ke mahkamah jadi dari segi undang-undang beliau sememangnya tidak bersalah.

Soal mengapa kesnya tidak dibicarakan di mahkamah itu soal lain. Soal moral juga soal lain. Soal moral tidak pernah diadili di mana-mana mahkamah jadi tidak perlulah Rahim cuba membelanya dengan menyalahkan akhbar.

Kita amat-amat berharap Rahim dan juga Naib Ketua Nazri Aziz berhenti daripada mengadakan majlis penerangan di negeri-negeri untuk membersihkan imej Rahim. Kita bimbang semakin kerap Rahim bercakap soal ini semakin ramai pula yang tidak mempercayainya. Beliau sepatutnya menerima ketentuan politik dengan rasa syukur dan insaf bukannya dengan cara mencari kesalahan orang lain. Usahlah menyakiti akhbar, hati BPR dan hati pejabat Peguam Negara lagi.

Kita agak terkilan dengan kenyataan Rahim selepas menerima kembali tugasnya sebagai Ketua Pemuda Umno tempoh hari. Antara lain beliau berkata: "Tak banyak pemimpin yang kena siasat, saya dah kena siasat dari hujung rambut sampai ke hujung kaki. Ada pula pengiktirafan daripada sistem undang-undang, maka saya bersihlah... orang lain belum tentu lagi."

Ungkapan sombong seperti ini selalunya datang daripada orang yang cepat lupa daratan. Apakah sekarang ini Rahim seorang saja pemimpin politik yang bersih sedangkan orang lain belum tentu bersih lagi? Kata-kata seperti ini tentulah tidak bijaksana dikeluarkan kerana dalam Umno masih ramai orang yang bijaksana untuk mentafsirkan babak-babak yang membentuk cerita Rahim.

Kita harap Rahim menerima pandangan ini dengan perasaan terbuka kerana tujuannya sekadar menegur supaya beliau tidak terlalu dibuai keseronokan hingga menyedihkan orang lain pula. Banyak lagi kerja-kerja Pemuda yang terbenkakai yang perlu diutamakan oleh Rahim daripada menghabiskan masanya untuk melepaskan geram mencari kesilapan orang lain. Lagi pun sikap seperti ini bukanlah mencirikan sifat-sifat pemimpin yang berwibawa. Pemimpin yang bersih bukan sekadar terlepas daripada hukuman, tetapi hatinya juga mestilah bersih daripada perasaan dendam kesumat.

“

Soal mahkamah membebaskan Rahim atas tuduhan rasuah adalah suatu hal lain yang tidak ada sangkut dengan sebab-sebab Rahim melepaskan pimpinan Pemuda dulu.

”





# 6

---

## **ANTARA RAHIM DAN DATUK HARUN: PERBEZAAN DALAM PERSAMAAN**

**A**da percubaan untuk menyamakan krisis Pergerakan Pemuda Umno pimpinan Datuk Harun Idris pada awal 70-an dulu dengan kemelut yang dihadapi oleh Pemuda Umno di bawah pimpinan Tan Sri Rahim Tamby Chik yang mula diperkenalkan sebagai regu Timbalan Presiden dalam Pasukan Wawasan.

Tetapi Datuk Harun Idris yang sejak tahun 1990 tidak lagi aktif dalam politik tidak bersetuju dengan sebarang usaha untuk menyamakannya walaupun kesnya atas tuduhan rasuah disabitkan oleh mahkamah menakala tuduhan rasuah terhadap Ketua Pemuda Umno yang bernama Rahim digugurkan dari perbicaraan.

Jika pun ada persamaan, mungkin kerana kedua-

duanya menjadi Ketua Pergerakan Pemuda Umno, kedua-duanya memimpin kerajaan negeri ketika memimpin Pemuda - satu di Selangor dan satu lagi di Melaka, kedua-duanya bukan aktivis Pemuda sebelum menjadi ketua tetapi dibawa dari luar gerakan untuk memimpin Pemuda dan kedua-duanya diseret ke mahkamah atas tuduhan rasuah.

Datuk Harun muncul sebagai Ketua Pemuda Umno selepas krisis 13 Mei, 1969. Beliau membina nama - buruk atau baik - melalui krisis itu. Umno dan orang Melayu yang menyokong kerajaan menerimanya sebagai wira atas peristiwa itu walaupun peranannya sebagai pencetus kejadian itu tidak begitu jelas. Kaum-kaum lain mempunyai sikap lain terhadapnya.

Kebetulan Datuk Senu Abdul Rahman yang menjadi Ketua Pemuda Umno ketika itu merasa perlu untuk mengosongkan jawatan itu bagi memegang jawatan Setiausaha Agung Umno penuh masa berikutan dengan kekalahannya dalam pilihanraya umum 1969 dan hilang jawatan kabinetnya.

Umno sendiri menghadapi perkembangan yang tidak menentu berikutan dengan peristiwa 13 Mei itu. Demokrasi digantung dan negara ditadbirkan oleh sebuah Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN dengan Tun Razak sebagai Pengarahnya. Kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putera menghadapi cabaran.

Tokoh-tokoh muda seperti Dr Mahathir Mohamad dan Musa Hitam walaupun tidak menjadi tenaga penting dalam Pergerakan Pemuda Umno dipimpin oleh Datuk Senu, tetapi dikenal pasti sebagai orang-orang utama yang mahukan perubahan dalam kepimpinan Umno.

Ketika itulah surat-surat peribadi antara Tunku dan Dr Mahathir diedarkan kepada orang ramai hingga menimbulkan satu ketegangan dalam Umno dan dalam kerajaan. Kritik terbuka terhadap Tunku dari orang-

orang Umno boleh didengar di gerai dan warung.

Tunku bertindak memecat Dr Mahathir daripada menjadi ahli Umno dan memecat Musa Hitam dari jawatan timbalan menteri yang baru saja disandanginya selepas pilihan raya Mei, 1969.

Sebelum pilihan raya itu Musa adalah Setiausaha Kerja di Ibu Pejabat Umno. Setiausaha Kerja adalah orang terpenting di Rumah Umno kerana Setiausaha Agung, Khir Johari, yang juga seorang menteri tidak sepenuh masa di Rumah Umno. Berikut dengan tindakan itu Musa Hitam juga terlucut dari semua jawatan di Rumah Umno.

Perkembangan selanjutnya ialah Dr Mahathir membuat pakatan dengan pemimpin pelajar, Anwar Ibrahim dengan menganjurkan tunjuk-tunjuk perasaan di kampus-kampus mahukan Tunku Abdul Rahman melepaskan pimpinan negara kerana kononnya beliau gagal mewujudkan perpaduan dan sebagainya. Dr Mahathir selepas itu menerbitkan buku *The Malay Dilemma* yang terang-terang mengkritik kepincangan pimpinan Tunku. Kerajaan akhirnya mengharamkan buku Dr Mahathir itu.

Peranan Pemuda Umno ketika itu tidak jelas. Ia tidak bulat. Datuk Senu adalah orang Tunku. Demikian juga sesetengah daripada anggota exconya. Tetapi ada di antara aktivisnya tertarik kepada Dr Mahathir dan Musa Hitam.

Apabila Datuk Senu menyatakan mahu melepaskan jawatan Ketua Pemuda, maka calon yang ada dari kalangan Pemuda sendiri ialah Ali Haji Ahmad dan Sharif Ahmad. Kedua-duanya adalah orang yang tidak bermasalah dengan Tunku tetapi tidak sehaluan dengan gerakan yang mahukan perubahan, yang ketika itu tinggal Musa Hitam. Dr. Mahathir selepas terpecat tidak lagi menjadi orang yang mempertahankan Umno, sebaliknya menaiki pentas pembangkang membidas secara terbuka

kelemahan pemimpin-pemimpin Umno dan kerajaan.

Ali Haji Ahmad tidak memperlihatkan wibawa yang dinamik yang diharapkan oleh Pemuda. Ia lebih terserlah sebagai penyambung kepimpinan Senu. Dan jika Ali yang memimpin Pemuda, maka pemimpin Pemuda yang sebenarnya nanti ialah Sharif Ahmad yang ketika itu adalah Setiausaha Politik Khir Johari. Khir adalah orang Tunku yang sudah tentu tidak disenangi juga oleh pihak yang mahukan perubahan. Sharif lebih tertonjol dari Ali. Tetapi Sharif belum mampu untuk berdiri sendiri bagi menjadi calon.

Musa Hitam membuang diri ke England untuk melanjutkan pelajaran. Dia pulang ke tanah air menjelang pemilihan Umno. Dia menawarkan diri untuk menjadi calon Ketua Pemuda. Sudah tentu tawarannya menarik perhatian. Tetapi Musa dikelilingi oleh penentang-penentang yang sangat ketara seperti Syed Jaafar Albar, Khir Johari, dan lain-lain penyokong Tunku. Mereka mungkin tidak memikir Ali sebagai calon terbaik, tetapi bagi mereka Ali lebih baik dari Musa.

Ternyata Musa adalah calon paling dinamik. Tetapi harapannya tidak memberangsangkan memandangkan belum ada dalam sejarah Umno seorang yang menentang pucuk pimpinan diterima semula dengan mudah. Pengaruh Tunku masih besar dalam Umno. Pada ketika orang tidak dapat menduga apakah Tunku akan berundur atau tidak, maka tidak mudah bagi seorang calon yang dikenal pasti anti-Tunku ketika itu boleh diterima oleh orang ramai.

Mungkin Tun Razak sendiri mahu melihat Musa menjadi Ketua Pemuda yang baru tetapi Tun Razak sendiri pun tidak pasti ia suatu yang mudah. Kedatangan semula Musa adalah ibarat menolak Tunku. Inilah sesuatu yang cuba dielakkan oleh Tun Razak, kalau boleh.

Dalam suasana seperti ini muncul nama Datuk Ha-

run Idris sebagai calon ketiga. Serta merta Musa bersedia menjadi Naib Ketua jika Datuk Harun menerima pencalonannya. Banyak sokongan yang demikian. Maka Datuk Harun pun bersetuju. Ada yang menyangka ia adalah formula yang diperkenan oleh Tun Razak sendiri.

Datuk Harun boleh diterima oleh orang-orang Tunku dan boleh juga diterima oleh pihak yang mahukan perubahan. Datuk Senu sendiri pun rasanya lebih senang menyerahkan jawatan itu kepada Datuk Harun daripada menyerahkannya kepada Musa.

Dengan latar belakang rumah kediamannya sebagai Menteri Besar Selangor dijadikan tapak perhimpunan yang kemudiannya mencetuskan peristiwa 13 Mei, maka Datuk Harun lebih mudah diterima untuk menjadi Ketua Pemuda. Bagaimanapun Datuk Harun sendiri pun tahu bahawa bersamanya adalah Musa Hitam yang mempunyai persediaan untuk menjadi Ketua Pemuda yang sebenar.

Sesetengahnya percaya bahawa Datuk Harun adalah pemimpin sementara kerana lambat laun dia akan memberi laluan kepada Musa.

Regu Harun - Musa mencapai kemenangan mudah. Sekalipun Datuk Harun yang mengetuai kemenangan itu tetapi ia tetap dianggap sebagai sejarah bagi Umno yang dicatat oleh Musa Hitam dan satu petanda menolak keputusan Tunku dan Majlis Tertinggi Umno yang memencilkannya lebih setahun sebelum itu. Musa adalah orang pertama kembali dalam pimpinan Umno selepas diketepikan oleh Tunku. Bagaimanapun bayangan 13 Mei yang ada pada Datuk Harun menyebabkan Datuk Harun lebih tertonjol.

Terbukti kemudiannya Musa tidak berminat untuk memimpin Pemuda dan membiarkan era itu terus dibayangi oleh pengaruh dan politik Datuk Harun.

Tan Sri Rahim Tamby Chik pula mulanya mena-

warkan diri untuk menjadi Naib Presiden Umno. Tetapi setelah jelas Datuk Najib Tun Razak juga berminat untuk merebut satu dari tiga Naib Presiden menyebabkan Ketua Pemuda akan kosong. Datuk Syed Hamid Albar yang pernah gagal untuk menyingkirkan Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelang pertengahan tahun 80-an dulu sekali lagi menawarkan diri untuk menggantikan Datuk Najib.

Pemuda Umno sendiri belum ada persiapan untuk mengemukakan tokoh dari kalangannya sendiri. Nazri Aziz yang menjadi Naib Ketua Datuk Najib mungkin calon dari gerakan itu yang paling layak. Tetapi memandangkan persiapan tidak cukup dan jika ditakdirkan Syed Hamid Albar menjadi calon, maka belum ada jaminan Nazri boleh menang. Sudah tentu Syed Hamid bukanlah tokoh yang rapat dengan gerakan itu. Aliran dan arah Pemuda Umno mungkin berubah dari yang dipimpin oleh Anwar dan Najib jika Syed Hamid menjadi pimpinan.

Pertandingan pimpinan Pemuda sesungguhnya bukanlah masalah dan agenda bagi Pemuda itu saja. Ia juga adalah sebahagian dari proses pertandingan kepimpinan Umno pada keseluruhannya. Tahun itu merupakan percubaan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk merebut jawatan Timbalan Presiden dari Encik Ghafar Baba. Maka strategi yang digunakan ialah calon mesti bertanding atas nama pasukan. Lalu lahirlah Pasukan Wawasan.

Pasukan Wawasan telah menamakan Tan Sri Rahim sebagai calon Ketua Pemuda. Barisan calonnya terdiri dari Anwar untuk Timbalan Presiden, Datuk Najib, Tan Sri Muhyidin Yassin dan Tan Sri Muhammad Mohd Taib bagi Naib Presiden dan Rahim Tamby Chik bagi Ketua Pemuda. Kesemuanya menang. Dan di situlah Rahim berjaya menjadi Ketua Pemuda dengan kemenangan tipis atas Tan Sri Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Ada tanda-tanda bahawa Rahim dibawa ke situ

bukan kerana dia calon yang paling layak, tetapi itu mungkin satu strategi untuk mendapatkan sokongan dari Melaka dan negeri-negeri yang berjiran dengannya terhadap calon-calon Pasukan Wawasan.

Dalam pertandingan itu Pasukan Wawasan mengetepikan Ghafar Baba. Orang Melaka tentu tidak mudah menerima begitu saja akan penyingkiran Ghafar itu jika tidak ada ubat bagi menyejukkan hati mereka. Bagi memastikan orang Melaka setuju Ghafar disingkirkan maka perlu Pasukan Wawasan mengemukakan seorang tokoh Melaka dalam pimpinan baru. Rahim adalah calon yang terbaik dari Melaka.

Bagaimanapun dari awal lagi Syed Hamid sudah membangkitkan isu betapa Pemuda mesti dipimpin oleh seorang yang tidak cela pribadinya. Isu yang dibawa oleh Syed Hamid itu jelas ditujukan kepada calon yang dikemukakan oleh Pasukan Wawasan. Tetapi Pemuda Umno dan Pasukan Wawasan tidak mengambil berat perkara itu. Mungkin Pemuda memikirkan ketika itu mana ada malaikat dalam barisan pimpinan Umno. Masing-masing lebih kurang saja. Jika diperhatikan barisan calon Pasukan Wawasan tadi maka lebih separuh daripadanya tidak memenuhi ciri-ciri yang dibangkitkan oleh Syed Hamid.

Yang penting bagi Pasukan Wawasan ialah calonnya menang, maka calonnya pun menang. Banyak ramalan yakin regu Pasukan Wawasan tidak bertahan lama memandangkan mimpi masing-masing jaraknya ibarat langit dan bumi. Ramalan itu tidak meleset.

Maka Rahim pun muncul sebagai seorang pemimpin Pemuda dalam suasana hiraki pimpinan dan masa depan politik masa depan yang agak jelas. Pasukan Wawasan seolah-olah menjanjikan bahawa warisan pimpinan bagaikan sudah selesai.

Timbalan Presiden Umno yang baru, yang muda



dan dinamik dipercayai oleh semua sebagai pengganti Dr Mahathir yang mutlak. Justeru itu kemunculan Rahim sebagai Ketua Pemuda tidak pernah difikirkan oleh sesiapa sebagai pencabar pucuk pimpinan dan orang pun tidak fikir yang beliau boleh pergi lebih jauh dari apa yang disandangnya itu memandangkan regu dalam kepimpinan Wawasan adalah sebaya atau muda daripadanya.

Rahim mungkin seorang yang berjaya membawa pembangunan kebendaan di Melaka dan sukarlah bagi sesiapa untuk mencabarnya. Tetapi untuk menjadi pemimpin Pemuda yang menarik belum terjamin memandangkan ketokohan Presiden dan Timbalan Presiden Umno adalah cukup hebat.

Dari segi karisma tidak ada lain-lain tokoh dalam Umno boleh menandingi karisma Dr Mahathir dan timbalannya. Dari segi dinamisma, tiada ahli dan tokoh Umno mampu menyaingi Dr Mahathir dan timbalannya. Dari segi radikalisma, kedua-duanya adalah antara yang paling radikal di dunia. Kalau ada yang mahu menyebut tentang kalimah pelampau, mungkin pada ketika tertentu mereka berdua boleh menjadi pelampau yang berketokohan. Justeru itu di mana Rahim boleh muncul sebagai pemimpin yang terbilang.

Memandangkan suasana yang wujud itu, maka kehadiran Rahim sebagai Ketua Pemuda, adalah suatu rutin dan pimpinan biasa saja. Mungkin ada keistimewaan tertentu, tetapi Rahim bukanlah pimpinan Pemuda yang istimewa. Dan mungkin akhirnya setara dengan Tun Sardon Jubir dan Tan Sri Senu yang peranannya adalah penyelenggara apa yang dimahukan oleh kepimpinan, baik ia betul mahupun tidak betul.

Kesimpulannya, tidak siapa dapat memikirkan Rahim boleh menjadi pemimpin Pemuda yang kontroversi dan terlonjak seperti Datuk Harun Idris dan Tan Sri Syed

Jaafar Albar, misalnya.

Berbeza dengan Datuk Harun Idris yang lahir sebagai Ketua Pemuda dalam suasana yang sangat mencabar dan dia pun seorang yang mampu mencabar. Datuk Harun menjadi ketua selepas dikatakan mengepalai kebangkitan orang Melayu yang cemas dengan keputusan pilihan raya umum 1969. Dalam pilihanraya itu Umno dikira kalah di Pulau Pinang, Selangor dan Perak. Kekalahan itu dikira kekalahan orang Melayu. Walaupun Umno juga kalah di Kelantan dan secara teknikal kalah di Terengganu di tangan PAS, tetapi ia tidak dikira kekalahan orang Melayu. Sebaliknya kekalahan Umno itu boleh pula dikira kemenangan orang Melayu di negeri-negeri pantai timur itu.

Peristiwa perhimpunan orang-orang Melayu Umno di kediaman Menteri Besar Selangor, di Jalan Raja Muda Kuala Lumpur pada petang 13 Mei, 1969 dan kemudiannya tercetus apa yang dikatakan kecelakaan 13 Mei menjadikan Datuk Harun wira orang Melayu.

Apakah benar beliau pencetus atau wira, memerlukan satu kajian dan analisis yang terperinci. Ada tanda-tanda bahawa dia bukan pencetus kejadian itu tetapi dia adalah orang yang menerima semua natijahnya - baik atau buruk. Jika dia dijadikan wira, dia terima dan jika dia kira sebaliknya juga, dia sedia terima sama seperti dia terima untuk masuk penjara. Tetapi perhimpunan di depan rumahnya diterima sebagai penyelamat sementara ketuanan Umno atas pemerintahan negara ini. Juteru itu namanya naik mencecah awan apabila dia memimpin Pemuda Umno.

Tindakan awal yang agak menggawatkan Umno yang diambilnya sesudah menjadi Ketua Pemuda Umno ialah memulihkan politik Dr Mahathir sebagai ahli Umno. Apakah tindakannya membawa semula orang yang telah dipecat oleh Tunku Abdul Rahman Putra itu

atas tekanan Datuk Musa Hitam yang menjadi naibnya tidak penting, tetapi Datuk Harun mengambil risiko yang tinggi di tengah-tengah tentangan golongan tua dalam Umno yang begitu menghormati Tunku.

Datuk Harun sendiri adalah orang yang begitu menyanjung Tunku dan mempunyai hubungan yang cukup baik dengan tokoh-tokoh Umno yang tidak berkenankan Dr Mahathir seperti Tan Sri Syed Jaafar Albar, Syed Nasir Ismail dan lain-lain.

Dia tahu tindakan itu boleh menyinggung Tunku dan tidak disenangi oleh sebahagian dari ahli-ahli Umno. Tetapi Datuk Harun memahami semua itu dan membuat kerja yang tidak popular itu hingga dia jadi popular. Datuk Harun berjaya mengekalkan hubungan baik dengan Tunku dan berjaya menarik perhatian golongan tua dan ada di antaranya pemuja Tunku.

Sekalipun sesetengah dari mereka memusuhi Dr Mahathir sampai mati tetapi mereka juga adalah antara orang yang kasihkan Datuk Harun dan sahabat Datuk Harun. Albar misalnya, sangat ingin melihat Datuk Harun menjadi pimpinan Umno dan Perdana Menteri. Walaupun Albar pernah berbalah dengan Datuk Harun kerana Ketua Pemuda Umno itu pernah menyelar apa yang disebut golongan pengarah dari kalangan tokoh-tokoh Umno tetapi Albar adalah orang yang terus menerus membela supaya Datuk Harun dipulihkan dari segi politik apabila beliau menghadapi musibah di hujung pimpinannya sebagai Ketua Pemuda.

Dr Mahathir sebenarnya sudah tidak berminat untuk berpolitik bersama Umno apabila dia terpecat dari partinya itu. Dia mungkin mahu menjadi orang korporat. Dia acap membidas pemimpin-pemimpin Umno termasuk naik pentas PAS untuk membidas pemimpin dan politik Umno.

Dalam keadaan seperti itu Datuk Harun mencari

Dr Mahathir di kliniknya di Alor Star bagi memujuknya supaya mengisi borang Umno. Datuk Harun terpaksa membuat temu janji dengannya dan terpaksa menunggunya, bukan Dr Mahathir yang menunggu Datuk Harun.

Akhirnya Dr Mahathir yang dilahirkan di Kedah, dibesarkan di negeri itu dan mendapat pelajaran di negeri itu menjadi ahli Umno semula melalui sebuah cawangan di Rawang, Selangor, negeri yang sepenuhnya dikuasai oleh Datuk Harun ketika itu. Bagaimanapun Selangor adalah negeri isterinya dan negeri ipar duainya.

Demikianlah Datuk Harun, memungut orang yang dibuang oleh Tunku. Tunku membuang orang yang dikiranya paling tidak berguna kepada Umno dan tidak akan menguntungkan Umno dan negara. Tetapi Datuk Harun memungutnya hingga menjadi orang yang paling berguna kepada Umno dan dapat pula menggunakan negara sepenuhnya.

Apa yang menarik semasa pimpinan Datuk Harun ialah beliau menjadikan anggota exco Pemuda sebagai pasukan dialog, menemui seorang menteri demi seorang menteri atau menemui pemimpin-pemimpin Umno. Dalam dialog tertutup itu pasukannya akan memberikan pandangan dan teguran kepada dasar-dasar dan pelaksanaan yang mereka fikir tidak kena.

Tun Dr Ismail adalah dikira orang yang keras dan tegas, berhati-hati dan tidak bergurau, tetapi dengan tokoh seperti ini pun dihadapi juga oleh pasukan Datuk Harun tadi.

Dalam keadaan macam inilah Datuk Harun selalu bergasak dengan menteri dan lain-lain tokoh. Hingga ada pemerhati politik berpendapat bahawa ketika itu pemimpin Umno lebih takut kepada bangkangan Pemuda Umno daripada parti pembangkang. Dalam keadaan macam ini juga ada yang bimbang kalau-kalau Pemuda

Umno menjadi parti dalam parti.

Memang kemudiannya Pergerakan Pemuda Umno pimpinan Datuk Harun diserahkan sebagai parti dalam parti. Ia terjadi atas beberapa sebab.

Pertama, tidak muncul seorang tokoh yang jelas untuk menjadi orang kedua kepada Perdana Menteri Tun Razak. Walaupun Tun Dr Ismail ditunjuk sebagai timbalan oleh Tun Razak sendiri, tetapi Dr Ismail lebih tua dan uzur pula. Justeru itu ada perlumbaan untuk menjadi orang kedua. Ada pula orang yang mengira Datuk Harun layak dan kelihatan seperti menyiapkan diri untuk merebut kedudukan itu.

Penyokongnya memang mahukan Datuk Harun satu hari nanti menjadi Presiden Umno dan Perdana Menteri. Orang seperti Tunku pula mengira bahawa amalan demokrasi di Malaysia memungkinkan siapa saja berhak bercita-cita menjadi Perdana Menteri dan perlembagaan negara tidak menghalang setiap yang lahir di negara ini untuk memegang jawatan itu. Musuh Datuk Harun pula merasa yang beliau memang membuat apa saja bagi mendapatkan kedudukan itu.

Dalam suasana seperti itu, orang lain yang juga berminat untuk menjadi Perdana Menteri - bilangannya lebih dari seorang - membuat apa saja untuk mereka naik dan untuk menghalang Datuk Harun dari menjadi pemimpin Umno masa akan datang.

Orang bukan Melayu mengira Datuk Harun adalah musuh. Mereka merancang apa saja asal Datuk Harun tidak menjadi Perdana Menteri. Antara orang yang berminat ialah Datuk Abdullah Ahmad, orang kanan Tun Razak atau orang yang paling berkuasa dalam pentadbiran Tun Razak. Ada tanda-tanda Tun Razak tidak menghalang Datuk Abdullah Ahmad untuk menjadi pemimpin, tetapi dia tidak ada organisasi yang mendukungnya. Ada cadangan supaya dia berganding dengan

Datuk Harun. Tetapi Datuk Harun tidak berminat berka-  
wan dengannya. Maka dia dikatakan salah seorang yang  
bekerja menghalang Datuk Harun mara dan dikatakan  
juga berjaya mempengaruhi hubungan yang tidak selesa  
antara Datuk Harun dan Tun Razak.

Musuh-musuh Datuk Harun menjadi musuh Pe-  
muda Umno. Mereka berjaya menjauhkan Tun Razak  
dengan Datuk Harun dan dengan Pemuda Umno. Tetapi  
pada pandangan saya antara muslihat mengapa Datuk  
Harun dipencilkan adalah rahsia pencetus peristiwa 13  
Mei. Datuk Harun adalah orang yang paling tahu tentang  
latar belakang tercetusnya kejadian itu.

Datuk Harun masih kerdil ketika itu. Dia tidak pu-  
nya pengaruh yang cukup untuk mengumpulkan orang  
begitu ramai dan tidak punya apa-apa pengaruh dalam  
pentadbiran pusat. Dia tidak berupaya untuk menaja hal  
itu. Tetapi dia tahu banyak tentang usul asal di sebalik  
kejadian itu. Kerja politik seperti itu adalah politik tinggi  
dan berbagai kemungkinan boleh terjadi. Ketika itu dia  
menjadi penyanggup kepada segala-galanya. Memati-  
kan politik Datuk Harun adalah ibarat memasukkan jin  
dalam botol yang setelah ditutup kemas lalu dicampak-  
kan ke laut.

Sebagai Ketua Pemuda Umno Datuk Harun me-  
nyerang gerakan Freemason dan komunis. Gerakan Free-  
mason memang cergas dan berakar di kalangan orang  
yang berkedudukan. Keadaan pertubuhan tajaan Yahudi  
itu ibarat iblis, ia ada tapi tidak dapat dilihat. Justeru itu  
rumah pertubuhan itu dipanggil Rumah Hantu. Preema-  
son mudah menyerang kita tetapi kita tidak dapat  
berbuat apa-apa kepadanya.

Datuk Harun tidak muncul sebagai tokoh anti-  
komunis yang terkemuka dari segi ideologi, tetapi dia  
menyerang anasir komunis yang menyeludup dalam  
Umno hingga boleh mempengaruhi dasar dan pemerin-

tahan. Oleh kerana ketika itu komunis di dunia berada pada kemuncak dan berjaya mengalahkan Amerika di Vietnam dan Kemboja, maka sudah tentu gejala sejagat itu membantu musuh-musuh Datuk Harun untuk meruntuhkan kerjaya politiknya.

Seluruh musuh Datuk Harun boleh dikatakan berkumpul di Jabatan Perdana Menteri, hingga Datuk Harun dan Pemuda Umno tidak ada ruang untuk sampai kepada Perdana Menteri. Bila jurang antara Ketua Pemuda dan Pemuda sudah begitu jauh dengan Presiden Umno, maka segala yang Datuk Harun dan Pemuda buat jadi tidak kena belaka.

Jika Datuk Harun runtuh dan dipencilkan dari politik elit dan golongan yang berkuasa dalam Umno, salur galurnya dapat dilihat dengan jelas dan tidak memeranjatkan sesiapa. Seluruh jentera dan tenaga dalam parti dan kerajaan digerakkan untuk menghadapi Datuk Harun tetapi Umno mengambil masa yang sangat panjang untuk menjadikan dia orang Umno yang terbuang.

Suasana itu tidak ada pada Rahim. Dia tidak dilihat sebagai sebagai orang yang melawan ketua. Dia seorang yang mengikut perintah ketua. Tidak ada apa-apa yang menyusahkan ketua dari kegiatan politiknya.

Tiba-tiba dia menjadi masalah kepada Umno; itu pun dari kalangan Umno yang bercakap tentang keislaman. Dia ditohmah bermukah dengan budak sekolah yang di bawah umur mengikut tamaddun dunia sekarang. Budak sekolah itu dari segi Islam sudah layak jadi ibu tetapi dari peraturan dunia kini dia tetap dikira di bawah umur.

Adakah benar dia terlibat tidak pernah dibuktikan dan hingga kini tidak ada sebarang tindakan yang meyakinkan, yang dapat membebaskan dia dari tohmah dan fitnah itu.

Atas tuduhan itu Rahim bekerjasama dengan

Umno dan kerajaan. Dia menulis surat berundur dari semua kedudukan politik. Mungkin dia dipaksa tetapi yang jelas ialah dia terpaksa dan dia sudah bekerjasama. Sementara menunggu tindakan selanjutnya Rahim mohon berundur dari jawatan Ketua Pemuda Umno, berundur dari Ketua Menteri Melaka dan lain-lain jawatan politik.

Berbagai-bagai keburukan Rahim dilemparkan kepadanya tetapi tidak banyak dibuktikan atau belum dibuktikan. Sekalian orang kanannya tidak memihak kepada Rahim malah mereka menambah lagi tohmah ke atasnya. Jelas Pemuda Umno tidak membelanya dan tidak pula ada rakan-rakannya yang mempertahankannya. Kalaupun ada orang yang bersuara simpati kepadanya ialah Presiden Umno sendiri.

Jika Rahim kemudiannya dibela hingga dia dapat kembali kepada jawatan utama dalam Pemuda Umno, ia bukan atas kemahuan Pemuda Umno, tetapi adalah dari kehendak Presiden Umno sendiri, sedang pandangan umum Pemuda menolak Rahim. Umumnya Pemuda seperti menerima segala tohmah yang dihadapkan kepada Rahim.

Ia berbeza dengan Datuk Harun. Pemuda Umno membelanya hingga ke tepi pintu penjara Pudu. Tetapi Presiden Umno tidak memberi sebarang belas kasihan kepadanya. Presiden Umno kononnya menunjukkan sikap tegas dan keras terhadap pihak yang dikatakan engkar dan menyeleweng. Sikap pemimpin Umno, tohmah terhadapnya dan keputusan mahkamah mengenai-bagaikan ditolak oleh Pemuda.

Yang sama mengenai kedua-duanya ialah mereka terpaksa melepaskan kepimpinan Pemuda yang belum tamat tempohnya.

Rahim melepaskan jawatan atau secara teknikalnya meletakkan jawatan kerana adanya tohmah yang meli-



batkan dia kononnya berskandal dengan murid dan di bawah umur pula. Dia sendiri tentunya terpaksa dan dipaksa. Bukan atas kerelaan tetapi dia bekerjasama atas paksaan itu. Sudah tentu dia sepatutnya menghadapi sia-satan. Dia juga berundur sebagai Ketua Menteri Melaka.

Datuk Harun ditohmah atas tuduhan rasuah. Dia naik dan turun mahkamah dan dia masuk dan keluar penjara. Dia menghadapi undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri sebagai Menteri Besar Selangor. Datuk Harun tidak pernah berundur dari semua jawatannya tetapi dia disingkirkan dari ketua kerajaan negeri dan tidak dapat menjalankan tugas sebagai Ketua Pemuda kerana dipenjarakan.

Jawatan Rahim dipangku oleh Datuk Nazri Aziz dan jawatan Datuk Harun dipangku oleh Datuk Muhammad Rahmat. Nazri tidak diminta oleh Pemuda untuk memulihkan kedudukan Rahim tetapi dia sendiri satu hari mahu memulihkannya. Dia ditentang oleh Pemuda. Datuk Muhammad Rahmat diminta oleh Pemuda supaya memulihkan politik Datuk Harun tetapi dia tidak membuat kerja secukupnya dan kerana itu dia tidak disahkan sebagai Ketua Pemuda bila dia bertanding untuk menggantikan Datuk Harun. Pemuda Umno lebih senang memilih orang yang sudah tua iaitu Tan Sri Jaafar Albar untuk menjadi ketuanya.

Sekalipun Rahim sudah dipulihkan sebagai Ketua Pemuda, tetapi Pemuda membuat kenyataan bahawa mereka tidak akan mencalonkannya menjadi ketua. Mereka sedia mencalonkan Nazri kiranya Nazri mahu. Jika Nazri menolak, maka Datuk Zahid Hamidi menjadi pilihan. Dan kalau Rahim ditakdirkan bertanding juga, calon Pemuda tetap Datuk Zahid, seorang yang dapat gelaran Datuk dari negeri Melaka.

Tetapi tidak siapa bersedia untuk menjadi calon selagi Datuk Harun bebas dan tertonggok dalam Pemuda.

Datuk Harun tidak lagi menjadi calon setelah kes ke atasnya disabitkan dan mengikut peraturan pertubuhan, seorang yang bermasalah seperti itu tidak wajar memegang apa-apa kedudukan bermaruah.

Rahim tercemar kerana aduan seorang ayah dan seorang nenek di Melaka bahawa anak gadisnya atau cucunya yang sedang bersekolah dimukahi oleh Rahim. Atas alasan itu golongan Umno yang mendakwa mirip Islam mengenakan tindakan disiplin terhadapnya dan ia disahkan oleh Pemuda.

Rahim diserahkan kepada pihak penyiasatan. Sejauh mana siasatan itu bebas akan terus menjadi siasatan pula. Tetapi pihak yang berwajib bertindak mengasingkan murid tadi dari keluarga hingga diragukan apakah dia bebas atau dalam keadaan tertekan. Sehingga ini individu itu tidak bebas dan tidak dapat ditemui.

Satu keterangan yang dibuat di mahkamah oleh pegawai yang ikut menyiasat gadis itu menyebut betapa gadis itu ada mendakwa yang Rahim ada hubungan sulit dengannya tetapi siasatan atas Rahim tidak dilakukan kerana gadis itu tidak membuat aduan polis. Gadis itu hanya membuat aduan terhadap orang-orang jantan lain.

Berdasarkan maklumat diatas, maka terlalu banyak perkara yang boleh dipersoal dan ia menjadikan Rahim seorang yang menjadi beban kepada Pemuda selagi dia menjadi ketua mereka.

Rahim tidak dibawa ke mahkamah atas isu dia dikatakan bermukah dengan budak sekolah itu. Dia tidak disingkirkan dari pimpinan Pemuda atas isu lain tetapi adalah atas kes dengan budak itu. Dia melepaskan semua jawatan politik kerana mahu bekerjasama dengan pihak yang menekannya sementara menjalani penyiasatan. Tetapi sehingga ini tidak ada siasatan dilakukan ke atasnya seperti yang disebutkan oleh polis tadi di mahkamah. Oleh kerana dia belum disiasat disebabkan gadis tidak

membuat aduan, maka Umno tidak boleh memulihkan Rahim yang berundur dulu untuk disiasat.

Jika polis tidak menyiasat atas sebab tiada aduan, tetapi adakah aduan bapa dan nenek disiasat oleh sesiapa selain dari polis? Jika polis tidak boleh menyiasat, mengapa Umno tidak menjalankan penyiasatan? Pemuda Umno sendiri tidak menjalankan penyiasatan, mengapa?

Soal mahkamah membebaskan Rahim atas tuduhan rasuah adalah suatu hal lain yang tidak ada sangkut dengan sebab-sebab Rahim melepaskan pimpinan Pemuda dulu. Oleh itu Majlis Tertinggi Umno belum boleh membuat apa-apa keputusan tentangnya selagi dia tidak disiasat. Jika dia hendak dipulihkan atas isu polis tidak boleh menyiasatnya, maka Umno terlebih dahulu membatalkan semangat hendak menyiasatnya yang menjadi sebab dia disingkirkan dulu.

Sesudah dia tidak lagi menjadi Ketua Pemuda Umno, maka dia pun ditahan oleh Biro Pencegah Rasuah (BPR) atas tuduhan rasuah. Kes rasuah yang dihadapi ke atasnya dirasakan seperti sudah jatuh ditimpa tangga. Tohmah itu bukan suatu yang datang secara tiba-tiba. Sudah banyak percakapan dan aduan oleh pembangkang DAP kepada BPR mengenai perkara itu. Malah failnya sudah dibuka sejak sekian lama.

Bila BPR menahannya, tidak pula orang terkejut, malah ada orang yang menunggu perkara itu.

Yang menarik perhatian, mengapa baru selepas dia dilucutkan dari semua jawatan, baru dia ditahan. Mengapa tidak lama dulu, sedangkan tohmahan tadi bukan suatu yang baru.

Ada kemungkinan BPR dibenarkan bertindak, bukan kerana Rahim sudah tidak penting dan bukan lagi orang kerajaan, tetapi ada hubungannya dengan kes bermukah yang dihadapinya. Kes bermukah itu didiamkan dan kes rasuah ditimbulkan. Bila beberapa tuduhan

rasuah itu dikemukakan, sudah tentu ia mendapat liputan meluas. Dengan sendirinya kes bermukah tadi tenggelam.

Apabila Peguam Negara mengakui menemui maklumat baru yang tidak diumumkan, maka dakwaan rasuah tadi ditarik. Maka tidaklah ada apa lagi yang mahkamah hendak bicarakan. Maka dia pun bebas sedang kes bermukah dikatakan tidak ada kes.

Ada kemungkinan kes rasuah itu tidak akan timbul jika Rahim tidak dilanda oleh tohmahan bermukah. Kes rasuahnya dibangkitkan mungkin sebagai satu ikhtiar untuk mengalihkan isu skandal hawa nafsu itu. Ada kemungkinan ia dibawa ke mahkamah atas sebab politik atau dari awal ia sengaja dipolitikkan.

Kes itu dibawa ke mahkamah dan mungkin dari awal ia dirancang tidak dibicarakan. Adat yang tidak tersurat di Malaysia lazimnya tiada pihak dapat membawa pembesar ke mahkamah melainkan atas kemahuan Perdana Menteri. Sekalipun undang-undang tidak memerlukan syarat itu, tetapi politik di Malaysia seperti memastikan yang pendakwaan orang macam itu bukanlah suatu kebebasan Peguam Negara atau jabatan kejaksaan tetapi satu budi bicara Perdana Menteri. Tidak mungkin Rahim ditahan tanpa persetujuan Perdana Menteri.

Lepas itu Peguam Negara menarik tuduhan itu dan mahkamah pun bersurai. Hingga hari ini Peguam Negara tidak memberikan apa maklumat baru yang ditemui dan beliau pun jarang ada publisiti. Bolehkah selepas ini pendakwa raya menarik mana-mana kes yang dibawa atas alasan ada penemuan maklumat baru tanpa menyatakan butir maklumat itu? Lepas itu yang dituduh pun dibebaskan dan bersurai. Sandarannya ialah kes rasuah Rahim Tamby Chik.

Tetapi bolehkah isu rasuah itu mengalihkan isu bermukah tadi?

Manakala Datuk Harun pula lebih tertumpu kepada bagaimana dia wajar disingkirkan sebagai Ketua Pemuda dan Menteri Besar Selangor daripada tohmahan rasuah itu sendiri.

Jika dia didera atas sebab rasuah, maka tidak ada tawaran untuknya menjadi Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Datuk Harun sendiri memberitahu saya bahawa dia, pada satu hari didatangi oleh Datuk Micheal Chen, orang kanan MCA yang rapat dengan Perdana Menteri Tun Razak. Micheal membawa pesan yang pimpinan negara menawarkannya jawatan di PBB tadi.

Sama ada tohmah rasuah itu disebutkan oleh Micheal tidak pula dipastikan tetapi desas-desus Datuk Harun dikatakan menerima rasuah sudah tersebar luas. Sekali gus tanggapan semua pihak atas tawaran itu ialah satu kata dua kepada Datuk Harun iaitu terima jawatan di PBB atau ke mahkamah atas tuduhan rasuah.

Datuk Harun dan Pemuda Umno menolak. Tawaran itu dikira satu usaha menyingkirkan beliau sebagai Ketua Pemuda dan mahu menjauhkannya dari politik Umno dan negara. Kedua, dia tidak akan menjadi seorang diplomat yang bebas dan bermaruah selagi di tengukunya dibebankan dengan satu tohmah rasuah yang tidak dibersihkan. Sudah tentu diplomat PBB lambat laun akan mengetahui tohmah itu. Bagaimana Datuk Harun dapat menjadi wakil yang berwibawa dengan beban tohmahan itu?

Tun Hussein Onn, yang memegang jawatan Presiden Umno, dalam satu ucapan penggulungan di perhimpunan agung Umno menyebut tentang tawaran itu, yang menurutnya bertujuan untuk menyelesaikan isu itu secara dalaman, tetapi individu berkenaan, maksudnya

Datuk Harun, telah menyalah tafsir dan mempolitikkannya. Maka kerajaan tidak ada pilihan lain lalu bertindak terhadapnya melalui proses mahkamah.

Kenyataan orang lurus seperti itu memberi gambaran bahawa tindakan rasuah itu bukanlah kerana ketegasan Umno dalam perkara itu tetapi ia lebih berbentuk politik. Demi motif politik, maka undang-undang diletakkan di tempat yang kurang penting.

Banyak tuduhan dihadapkan kepada Datuk Harun. Ertinya kesalahannya terlalu banyak. Kalau semua tuduhan itu disabitkan, maka mungkin hukumannya lebih panjang dari usianya sendiri. Bagaimanapun Datuk Harun hanya didakwa atas tuduhan menerima wang dari sebuah bank. Wang itu dibuat selepas rundingan antara pihak bank dengan setiausaha Datuk Harun di pejabat setiausaha itu.

Bila dibicarakan ramai peguam mengira Datuk Harun akan terlepas kerana tidak ada kes. Tunku Abdul Rahman sendiri mengira, tidak ada kes. Sementara menunggu Hakim Raja Azlan membuat keputusan, saya bertemu seorang pegawai kanan mahkamah yang membicarakan kes itu. Dia kawan serumah semasa sekolah dulu. Sekarang dia seorang hakim. Saya minta pandangannya.

Dia berkata, "50-50". Yang akan menentukan Datuk Harun lepas atau diminta membela diri ialah atas satu perkara iaitu bagaimana wang yang bank bagi kepada pihak Datuk Harun dengan jumlah tersebut? Adakah jumlah itu diminta oleh orang Datuk Harun atau pihak bank sengaja memberi hadiah sebanyak itu. Pihak bank tidak ingat bagaimana sejumlah itu yang diberikannya. Orang Datuk Harun pun tidak ingat bagaimana jumlah itu yang timbul. Hakim terpaksa memutuskan sama ada jumlah itu diminta atau jumlah itu dibuat oleh pihak bank sendiri.

Katanya, kalau hakim berpendapat jumlah itu dicadangkan oleh orang Datuk Harun, maka Datuk Harun akan diminta membela diri dan dia akan kalah. Ke mana pun Datuk Harun pergi untuk merayu, dia akan kalah. Tetapi kalau hakim berpendapat bahawa pihak bank yang memutuskannya, maka kes itu akan ditolak. Ke mana pun pendakwa membuat rayuan, ia tetap kalah.

Saya kira dari pandangan itu, antara salah dan tidak salah, begitu nipis ibarat senipis kulit bawang. Saya pun menunggu keputusan. Hakim meminta Datuk Harun membela diri. Saya ikuti semua peristiwa, benar bagai yang diterangkan oleh kawan saya tadi. Datuk Harun didapati bersalah. Dia pergi sampai ke *Privy Council* membuat rayuan. Datuk Harun gagal.

Ramai pemimpin Umno tidak setuju Datuk Harun didakwa kerana tuduhan yang dikemukakan terhadapnya, jika disabitkan, adalah menyulitkan Umno dari segi moral. Pemberian atau penerimaan wang seperti itu, untuk tujuan politik, adalah amalan biasa Umno. Tiga orang yang pernah menjadi Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khir Johari, Tan Sri Syed Jaafar dan Tan Sri Senu Abdul Rahman telah memberi keterangan kepada mahkamah. Mereka mengakui bahawa adalah biasa bagi pemimpin Umno menerima hadiah seperti itu sebagai sumbangan kepada parti dan politik. Jika perkara seperti itu didakwa, maka tidak ada pemimpin Umno yang akan terlepas.

Untung juga kes itu dibicara dan dibela dalam suasana yang tidak sama dengan suasana perbicaraan kes yang dikemukakan oleh sebelas orang ahli Umno terhadap pemilihan pimpinan Umno antara Dr Mahathir dan Tengku Razalaeigh tahun 1987 dulu. Kalau suasana itu wujud ketika itu mungkin Umno sudah diharamkan atas sebab Umno biasa menerima sumbangan seperti yang berlaku terhadap Datuk Harun dan pemberian itu telah

menyebabkan Datuk Harun didapati salah dan dihukum kerana rasuah. Jika Datuk Harun disabitkan rasuah maka amalan Umno tadi juga boleh disabitkan rasuah. Parti yang rasuah wajar diharamkan.

Oleh kerana salah dan tidak salah Datuk Harun dipisahkan oleh dinding yang senipis kulit bawang, maka ia juga menentukan Datuk Harun terpaksa meninggalkan pimpinan Pemuda UMNO. Jika dinding senipis kulit bawang itu tersiat, mungkin oleh tiupan bayu, maka mungkin juga Datuk Harun akan kekal sebagai sebagai pemimpin lagenda Pemuda Umno.

Ada satu perkara lagi persoalan politik yang dikira mengapa Datuk Harun wajar disingkirkan dari kepimpinan Pemuda Umno dan Menteri Besar Selangor melalui berbagai-bagai rancangan.

Datuk Harun dan rakan-rakannya dalam Pemuda Umno pernah memberitahu saya bahawa Datuk Harun menolak permintaan saudagar Cina untuk membangunkan kawasan antara Kuala Lumpur dan Kajang iaitu Cheras, sebagai kawasan perumahan yang berprestasi.

Rancangan memajukan kawasan itu sudah tentu secocok dengan selera MCA dan DAP. Ia mungkin juga satu rancangan orang-orang Hong Kong atau Taiwan demi rancangan jangka panjang politik masing-masing. Tun Razak sendiri telah bercakap dengan Datuk Harun mengenai perkara itu. Datuk Harun memberikan keterangan mengapa perkara itu terpaksa ditolakny.

Tetapi jika Perdana Menteri memutuskan ia patut dipersetujui, maka Datuk Harun tidak ada pilihan walaupun perkara itu adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Selepas itu Tun Tan Siew Sin, Menteri Kewangan ketika itu, telah datang sendiri ke pejabat Datuk Harun merayunya supaya menerima rancangan tersebut. Datuk Harun menerangkan mengapa dia menolak.

Datuk Harun bertanya Tun Tan, adakah dia mahu



melihat Perikatan kalah di Selangor? Dalam pilihan raya umum tahun 1969, pengundi Cina kebanyakannya tidak menyokong Perikatan. Mereka memberikan undi kepada pembangkang sama ada Gerakan, DAP atau PPP. Jika kawasan itu dibangunkan sebagai kawasan perumahan, orang Melayu tidak berupaya untuk membelinya, maka pembinaan rumah yang banyak dan mewah itu akan menjadi satu rancangan politik untuk mengalahkan calon Melayu dan calon bukan Melayu yang pro-Melayu.

Umno dan Perikatan Selangor sudah kalah dalam pilihan raya itu. Jika kawasan bukan Melayu ditambah, tidak ada jaminan calon MCA boleh menang. Maka rancangan itu akan mengalahkan Umno dan orang Melayu di Selangor.

Tun Tan Siew Sin tidak mampu berhujah dengan Datuk Harun dan jika itu alasannya, maka Tun Tan kononnya mengaku di hadapan Datuk Harun yang dia tidak mahu dilihat sebagai orang yang merancang meng-hakis kuasa oleh Melayu dan Umno di Selangor.

Ada tanda-tanda bahawa pandangan Datuk Harun itu tidak dapat dipisahkan dengan pandangan Pemuda Umno. Ia dikira sebagai satu pendirian nasionalis oleh Umno tetapi regu Perikatan yang kemudiannya menjadi Barisan Nasional merasa bahawa Datuk Harun dan Pemuda Umno adalah bapa perkauman Melayu yang ekstrimis dan anti-kaum lain. Demikian Pemuda Umno terlalu banyak bercakap tentang bangsa Melayu.

Adakah sama zaman itu dengan zaman Rahim-Nazri? Jika ada persamaan antara Datuk Harun dan Rahim mungkin dalam karenah politik naib masing-masing. Datuk Nazri yang dilihat sebagai calon yang wajar menggantikan Rahim tiba-tiba enggan menerimanya. Dia berusaha keras memulihkan Rahim dan menyerahkan pimpinan itu. Mati-mati dia tidak mahu menjadi ketua. Biarlah diteruskan oleh Rahim.

Datuk Harun juga demikian. Datuk Musa Hitam muncul sebagai naib yang berwibawa. Bila-bila masa Datuk Musa boleh menggantikannya. Bila Datuk Harun mendapati kerusinya panas dan dia juga mungkin mula tidak mahu lama, dia bercadang untuk menyerahkan kepimpinan itu kepada Datuk Musa. Tetapi Datuk Musa lebih suka menjadi ahli Majlis Teringgi Umno yang biasa macam Nazri sekarang. Ada tanda-tanda Datuk Harun sangat kecewa dengan keputusan Datuk Musa itu.



“

Apa kami dapat kalau Datuk Zahid menang sedang dia belum jadi menteri? Apa Tan Sri Isa Samad boleh bagi kalau dia yang diundi? Dan Annuar Musa boleh bagi apa pada Pemuda jika dia jadi Ketua Pemuda

”



# 7

---

## SIAPA MAMPU BETULKAN AGENDA PEMUDA?

**K**etika Syed Hamid Albar menawarkan diri untuk menjadi Ketua Pemuda apabila ia dikosongkan oleh Datuk Najib, beliau telah membangkitkan pentingnya peribadi seseorang pemimpin dalam menentukan arah perjuangan dan hala tuju organisasi.

Apakah Syed Hamid sendiri mempunyai kekuatan pribadi yang tidak dapat dipersoal, tidaklah berbangkit. Tetapi ingatan beliau itu dibuat memandangkan adanya calon popular yang diterima oleh regu Wawasan iaitu Tan Sri Rahim Tamby Chik. Bagaimanapun ingatan Syed Hamid itu tidak dihiraukan oleh Pemuda.

Syed Hamid lalu diberi kata dua: Bertanding Ketua Pemuda yang bererti kalah semua atau bertanding kerusi

Majlis Tertinggi saja dan menang?

Syed Hamid bukan sekadar tidak disokong oleh seluruh Pemuda sebagai calon Ketua Pemuda, malah dia juga tidak akan mendapat undi dari aktivis Pemuda dalam pertandingan merebut kerusi Majlis Tertinggi. Tetapi jika Syed Hamid hanya bertanding kerusi Majlis Tertinggi, melupakan terus hasrat untuk menebus kekalahannya di tangan Anwar Ibrahim bagi jawatan Ketua Pemuda beberapa tahun sebelum itu, Pemuda akan memastikan beliau mendapat undi yang baik.

Sama ada ia satu kata dua atau peras ugut, Syed Hamid terpaksa memilih yang kedua iaitu kerusi Majlis Tertinggi dan dia dapat kedudukan yang agak baik. Terima kasih atas nasihat Pemuda Umno. Tetapi ingatan Syed Hamid tentang pribadi calon pimpinan Pemuda benar-benar menjadi masalah besar Pemuda Umno selepas ia berketuakan Rahim dan yang mungkin mengorbankan politik pemimpin besar Umno sendiri.

Pemuda sendiri pada peringkat awalnya tidak ada sikap yang jelas tentang corak pimpinan yang mereka kehendaki. Datuk Najib tidak memandu secukupnya akan corak kepimpinan yang patut ada bagi Pemuda. Bila beliau mahu mengosongkan jawatan itu, maka ia seolah-olah ditinggalkan kosong.

Maka pimpinan Pemuda seolah-olah ditentukan oleh Pasukan Wawasan yang muncul sebagai satu parti dalam parti untuk menentukan pimpinan Umno dari Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan ketua sayap Pemuda dan Wanitanya. Bila isu peribadi pimpinan dibangkitkan, tidak siapa peka mengenainya.

Mungkin pengaruh pimpinan Datuk Najib sebelum itu, atas sebab-sebab yang dia tahu dan orang pun tahu, peribadi dan maruah tidak menjadi sebahagian dari keprihatinannya. Sekalian bilangan penagih dadah melanda masyarakat remaja, keruntuhan moral, wabak

bohsia, gadis meninggalkan rumah menjadi satu masalah besar masyarakat, Pemuda belum menjadikannya sebagai perkara yang mesti ditangani sebagai satu agenda yang serius. Tidak ada kepekaan Pemuda atas soal peribadi golongan remaja. Orang tidak dapat menerima mengapa hal itu tidak menjadi pertimbangan keprihatinan Pasukan Wawasan.

Pasukan Wawasan diketuai secara tidak rasmi oleh seorang yang diketahui sebelumnya peka dan cermat dalam soal peribadi dan syakhsiyyah. Bagaimana ia tidak diambil kira dalam menentukan calon Pasukan Wawasan tidak dapat diterima. Malah atau mungkin kerabat Wawasan itu sendiri masing-masing memiliki syakhsiyyah dan peribadi yang berwarna warni menyebabkan Syed Hamid yang tidak dimasukkan dalam senarai Pasukan Wawasan saja yang sedar betapa pribadi adalah perkara penting.

Bagi Pasukan Wawasan ketika itu, yang penting adalah kemenangan dan peribadi tidak wajar dibangkitkan pada ketika pemilihan berjalan rancak. Mungkin penapisan kemudiannya, sesudah menang, baru isu peribadi akan diambil kira. Tetapi bagaimana masalah pribadi yang baik dan akhlak yang sempurna dapat dijadikan agenda Pemuda jika ia tidak dipimpin oleh orang yang berperibadi mulia?

Rahim memiliki kisah peribadi yang tidak perlu dan tidak tergamak untuk diceritakan. Sama ada sebelum dia disiasat dan selepas dia disiasat, ia diketahui orang. Cuma yang orang belum tahu ialah rakan-rakannya dalam Pasukan Wawasan yang belum disiasat. Belum tahu bersih atau tidak bersih? Manakala Rahim sendiri sebelum disiasat orang tahu dan selepas disiasat pun orang tahu juga. Apa yang orang tahu? Ialah apa yang Rahim tahu.

Apa matlamat regu Pasukan Wawasan tidak begitu



jelas bagi orang ramai. Tentunya ia adalah program yang nantinya akan diisi sepenuhnya dan dijelaskan sepenuhnya oleh Pemuda Wawasan yang dipimpin oleh salah seorang regu pimpinan Wawasan. Setakat ini orang hanya memikirkan tentang Wawasan 2020 Dr Mahathir.

Jika Pemuda dan Pasukan Wawasan ada wawasan, maka Pemuda adalah antara yang lantang dan agresif untuk mengisinya. Jika Pemuda sendiri lesu, maka seluruh masyarakat tidak akan mengenali apa obor yang Pasukan Wawasan bawa. Tetapi belum sempat isi dan arah wawasan itu dijadikan agenda oleh Pemuda, maka Pemuda telah berhadapan dengan isu peribadi Rahim.

Wawasan entah ke mana, Pasukan Wawasan juga tidak diketahui wujud atau sudah tidak wujud lagi dan Pemuda sendiri tidak tentu arah apa yang patut dibuat dan ke mana hendak dituju?

Mula-mula Pemuda Umno menghabiskan masa membincangkan untuk menghentikan Rahim dari menjadi Ketua Pemuda. Habis masa dan tenaga untuk mengetepikannya dan menyelesaikan perkara itu. Penyingkiran Rahim menimbulkan implikasi politik yang mendalam. Bukan sekadar Pemuda berterabur, Umno dan kepimpinan Dr Mahathir pun ikut bercempera. Esoknya perkara itu agak reda, Pemuda Umno habis masa pula membincangkan sama ada Rahim patut balik jadi ketua Pemuda atau tidak? Dalam masa dua tahun ini pemimpin Pemuda asyik berpusing ke sana sini untuk membincangkan patutkah Rahim jadi calon lagi atau tidak.

Ertinya dari mula penggal Rahim memimpin hinggalah ke tahap pemilihan semula Ketua Pemuda Umno Oktober 1996 nanti, agenda Pemuda Umno ialah tentang peribadi Rahim.

Apabila masa habis kerana menghadapi soal peribadi Rahim, maka Pemuda Umno sudah tidak pasti lagi

akan program dan agenda perjuangannya. Apa pendiriannya tentang keruntuhan moral remaja yang belum terusik? Bagaimana dengan masalah remaja dalam soal penagih dadah? Nampaknya ia hampir menjadi masalah Datuk Megat Joned dan Pemadam saja. Hingga akhirnya ini Datuk Megat Joned sudah mengeluh betapa Pemadam tidak terdaya menyekat ledakan bertambahnya remaja menagih.

Dan apa yang memeranjatkan, dengan dasar dan undang-undang negara yang tegas tentang dadah, tiba-tiba laporan CIA (Amerika) menyebut bahawa Malaysia menjadi pusat pengagihan atau lalu lalang perdagangan dadah.

Walaupun Amerika tergesa-gesa menjelaskan erti laporan itu bagi mengelakkan kekeliruan dan menjerubukan hubungan antara dua negara, tetapi laporan CIA itu tidak dipadam dan tidak ada perhatian dari mana-mana pihak di Malaysia. Ia adalah satu lagi sindiran dan kritik terhadap program anti-dadah Malaysia.

Apa yang Pemuda Umno sempat buat atas soal itu? Sebelumnya Nazri cergas dengan soal isu antarabangsa. Tetapi kerana beliau sibuk dengan isu Rahim, maka tidak nampak dia mengambil tahu tentang Chechnya dan lain-lain. Apa yang patut dibuat dengan ketegangan antara Beijing dan Taiwan? Adakah Pulau Spratley patut diserahkan pada Vietnam atau biar ia diduduki oleh China yang bercempera bila perang meletus antara dua puak China itu?

Pemuda langsung tidak berbunyi tentang Akta Pendidikan 1996. Sekarang Pemuda yang dipimpin oleh Rahim sibuk dengan siapa patut jadi calon yang Pemuda patut sokong. Rahim mungkin akan menjadi calon. Habis lagi masa Pemuda membincangkan untuk menyokongnya atau tidak?

Rahim mula-mula mahu berkhidmat sementara

menamatkan penggalnya saja. Kini sudah ada keghairahan untuk mempertahankan kedudukan. Percubaan sudah pergi jauh untuk mendapatkan sokongan supaya beliau dicalonkan semula.

Rahim membawa isu bahawa Presiden Umno masih mahukan beliau. Sepatutnya, memandangkan dia sudah terbuang dengan tohmah yang tidak mudah dibasuh, dia sudah tidak mungkin berada lagi di tengah gelanggang politik yang aktif. Tetapi kerana Presiden menilai dan menghargai perjuangan dan jasanya dalam Umno dan negara, maka Dr Mahathir mahu dia kembali dan menjadi Ketua Pemuda semula.

Adalah benar Pemuda sudah menolaknya tetapi Presiden Ummolah yang merencanakan jalan-jalan yang liku-likunya membawa Rahim menjadi Ketua Pemuda Umno semula. Inilah modal besar Rahim. Tidak ada siapa dapat menghalang kemahuan Dr Mahathir hingga Tun Daim keluar dengan satu tulisan "tiada lagi orang Melayu berani menegakkan kebenaran." Hatta dalam Majlis Tertinggi Umno itu sendiri tidak ada orang yang berani untuk membantah kemahuan Dr Mahathir memulihkan Rahim walaupun di situ ada yang berjawatan Timbalan Presiden Umno dan naib-naibnya yang banyak.

Rahim tidak merasa malu menyatakan yang dia adalah bersih. Beberapa tulisan dari orang-orang di sekeliling kuasa Umno menggatakan tangan untuk mengulas kedatangan semula Rahim yang mendakwa bersih dibandingkan dengan lain-lain orang yang belum disiasat. Kesemua tulisan itu menyindir perkembangan itu. Kesemua suara itu menyatakan pribadi adalah penting dan di mana maruah Umno dalam menghadapi ulang tahunnya yang didakwa 50 itu? Adakah isu peribadi hanya difikirkan oleh dua tiga kerat orang Umno yang jarang bersuara dan duduk di belakang saja tetapi tidak menjadi agenda dan wawasan pemimpin-pemimpin utamanya?

Isu peribadi Rahim dan tuduhan rasuah yang tidak diselesaikan secara beradab, menyebabkan orang berkeyakinan bukan sekadar Rahim dan Pasukan Wawasannya dulu tidak ada sebarang perjuangan, malah Umno dan kerajaan yang dipimpinnnya pun tidak ada wawasan dan perjuangan.

Ia mengutarakan satu perjuangan Bersih, Cekap dan Amanah.

Adakah kepimpinan Rahim, Pemuda dan mengembalikannya memimpin Pemuda mencerminkan Bersih, Cekap dan Amanah satu perjuangan atau satu propaganda? Ia mengutarakan Kepimpinan Melalui Teladan. Adakah pemimpin, kerajaan, parti yang memerintah sudah mengisi perjuangan itu? Ia mahu Membela Rakyat. Dengan soal tanah di Melaka semasa Rahim dan penglibatannya dengan kanak-kanak sekolah dan ditatang lagi oleh Presiden Umno, adakah Pemuda sudah membela rakyat atau membala rakyat? Ia mahu menghapuskan kemiskinan, tetapi yang ternampak seolah-olah mahu menghapuskan orang miskin.

Dalam bentuk yang ada, Rahim dan Pemuda berjaya mewujudkan Pemuda yang menimbulkan banyak persoalan.

Apa masing-masing boleh dapat kalau Rahim memimpin lagi?

Apa kami dapat kalau Datuk Zahid menang sedang dia belum jadi menteri? Apa Tan Sri Isa Samad boleh bagi kalau dia yang diundi? Dan Annuar Musa boleh bagi apa pada Pemuda jika dia jadi Ketua Pemuda? Itulah perjuangannya.



“

Apa kami dapat kalau Datuk Zahid menang sedang dia belum jadi menteri? Apa Tan Sri Isa Samad boleh bagi kalau dia yang diundi? Dan Annuar Musa boleh bagi apa pada Pemuda jika dia jadi Ketua Pemuda

”



# 8

---

## **KISAH PEGUAM NEGARA DAN PENDETA KRISTIAN: MENUNGGU FILEM TERBARU YUSUF HASLAM**

**S**udah tentu dari segi logik dan kewajarannya Pemuda Umno wujud untuk menegakkan keadilan baik ia dinyatakan atau pun tidak. Hanya kongsi gelaplah yang wujud dan ditubuhkan untuk melawan keadilan.

Justeru itu perjuangan menegakkan keadilan oleh Pemuda Umno teruji apabila ketuanya Tan Sri Abdul Rahim menghadapi dua tohmah, terbabit dengan skandal jantina dengan budak sekolah di negerinya sendiri dan dituduh rasuah.

Maka dia pun dibenarkan berehat dari politik bagi mendapatkan pembelaan dari segi undang-undang. Menegakkan keadilan untuk Rahim itu termasuklah juga dalam bidang tanggungjawab perjuangan Pemuda



Umno walaupun segala kos ke mahkamah ditanggung sendiri oleh Rahim. Presiden Umno adalah pihak yang paling bertegas untuk melihat Rahim diadili dan dibersihkan keadilan.

Bila teringatkan proses keadilan, maka saya selalu teringat akan cara dan kaedah pendeta agama utama orang-orang Eropah mengadili para pengikut agamanya untuk mendapatkan keampunan. Sama ada dosa seseorang dinyatakan atau pun tidak, pendeta boleh bagi pihak Tuhan mengampunkan sebarang dosa dan dia juga boleh menjual lot di syurga. Justeru itu pendeta boleh menentukan bayaran pengampunan itu mengikut besar kecilnya dosa seseorang dan menentukan bayaran mengikut besar mana lot syurga yang ditempah.

Maka datang satu hari seorang hartawan Yahudi menemui seorang pendeta yang mengamalkan budaya itu. Yahudi itu mengaku banyak dosa. Dia tidak datang untuk minta diampunkan, tetapi minta supaya diizinkan membeli neraka.

Pendeta tidak pernah menjual neraka. Tetapi Yahudi yakin pendeta ada hak menjual neraka kerana dia sudahpun mengampunkan sekian ramai orang dan telah banyak menjual lot syurga kepada pengikutnya. Yahudi bersetuju membayar banyak mana sekalipun harga yang diletakkan oleh pendeta.

Maka bersetujulah pendeta menjual neraka kepadanya dengan menyerahkan gerannya. Yahudi pun mengumumkan kepada sekalian yang percayakan adanya neraka di alam akhirat bahawa neraka telah menjadi miliknya. Dia tidak membenarkan sesiapa pun masuk ke neraka. Oleh itu bolehlah dan bebaslah sesiapa untuk membuat dosa dan mereka tidak akan dimasukkan ke neraka kerana neraka yang dimilikinya itu dilarang untuk semua orang selama-lamanya.

Demikianlah senangnya manusia membersihkan

dosa seseorang dan membebaskannya dari sebarang hukuman.

Apakah Pemuda Umno juga dapat menerima cara pendeta dan Yahudi tadi mengendalikan keadilan. Masalah Pemuda Umno dan Rahim tidaklah sama dengan kisah penganut agama Eropah itu, tetapi cara Rahim bebas dari segala tohmah jenayah dan politik hampir semudah paderi menangani orang-orang bawahnya.

Presiden Umno mahu Rahim diadili. Pemuda menyetujuinya.

Tidak ada sesiapa membantah dan mencegah. Tetapi adakah penyiasatan dan keadilan sudah terlaksana?

Kesnya dengan gadis sekolah yang baru mumayyiz rupanya tidak disiasat jika keterangan pegawai polis Melaka dapat dipakai. Polis itu memberi keterangan dalam kes Lim Guan Eng bahawa budak sekolah itu mengaku Rahim ada hubungan sulit dengannya tetapi siasatan tidak diadakan kerana budak itu tidak membuat aduan. Justeru itu polis tidak mengambil apa-apa tindakan.

Yang anehnya budak itu ada masa dan inisiatif pula untuk membuat aduan terhadap beberapa orang budak jantan yang ada hubungan dengannya. Dan mengapa dia tidak mendapat ilham untuk mengadukan hal Rahim, sedang perkara Rahim tadi telah menjadi heboh sedangkan hubungan dengan budak-budak jantan itu tidak siapa tahu?

Apa yang dia dapat selain dari malu bila mengadukan perkara budak-budak jantan itu? Elok orang tidak tahu, dengan membuat aduan itu orang jadi tahu. Sikap budak itu bukan sekadar memalukan dirinya lagi tetapi membebaskan lagi penderitaan batin keluarganya. Lazimnya payah budak perempuan Timur itu bersikap demikian, tetapi berlaku atas budak itu.

Mengapa Rahim tidak diadukan? Mungkin juga

dia sayangkan Pemuda Umno. Adakah Rahim telah membuat penyelesaian sebelum ia diadakan? Dia hanya menceritakan kepada polis dan sebenarnya, kalau polis tidak ada keghairahan untuk menyiasat, mengapa pula polis boleh mengorek cerita hingga budak itu memberitahu polis akan pembabitkan Rahim? Dan orang juga boleh bertanya tentang apa pula hubungan Rahim dengan polis.

Presiden Umno dan Pemuda Umno mahu siasatan dilakukan atas Rahim, tetapi polis tidak membuat siasatan rasmi. Umno dan Pemuda sendiri pun tidak juga menjalankan penyiasatan. Setakat ini yang rajin menyiasat tentang Rahim ialah Lim Guan Eng dari DAP.

Tiba-tiba gempar seluruh negara kerana kes dengan budak perempuan itu belum selesai, Rahim ditahan pula oleh polis atas tuduhan rasuah. Isu rasuahnya itu sudah tersebar lama, tetapi tiada sebarang tindakan. Tiba-tiba saja BPR bertindak setelah Rahim tidak lagi menjadi Ketua Menteri dan Ketua Pemuda.

Tuduhan rasuah itu tidak ada kena mengena dengan tindakan Pemuda Umno terhadapnya. Dia sudah berhenti dari menjadi Ketua Melaka dan Ketua Pemuda Umno baru dia ditahan oleh BPR. Memang telah lama disebar tentang tohmah rasuah terhadapnya. Selain dari ada aduan pada BPR, juga ada anggota parlimen membangkitkan hal itu. Dan masyarakat pun agak tahu tentang adanya perhatian dari BPR atas perkara itu.

Malah pernah ada khabar angin yang kencang yang beliau akan diberkas bila-bila masa saja. Tetapi tidak ada apa-apa yang berlaku hinggalah dalam keadaan dan latar belakang seperti itu Pemuda Umno menerimanya menjadi ketua di samping kekal sebagai Ketua Menteri Melaka.

Dia hanya diberkas BPR setelah dia tidak lagi menjadi Ketua Menteri dan Ketua Pemuda. Mengapa?

Mungkin ketika seseorang itu sudah tidak berpangkat baru BPR bebas bertindak? Dan mengikut kebiasaannya seseorang yang berkedudukan seperti Rahim, BPR tidak mudah bertindak. Semacam ada peraturan yang menghendaki persetujuan dari Perdana Menteri untuk mengenakan sebarang tindakan kepada orang-orang berkedudukan.

Apakah BPR bertindak sendiri atau ia sudah mendapat lampu hijau dari Perdana Menteri untuk menahan Rahim, tidak dapat dipastikan. Tetapi BPR begitu gagah memberkasnya dan Rahim pun turun dan naik mahkamah kerananya.

Keadaan kelihatan begitu bersungguh. Rahim bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga. Bila dia diberkas, seolah-olah satu tindakan drastik telah diambil terhadapnya. Akhbar pun terus menerus mengeluarkan berita buruk mengenainya saja. Dan masa itu jugalah Peguam Negara membuat pengumuman tentang beberapa pemuda ditahan kerana dikatakan ada hubungan sulit dengan budak sekolah yang dilibati Rahim itu. Walaupun jarang berlaku Peguam Negara membuat kenyataan macam itu tetapi ia berlaku dalam negara kita pada ketika itu.

Maka tiadalah yang dapat memikirkan bahawa kerajaan tidak serius mengenainya. Orang pun berkata bahawa tegas sungguh Umno sekarang.

Rupa-rupanya apa yang berlaku adalah satu sandiwara yang baik untuk difilemkan. Peguam Negara telah mendedahkan suasana dan kepincangan dalam sistem keadilan kita dan wajah Jabatan Peguam Negara itu sendiri.

Ada kemungkinan Rahim diseret ke mahkamah atas kes rasuah itu untuk memudahkan tindakan politik diambil untuk mengembalikannya sebagai Ketua Pemuda. Peguam Negara datang ke mahkamah satu hari untuk menarik balik semua tuduhan rasuah atasnya atas

alasan ada maklumat baru. Maklumat itu belum dijadikan maklumat. Dirahsiakan. Tetapi dengan alasan itu menjadi meja hakim kosong. Sudah tidak ada kes Rahim yang hendak dibicarakan. Bebaslah Rahim.

Bila Rahim bebas dari tuduhan rasuah dan dia tidak pula disiasat atas kes yang pertama maka dia sudah terasa menjadi orang bersih. Dia pun fikir dan percaya dia bersih. Macam bersihnya penganut agama utama Eropah yang diampunkan oleh para pendetanya.

Bukankah ia bahan filem yang baik bagi karyawan filem Yusuf Haslam atau serahkan saja ia kepada mana-mana pengarah filem Hindustan? Karyawan filem Hindi sangat gemar kepada cerita polis dan hakim yang mengabaikan tugas keadilan - polis boleh dibeli, pendakwa boleh dibeli, hakim dan menteri pun boleh dijual beli - maka akhirnya apabila masyarakat tidak percaya pada undang-undang dan keadilan yang umat manusia fahami, lalu hero filem bertindak sendiri menggunakan undang-undang belantara untuk menegakkan keadilan.

“

Rahim dikira orang yang dibela oleh Dr Mahathir. Annuar sendiri mahu merebut kedudukan sebagai orang yang direstui oleh Dr Mahathir. Bagaimana boleh ada dua calon Dr Mahathir bagi satu masa dan satu jawatan?

”



# 9

---

## SIAPA KETUA BARU PEMUDA?

**S**ehingga hujung Mac 1996 baru dua orang saja yang menyatakan sedia untuk bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda Umno, iaitu Datuk Zahid Hamidi dan Tan Sri Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Tetapi adalah diduga menjelang Oktober - waktu pemilihan - empat calon dipercayai bertanding. Dua calon lagi itu ialah Tan Sri Rahim sendiri dan Datuk Annuar Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Datuk Zahid telah mengisytiharkan dari awal lagi bahawa beliau akan bertanding sekiranya Datuk Nazri Aziz enggan bertanding. Pada peringkat awal semacam ada persetujuan dari Pemuda mahukan supaya Ketua Pemuda datangnya dari kalangan anggota Exco Pemuda sendiri.



Keputusannya kira-kira: jika Nazri menolak, maka calon mereka ialah Datuk Zahid. Zahid tidak bertanding jika Nazri bersedia. Tetapi Nazri telah menyatakan yang dia tidak berminat. Oleh itu dengan sendirinya Zahidlah calon tunggal dari kalangan aktivis Pemuda.

Zahid agak tegas. Sekalipun nanti Rahim membuat keputusan untuk bertanding, Zahid tetap bertanding dan dia mendakwa bahawa dialah calon dari kalangan Pemuda. Hal ini telah diumumkan.

Ini menyebabkan Rahim belum membuat pengumuman yang beliau akan bertanding. Bagaimanapun Rahim terus meninjau peluang-peluang untuk bertanding. Rahim menemui orang-orang yang setia kepadanya dan bekerja untuk menyokongnya. Ada tanda-tanda dia akan membuat pengumuman untuk bertanding di saat-saat akhir kerana setakat ini beliau mendakwa bahawa Dr Mahathir mahu beliau memimpin Pemuda.

Walaupun pada mulanya dia menyatakan yang dia tidak berhasrat untuk kembali memimpin tetapi hanya mahu menghabiskan baki tempoh pimpinannya, apa yang berlaku ialah dia sebenarnya berminat. Platformnya ialah dia telah dianiayai dan Dr Mahathir telah membuka jalan baginya untuk datang semula memimpin. Ini dijadikan hujah yang Dr Mahathir mahukan dia. Dia dirasakan sebagai calon yang mendapat sokongan Dr Mahathir dan dengan sendirinya Zahid dirasakan sebagai calon bagi pihak Timbalan Presiden.

Tiba-tiba Tan Sri Isa Samad masuk campur yang beliau pun ingin mencuba sekali lagi jika ada pencalonan. Dalam percubaannya bagi mengisi tempat yang dikosongkan oleh Datuk Najib dulu, dia sebagai orang yang tidak disenaraikan dalam Pasukan Wawasan dan tidak pula dari aktivis Pemuda hanya kalah kecil dengan Rahim. Undi yang diperolehinya itu agak baik dan memejatkan.

Hasrat Isa telah disambut segera oleh Roslan Kasim yang sebelum ini dirasakan penyokong Zahid memandangkan siapa dia sebelum menjadi ahli Umno. Roslan telah memberikan sokongan kepada Menteri Besar Negeri Sembilan itu jika beliau bersungguh.

Dan dia memang bersungguh-sungguh. Isa akan menjadi calon dan adakah dia akan dapat semula undinya dulu? Isa tidak sukar untuk dapat undi lamanya pada 1993 dulu jika calon lawannya masih Rahim. Undi lamanya dulu adalah orang yang menolak Rahim. Malah dengan masalah yang dihadapi oleh Rahim sekarang, Isa juga boleh mendapat sebahagian dari penyokong Rahim dulu.

Tetapi bila yang bertanding kini bukan Rahim saja, maka penyokong Rahim yang sudah tidak setia mungkin menyokong calon lain selain dari Isa. Tetapi kedatangan Isa boleh pula mengurangkan undi yang sepatutnya pergi kepada Zahid. Sekurang-kurangnya undi Negeri Sembilan lebih banyak memihak kepada Isa daripada orang lain.

Jika dalam keadaan yang ada, sekiranya Rahim tidak bertanding maka kedudukan Zahid adalah terganggu. Bagaimanapun orang yang selama ini sangat berminat untuk jawatan itu ialah Annuar Musa. Beliau telah lama inginkanya, malah sejak di zaman Datuk Najib lagi. Jika ditakdirkan ada orang yang mahu mencabar Najib dulu, maka orangnya tidak lain daripada Annuar sendiri. Tetapi Datuk Najib ketika itu adalah terlalu gagah untuknya.

Peluang bagi Annuar cerah apabila Rahim menghadapi musibah. Malah Annuarlah calon yang berpotensi jika Rahim tidak dipulihkan. Belum tentu Nazri boleh menang jika ditakdirkan mereka berlawan satu sama satu.

Malah ada yang mengira bahawa usaha Nazri untuk memulangkan jawatan itu kepada Rahim adalah satu helah politik untuk memerangkap Annuar jika Annuar cuba mengambil jawatan itu.

Annuar sudah lama bekerja menemui ketua-ketua Pemuda bahagian dan melobi mereka. Annuar mengunjungi rumah mereka dan ramai dari mereka mendapat faedah dari pengaruh politik yang ada pada menteri itu. Banyak peluang perniagaan di bawah kementeriannya dan ramai juga orang yang boleh mendapat rezeki dari peluang yang ada.

Oleh itu orang nampak Annuar adalah calon yang berpotensi sekalipun ia berhadapan dengan Nazri atau Zahid. Kedua-duanya, Nazri dulu dan Zahid, dikira budak-budak jongos Timbalan Presiden. Jika kedua-dua Dr Mahathir dan timbalannya dapat dilaga-lagakan, maka ia akan menyulitkan sesiapa saja yang bersama timbalan. Malah timbalan itu sendiripun sulit.

Pada peringkat awal Annuar begitu cemas melihat Rahim dipulihkan. Rahim dikira orang yang dibela oleh Dr Mahathir. Annuar sendiri mahu merebut kedudukan sebagai orang yang direstui oleh Dr Mahathir. Bagaimana boleh ada dua calon Dr Mahathir bagi satu masa dan satu jawatan?

Tetapi kini telah jelas bahawa Rahim tidak begitu mudah menarik perhatian orang sekalipun Dr Mahathir tidak menyebut yang dia adalah calon lain. Sekalipun Dr Mahathir memberi sokongan terbuka kepada Rahim, belum tentu Rahim boleh diterima oleh Pemuda yang dari awal telah memnbuat keputusan menolak kedatangannya semula tanpa pemilihan.

Annuar sudah nampak bahawa Rahim tidak menjadi pilihan utama Dr Mahathir. Kalaupun beliau ingin melihat Rahim menang, tetapi Dr Mahathir tidak berani untuk pergi setapak lagi menyokong Rahim kerana

perbuatan itu boleh menyusahkan dirinya yang juga agak banyak binasa kerana mengembalikan Rahim melalui dikri tanpa mengendahkan langsung aspek keadilan, maruah dan sebagainya. Dr Mahathir mengelak dari imej yang dia boleh elak.

Inilah yang menguntungkan Annuar yang kononnya orang yang disokong oleh Dr Mahathir. Annuar nampak kini Rahim tidak ada kekuatan. Isa sendiri duduk di tempat ketiga kalau Annuar datang. Dan Annuar berasa senang kerana dengan keadaan yang ada, dia boleh meletakkan Zahid di tempat kedua.

Ada maklumat Annuar kini mendapat sokongan dari Nazri yang kepentingannya hanya bagaimana mahu menang sebagai Ahli Majlis Tertinggi saja. Nazri mahu melihat Menteri Besarnya Ramli Ngah Talib menjadi Naib Presiden.

Jika bekerjasama dengan Annuar memungkinkan dia dan Ramli memperoleh semua undi Kelantan, maka apa salahnya Nazri memberikan kerjasama kepada Annuar. Adalah sulit bagi Nazri melobi orang Perak supaya menyokong Annuar, tetapi Nazri masih ada kenalan di negeri-negeri lain.

Kegiatan Nazri seperti ini kiranya benar akan menyulitkan Zahid. Zahid mengharapkan Pemuda padu. Tetapi setakat ini perpaduan Pemuda itu telah dirasakan mulai longgar apabila Roslan Kassim membawa Menteri Besarnya dan Nazri pula tidak dapat dipastikan setuju dengan Pemuda mesti dipimpin oleh kalangan Pemuda juga.

Nazri buat waktu singkat ini tidak mahu dilihat sebagai orang yang lain dari kumpulan Dr Mahathir. Maka ia akan mengelak dari apa juga yang boleh ditafsirkan menyokong orang lain. Dia mesti bersama dengan Dr Mahathir sekurang-kurangnya dalam masa setahun setengah ini. Maka dalam keadaan ini pilihannya adalah

Annuar, bukan Zahid.

Timbalan Presiden sendiri dalam suasana ini tidak mahu ada kejadian yang boleh ditafsirkan dia berlawan dengan Dr Mahathir. Seluruh perhatian Umno kini ialah bagaimana hendak mengambil semula Kelantan dari pengaruh PAS dan Semangat 46.

Kelantan dirampas dari PAS dulu atas projek menjadikan orang Kelantan sebagai bakal Perdana Menteri. Umno mengemukakan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai tokohnya. Umno menjadikannya Naib Presiden Umno malah menjadi calon Timbalan Presiden. Dengan politik itu motivasi Umno meningkat dan memang akhirnya ia dapat menawan Kelantan.

Oleh itu Umno mahukan seorang dari Kelantan yang boleh ditonjolkan sebagai tokoh penting Umno dan satu hari nanti akan menjadi tokoh penting negara. Dengan ini motivasi rakyat Kelantan akan meningkat. Maka oleh itu Kelantan dapat diambil semula.

Dengan modal inilah Annuar menyertai pertandingan jawatan Ketua Pemuda Umno.